

BAB 6 CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

SINOPSIS

Pembentukan Malaysia memberikan kesan besar terhadap proses pembinaan negara bangsa. Selepas pembentukan Malaysia, negara menghadapi pelbagai cabaran. Antara cabaran utama termasuklah pemisahan Singapura, ancaman komunis, isu pembangunan dan ekonomi serta tragedi hubungan antara kaum.



SINGAPORE BREAKAWAY

Full text of Speech by
the Hon'ble the Prime Minister,
Tunku Abdul Rahman,
in the House of Representatives
on 9th August, 1965.



So, I believe the second course of action which we think that is the breakaway, is the best and the right one, should be. We had pledged to form Malaysia with Singapore, and having given it a trial we found that if we persist in going forward, in the long run there will be more trouble to Malaysia than what Singapore is worth to us. The separation will be in accordance with the understanding that we shall co-operate closely in the fields of defence, trade and commerce.

This matter was discussed with the Government of Singapore, as a result of which we have drawn up an Agreement which sets out the terms agreed upon and contains those mentioned by me I mentioned just now. This Agreement has been signed by selected members of the Central Government and the Government of Singapore.

Agreement

The Agreement is to grant Singapore independence and to establish it as a sovereign State. For the benefit of the Members, I would like to refer to some of the clauses of the Agreement.

Article V reads:-

The parties hereto will enter into a treaty of mutual defence and mutual assistance providing that:-

- (1) the parties hereto will establish a joint defence force for purposes of external defence and mutual assistance;
- (2) the Government of Malaysia will afford to



Inti Pati Pembelajaran

1. Cabaran dalaman Malaysia.
2. Pemisahan Singapura.
3. Menangani ancaman komunis.
4. Isu pembangunan dan ekonomi.
5. Tragedi hubungan antara kaum.



Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik

1. Kepentingan menyelesaikan konflik secara rundingan.
2. Kewibawaan pemimpin dalam memperjuangkan maruah bangsa.
3. Kepentingan kestabilan politik dalam mengekalkan keamanan negara.
4. Kepentingan menjaga keharmonian kaum.



Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami kronologi pemisahan Singapura daripada Malaysia.
2. Meneroka bukti cabaran pembentukan Malaysia.
3. Membuat interpretasi keberkesanan perang saraf.
4. Membuat imaginasi langkah mengatasi isu pembangunan dan ekonomi.
5. Membuat rasionalisasi usaha memulihkan hubungan antara kaum.


Article VI provides for the economic arrangements between the two countries. The two territories will have to depend on one another, more so for Singapore. Talks will be held to provide facilities for trade and commerce between the two territories. It is not possible for me to say any more than this, at this time. The businessmen of these two territories will have to make up their minds as to what we can do to give them all the help and facilities that we will help to maintain commercial and trade relations between the two territories. Article VI reads as follows:-

Dokumen Singapura keluar daripada Malaysia.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

6.1 Cabaran Dalam Malaysia

Pembentukan Malaysia membuktikan kejayaan Persekutuan yang terdiri daripada 13 buah negeri. Walau bagaimanapun, negara terpaksa berhadapan dengan cabaran dalaman kerana mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan etnik. Pada masa yang sama, negara perlu mewujudkan keseimbangan pembangunan dan sosioekonomi. Cabaran utama bagi Malaysia adalah dalam bidang pembangunan dan ekonomi terutama di Sarawak dan Sabah. Selain itu, Malaysia juga menghadapi cabaran dalam persaingan politik yang boleh menggugat perpaduan kaum. Ancaman komunis turut menjadi cabaran bagi mewujudkan keamanan dan keselamatan negara. Kerajaan Persekutuan telah memainkan peranan utama dan bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran berkenaan.

Buku *Strategy for Action* merupakan koleksi ucapan Tun Abdul Razak Hussein.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Halaman 119 buku *Strategy for Action*.



Cabaran yang Dihadapi oleh Malaysia

Negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia. Antara cabaran yang dihadapi termasuklah pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah, krisis politik di Sarawak dan perpaduan kaum.



Dalam buku *Strategy for Action*, Tun Abdul Razak Hussein meminta semua rakyat Malaysia agar lebih berdedikasi dalam usaha membangunkan negara menjadi tanah air yang gembira dan makmur bagi diri sendiri dan anak-anak (masa depan).



Cabaran Pembangunan dan Sosioekonomi di Sarawak dan Sabah

Pembentukan Malaysia menawarkan peluang ekonomi yang lebih luas kepada semua negeri. Hasil bahan asli yang disumbangkan oleh Sarawak dan Sabah meningkatkan jumlah eksport negara. Pengeluaran ekonomi negara bertambah daripada getah dan bijih timah kepada lada hitam, petroleum, minyak kelapa sawit, kayu balak dan koko. Walau bagaimanapun, negara menghadapi cabaran bagi menyeimbangkan pembangunan dan ekonomi di kedua-dua negeri ini.



Mempelbagaikan Kegiatan Ekonomi

Sarawak dan Sabah mempunyai kekayaan hasil bumi yang banyak, namun rakyat masih mengamalkan pertanian sara diri. Bagi melibatkan rakyat dengan aktiviti ekonomi komersial, maka kerajaan perlu menyusun bidang pekerjaan. Dalam usaha menghadapi cabaran ini, kerajaan mempelbagaikan pertanian komersial seperti kelapa sawit, getah dan koko. Kerajaan juga membuka peluang kepada penduduk menyertai kegiatan ekonomi berkaitan dengan petroleum.



Memajukan Sistem Perhubungan dan Pengangkutan

Saiz negeri yang besar bagi Sarawak dan Sabah menjadi cabaran dalam bidang perhubungan dan pengangkutan. Kedua-dua negeri masih bergantung pada sistem pengangkutan air (sungai dan laut) bagi tujuan perhubungan. Oleh itu, tugas utama kerajaan adalah untuk membina sistem perhubungan dan pengangkutan terutama kepada penduduk di kawasan pedalaman. Sejak pembentukan Malaysia, usaha menyeimbangkan pembangunan dilakukan melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Sarawak dan Sabah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Pertama bermula pada tahun 1966.



Memajukan Sistem Pendidikan

Kebanyakan sekolah yang wujud pada zaman British ialah sekolah vernakular Inggeris dan Cina yang berada di kawasan bandar. Penduduk di kawasan pedalaman tidak mendapat peluang secukupnya untuk bersekolah. Oleh itu, usaha ditumpukan untuk membina sekolah dan melatih tenaga guru bagi memberikan pendidikan kepada penduduk, khususnya kaum bumiputera.



Gambar buah koko, lada hitam, kayu balak dan kelapa sawit.



Nyatakan cabaran pembangunan dan sosioekonomi yang dihadapi oleh negara selepas pembentukan Malaysia.



Kajian Kes

Sebuah negara akan menikmati kemerdekaannya jika mempunyai kestabilan ekonomi dan kesejahteraan serta berkongsi kemakmuran dengan sebahagian besar rakyatnya.

YB Abdul Taib Mahmud, Menteri Komunikasi dan Kerja Raya dlm. *The Sarawak Gazette*, 31 Ogos 1963.

Bincangkan usaha negara kita yang mempunyai latar belakang penduduk pelbagai kaum untuk berkongsi kemakmuran negara.

Krisis perlembagaan berlaku di Sarawak pada bulan Jun 1966, apabila 21 orang ahli Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Beliau dipecat oleh Gabenor pada bulan Jun 1966. Stephen Kalong Ningkan mencabar tindakan ini di Mahkamah Tinggi Sarawak dan memenangi kes ini pada bulan September 1966. Beliau kembali menjadi Ketua Menteri, namun beliau mendapat undi tidak percaya daripada Council Negri. Krisis politik ini menyebabkan berlaku ketidakstabilan di Sarawak yang mengancam keselamatan dan keamanan. Pada bulan September 1966, darurat diisytiharkan di Sarawak. Stephen Kalong Ningkan digantikan dengan Tawi Sli.



Tawi Sli.

Sumber: *The Borneo Post*.



Stephen Kalong Ningkan.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Usaha mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh Malaysia.

Penduduk negara kita mempunyai pelbagai kaum antaranya termasuklah Melayu, Cina, India, Melanau, Iban, Bidayuh, Kadazandusun, Murut dan Bajau. Dengan penduduk yang pelbagai budaya ini, perpaduan sentiasa menjadi agenda bagi pengurusan masyarakat dan pemerintahan negara ini.

Selain itu, jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh menjadi cabaran kepada integrasi nasional serta sukar memupuk semangat satu negara.



Kabinet Pertama Sarawak.

Dari kiri: Awang Hipni Pengiran Annu, Dunstan Endawie anak Enchana, Stephen Kalong Ningkan, Abdul Taib Mahmud, Teo Kui Seng dan James Wong Kim Min.

Sumber: Sanib Said, 2016. *22 Julai 1963 Dalam Sejarah Sarawak*. Kuching: Sanib Said.

Negara kita menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha mewujudkan keseimbangan pembangunan dan ekonomi. Sebagai rakyat Malaysia, perpaduan yang sedia terjalin antara kaum dan integrasi nasional di negara ini perlu diperkukuh dan dipertahankan bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman.



Mengapakah perpaduan menjadi agenda penting dalam sesebuah negara?

6.2 Pemisahan Singapura

Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia. Masalah hubungan antara pemimpin Persekutuan dengan Singapura disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial yang telah ada sebelum Singapura menyertai Malaysia.


Faktor Pemisahan

Politik

- Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad.
- Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan.
- Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew menuntut hak sama rata untuk semua kaum menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk.

Pernyataan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj tentang konsep Malaysian Malaysia.

Sumber: *Berita Harian*, 10 Ogos 1965.



Ekonomi

- Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama (common market) disegerakan.
- Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan.
- Singapura juga mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM150 juta kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah.



Pernyataan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj terhadap sikap kerajaan Singapura memberikan pinjaman.

Sumber: *Berita Harian*, 10 Ogos 1965.

Masalah Perkauman

- Telah berlaku rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964 yang menimbulkan ketegangan antara kaum.
- Rusuhan ini berlaku ekoran daripada usaha menuntut persamaan hak yang sama rata bagi semua kaum. Perkara ini menjadi isu antara kaum.



Nyatakan faktor ekonomi yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia.



Pasaran bersama ialah beberapa negara yang menghapuskan cukai antara mereka dan mengenakan cukai import yang sama terhadap negara lain.

Pemisahan Singapura daripada Malaysia

29 Jun 1965

Kegagalan rundingan Tun Abdul Razak Hussein dengan Lee Kuan Yew.

1 Julai 1965

Setelah rundingan tidak berjaya, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan beberapa menteri seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V.T. Sambanthan untuk berbincang tentang pemisahan.

Awal Ogos 1965

Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan.

7 Ogos 1965

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia.

9 Ogos 1965

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia. Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura.



Menurut Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, pemisahan Singapura merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan.

... so it does seem completely impossible to arrive at a solution whereby we can hope to pull along together and to work together in the interest and for the common good of our beloved country.

Ucapan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam Penyata Perbahasan di Dewan Rakyat, 9 Ogos 1965.

Pemisahan Singapura daripada Malaysia tidak dapat dielakkan. Kerajaan mengambil langkah mengeluarkan Singapura daripada Malaysia bagi menjaga kepentingan kedua-dua negara dan kemakmuran rakyat. Kedua-dua negara menggunakan saluran rundingan untuk menyelesaikan isu ini. Sebagai warganegara yang merdeka, kita perlu mengelakkan unsur kekerasan dalam menyelesaikan sebarang konflik.



Membuat Rasionalisasi

Rasionalkan tindakan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memisahkan Singapura daripada Malaysia.

6.3 Menangani Ancaman Komunis

Kegiatan komunis menjadi ancaman kepada keselamatan negara sejak sebelum merdeka. Antara kegiatan yang dilakukan oleh komunis termasuklah melakukan serangan bersenjata terhadap anggota pasukan keselamatan, menyerap masuk ideologi komunis dan melakukan kegiatan sabotaj terhadap kemudahan awam. Kerajaan mengambil langkah yang serius untuk membanteras kegiatan komunis di negara kita.

1 Ancaman Keselamatan di Sarawak

Gerakan komunis di Sarawak bermula sejak pendudukan Jepun oleh CCO. Bahagian Pertama dan Ketiga di Sarawak menjadi sasaran utama komunis. Komunis melakukan kegiatan serangan dan subversif terhadap orang awam.

Bentuk Ancaman

Komunis melakukan ancaman melalui gerakan politik dan serangan bersenjata.

Gerakan Politik

Gerakan komunis juga terlibat dalam politik. Mereka menentang gagasan Malaysia. Pelibatan mereka menyebabkan kerajaan Sarawak memburu dan menangkap ahli yang terlibat. Mereka melarikan diri ke Kalimantan dan membentuk Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU). PKKU meneruskan penentangan melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) untuk membentuk republik komunis di Sarawak.

Serangan Bersenjata

Pada 5 Ogos 1952, komunis menyerang kawasan Batu Kitang, Kuching, Sarawak yang menandakan permulaan serangan komunis terhadap orang awam.

Usaha Mengatasi

Kerajaan melaksanakan dua kaedah, iaitu gerakan perang saraf dan operasi ketenteraan bagi mengatasi ancaman komunis.

A

Perang Saraf

Pihak berkuasa mengambil langkah yang berikut:

- Mengadakan perhimpunan awam dengan memberikan kesedaran tentang bahayanya ancaman komunis.
- Menyebarkan risalah untuk menyampaikan maklumat tentang bahaya ancaman komunis dan menanamkan kebencian terhadap komunis.
- Mengisytiharkan kawasan putih yang bebas daripada ancaman komunis.
- Tawaran program pengampunan kepada anggota komunis.
- Pembangunan infrastruktur dengan menyediakan kemudahan perhubungan yang lebih baik kepada penduduk.



Meneroka Bukti

Buktikan usaha kerajaan dalam menangani ancaman komunis selepas pembentukan Malaysia.

Operasi Ketenteraan

Beberapa operasi ketenteraan dijalankan, iaitu Operasi Hammer 1965 di Bahagian Pertama. Operasi oleh RASCOM pula dilaksanakan di Bahagian Ketiga. Seterusnya, Operasi Sri Aman dilancarkan di Bahagian Kedua. Semua operasi ini berjaya melemahkan gerakan komunis di Sarawak.



Operasi Ketenteraan di Bahagian Pertama, Bahagian Kedua dan Bahagian Ketiga di Sarawak.

Sumber: Disesuaikan daripada Arkib Negara Malaysia.

Operasi Hammer Sarawak

Ancaman komunis di Sarawak membangkitkan semangat penentangan daripada penduduk tempatan. Penentangan berlaku kerana komunis membunuh orang awam. Kerajaan menggunakan kaedah sama yang diguna pakai dalam Rancangan Briggs untuk dilaksanakan di Sarawak. Rancangan berbentuk memenangi hati rakyat ini dinamakan Operasi Hammer.



Peraturan Operasi Hammer.

Bermula pada bulan Julai 1965, rancangan ini dilaksanakan dengan mendirikan petempatan baharu untuk seramai lebih kurang 7500 orang. Dalam tempoh tiga hari, seramai 1200 keluarga yang kebanyakannya berketurunan Hakka diarahkan berpindah ke tiga kawasan petempatan baharu sepanjang Jalan Kuching-Serian. Petempatan ini dikawal sepanjang masa dan dikenakan perintah berkurung dalam tempoh 24 jam sehari bagi melindungi penduduk daripada ancaman komunis.

Operasi Hammer menyebabkan gerakan komunis di Sarawak mulai goyah. Langkah pembanterasannya yang berterusan menyebabkan komunis ditangkap. Operasi Hammer tamat pada tahun 1970. Operasi Jala Raja pula dilancarkan di Nonok (Asajaya) di Bahagian Pertama pada awal tahun 1970.

Pada 13 Oktober 1973, Bong Kee Chok, pemimpin komunis menulis surat kepada Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya kub, Ketua Menteri Sarawak bagi menyatakan hasrat untuk berunding. Selepas beberapa hari, seramai lebih kurang 500 anggota komunis keluar dari hutan dan menyerah diri.

1. Menurut Vernon L. Porritt, nama Operasi Hammer diambil bersempena dengan ucapan Ketua Polis Malaysia, Sir Claude Fenner, *We'll hammer them, let the operation be called Operation Hammer.*
2. Antara usaha penting menghalang komunis termasuklah Rancangan Penempatan Goodsir yang dijalankan pada 30 Jun 1965. Nama operasi ini diambil bersempena dengan nama David Goodsir, Pemangku Komisioner Polis Sarawak.
3. Menjelang akhir tahun 1965, kerajaan membuka kawasan petempatan semula penduduk Sarawak di Siburan, Beratok dan Tapah.
4. Kerajaan juga melancarkan Operasi Harapan. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menawarkan pengampunan kepada anggota komunis. Walau bagaimanapun, hanya 41 orang yang menyerah diri.

Langkah Membanteras Ancaman Komunis

6 Julai 1965		Operasi Hammer dilancarkan. Tiga kampung baru dibuka di Bahagian Pertama.
8 Ogos 1969		Operasi besar-besaran rampasan senjata di Bahagian Ketiga.
24 Februari 1970		Operasi Jala Raja di Nonok (Asajaya), Bahagian Pertama.
8 Ogos 1971		Operasi Ngayau dilancarkan di Bahagian Ketiga.
26 Mac 1972		Rajang Area Security Command (RASCOC) dibentuk di Bahagian Ketiga.
21 Oktober 1973		Operasi Sri Aman dilancarkan.
4 Julai 1974		Operasi Sri Aman ditamatkan. Anggota komunis menyerah diri.
17 Oktober 1990		Perjanjian damai menamatkan ancaman komunis yang diadakan antara pihak komunis dengan kerajaan Sarawak.

Langkah membanteras komunis melalui usaha memenangi hati rakyat menyebabkan komunis tidak mendapat sokongan penduduk. Pada 21 Oktober 1973, Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya kub selaku Ketua Menteri Sarawak menandatangani memorandum persefahaman di Rumah Sri Aman. Anggota komunis CCO menyerah diri. Peristiwa ini membawa kepada berakhirnya ancaman komunis di Sarawak. Kerajaan Malaysia bersetuju untuk membatalkan sekatan keselamatan di kawasan Operasi Hammer di Kuching-Serian pada 5 Mac 1980.



1. Selain Operasi Hammer, terdapat Operasi Letter Box yang dilancarkan pada 22 Julai 1965 untuk mendapatkan maklumat tentang pergerakan komunis. Pada 26 Mac 1972, Tun Abdul Razak Hussein mengisytiharkan Bahagian Ketiga sebagai RASCOC bagi mempercepat usaha membanteras ancaman komunis. Kawasan tumpuan ialah Sibu, Mukah, Kanowit, Sarikei, Binatang (Bintangor) dan Julau.
2. Operasi Sri Aman pula diadakan pada bulan Oktober 1973 bertujuan membanteras ancaman komunis di Sri Aman, Sarawak. Operasi ini melibatkan pasukan keselamatan termasuk tentera dan polis. Pergerakan komunis telah disekat menyebabkan komunis mengalami kesukaran untuk bergerak.

Parti Komunis Malaya (PKM) meneruskan kegiatan mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia. PKM bertindak agresif dengan menyerang anggota keselamatan dan orang awam serta memusnahkan kemudahan awam.

A

Pembunuhan Anggota Keselamatan dan Orang Awam

Komunis melakukan serang hendap terhadap pasukan keselamatan. Kemuncak ancaman komunis ialah pembunuhan pegawai kanan polis.

- Pada 17 Jun 1968, PKM telah melakukan serang hendap terhadap pasukan keselamatan di Kroh, Perak yang mengorbankan seramai 16 anggota keselamatan.
- Pada 7 Jun 1974, menembak mati Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman Hashim di Kuala Lumpur.
- Pada 13 November 1975, menembak mati Ketua Polis Negeri Perak, Tan Sri Khoo Chong Kong dan pemandunya di Ipoh.

Selain itu, orang awam dan kemudahan awam turut menjadi sasaran komunis.

- Pada bulan Julai 1969, seorang wanita diseksa sehingga mati di Sintok, Kedah.
- Periuk api dipasang di sepanjang Jalan Changlun, Kedah.
- Jalan raya dan jambatan kereta api diletupkan.



Serangan komunis terhadap pekerja Jabatan Kerja Raya.



Muzium Tentera Darat



Muzium Tentera Darat terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan. Muzium Tentera Darat merupakan muzium tentera yang terbesar di Malaysia. Muzium ini setanding dengan muzium tentera di luar negara berdasarkan kelengkapan infrastruktur dan bahan pengisian di dalam muzium ini. Cadangan mewujudkan Muzium Tentera Darat diilhamkan oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Md Hashim bin Hussein.

Arahan:

1. Murid diagihkan kepada beberapa kumpulan kecil untuk membuat kajian yang berikut di dua galeri utama.
 - (a) Penubuhan Askar Melayu.
 - (b) Sumbangan Tentera Darat.
2. Setiap kumpulan dikehendaki menyiapkan tugas yang diberikan.
3. Selepas lawatan, setiap kumpulan dikehendaki membentangkan dapatan masing-masing.



Tan Sri Abdul Rahman Hashim.

Sumber: Utusan Malaysia, 8 Jun 1974.



Tan Sri Khoo Chong Kong.

Sumber: Muzium Polis Diraja Malaysia.

Pada pagi 26 Ogos 1975, PKM meletupkan Tugu Negara di Kuala Lumpur. Tindakan megebom tempat awam menimbulkan kemarahan rakyat terhadap komunis dan menuntut kerajaan mengambil tindakan tegas termasuklah mengenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Pihak keselamatan telah mengambil langkah memperkuat perkhidmatan perisikan untuk mengawasi kegiatan komunis.



Muhammad Ghazali Shafie bersama-sama Ketua Polis Kuala Lumpur, Mohd Amin Osman melihat kemusnahan tugu yang dibom oleh PKM.

Sumber: *Utusan Malaysia*, 1975.

Usaha Mengatasi

Terdapat pelbagai langkah yang diambil bagi melindungi rakyat dan orang awam daripada ancaman komunis. Antara langkah yang diambil termasuklah:

1. Strategi Counterinsurgency (COIN)

Langkah ini merupakan usaha keselamatan dan pembangunan untuk memenangi hati dan fikiran rakyat bagi menyokong agenda dan dasar kerajaan memerangi komunis. Strategi yang digunakan ialah kerjasama antara pasukan keselamatan, ahli politik dan agensi kerajaan untuk menjalankan strategi COIN yang berkesan.

2. Perjanjian Kerjasama Sempadan

Usaha membanteras komunis menghadapi masalah kerana mereka membina khemah di luar sempadan negara. Oleh itu, langkah utama yang diambil seperti mengadakan persefahaman antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Thailand melalui Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976 di Thailand. Antara langkah yang dijalankan termasuklah membina pagar sempadan dan operasi bersama.

Perjanjian Hat Yai pula diadakan pada 2 Disember 1989 di Hat Yai, Thailand antara PKM, Malaysia dan Thailand. PKM bersetuju membubarkan unit bersenjata serta memusnahkan segala senjata api, bahan letupan dan jerangkap samar.



Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan melaksanakan usaha yang serius bagi menjamin keselamatan negara. Usaha ini berjaya dilakukan melalui pengorbanan yang diberikan oleh anggota keselamatan. Rakyat juga memberikan kerjasama terhadap usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Dengan termeterainya Perjanjian Hat Yai, maka tamatlah gerakan bersenjata PKM untuk merampas kuasa serta menubuhkan sebuah negara republik komunis. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu berbangga dan bersyukur kerana usaha menghapuskan ancaman komunis telah berjaya dan mengembalikan negara dalam keadaan aman dan makmur.



Membuat Rasionalisasi


Kerajaan Malaysia bersungguh-sungguh menangani ancaman komunis. Pada pendapat anda, wajarkah tindakan ini?



Tun Abdul Razak Hussein mengarahkan agar kutipan derma diadakan bagi menampung perbelanjaan memperbaiki Tugu Negara. Kerja membaiki pulih Tugu Negara telah disiapkan pada 11 April 1977 oleh Christopher B. Carney, Pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Institut Teknologi Mara. Beberapa model rakyat tempatan digunakan sebagai wajah baharu pada Tugu Negara.

6.4 Isu Pembangunan dan Ekonomi

Kerajaan telah membentuk rancangan pembangunan lima tahun bagi memastikan usaha pembangunan dan ekonomi nasional dapat dilaksanakan di semua negeri. Kerajaan Persekutuan meneruskan usaha ini dengan melibatkan Sarawak dan Sabah dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia sebaik-baik sahaja pembentukan Malaysia.



Di bawah rancangan FELDA, rumah peneroka turut dibina. Tun Abdul Razak Hussein (berdiri di kanan) di sebuah rumah di Lurah Bilut, Pahang. *Sumber:* Arkib Negara Malaysia.



Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). *Sumber:* Arkib Negara Malaysia.



Pengumuman Rancangan Malaysia Pertama oleh Tun Abdul Razak Hussein (duduk di tengah) dalam persidangan akhbar di bilik Gerakan Pembangunan Negara.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Mengapakah usaha pembangunan negara menjadi agenda utama kerajaan pada awal pembentukan Malaysia?

Rancangan Malaysia Pertama

Dalam usaha menangani isu pembangunan dan ekonomi negara, kerajaan memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama. Antara isu yang dihadapi termasuklah kedudukan sosioekonomi penduduk berpendapatan rendah serta taraf pendidikan yang masih rendah. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup ekonomi rakyat melalui rancangan ini.

Isu Pembangunan Ekonomi

Terdapat pelbagai isu yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk. Antaranya termasuklah kurangnya penyediaan bantuan kewangan oleh institusi kewangan bagi pengusaha bumiputera dalam kegiatan mereka. Selain itu, kemudahan pengangkutan dan perhubungan terutama di kawasan luar bandar juga perlu ditambah baik.

ISU

- Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah.
- Kejatuhan harga bahan mentah.
- Penduduk yang terlibat dalam bidang pertanian masih ketinggalan terutama penggunaan teknologi dan peralatan.
- Petani masih merupakan golongan berpendapatan rendah.
- Pertanian komersial lain masih kurang diusahakan oleh petani.

Usaha Mengatasi

- Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian dan industri pemprosesan.
- Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah.
- Mempelbagaikan bidang pertanian terutama kelapa sawit dan koko.
- Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara.



Tun Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang berucap dalam satu mesyuarat tentang usul Rancangan Malaysia Pertama yang diadakan di bilik Gerakan Pembangunan Negara, Kuala Lumpur.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Setem Kenangan Malaysia berkaitan dengan Rancangan Pembangunan 1966 1970.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

ISU

- Taraf hidup yang berbeza.

Usaha Mengatasi

- Melancarkan program pembangunan negara berasaskan satu rancangan bersepadu.
- Menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara dengan membuka kawasan baharu.
- Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri di Malaysia.
- Mendapatkan bantuan Bank Dunia.

ISU

- Peluang pekerjaan yang terhad.
- Kadar pengangguran meningkat.

Usaha Mengatasi

- Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal.
- Meluaskan peluang pekerjaan kepada penduduk.

ISU

- Masalah kesihatan dan sosial.
- Keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan yang terhad untuk memperoleh kesihatan terbaik.
- Kurangnya kemudahan perkhidmatan kesihatan profesional kepada ibu-ibu yang mengandung.
- Kadar kelahiran tidak normal dan kematian yang tinggi.

Usaha Mengatasi

- Mengurangkan kadar kelahiran.
- Memperkenalkan program Perancang Keluarga.
- Menambah baik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar.



Buku *Dasar Pembangunan Luar Bandar*.

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.



Kandungan buku *Dasar Pembangunan Luar Bandar*.

Kerajaan melaksanakan pelbagai program dalam usaha mengatasi isu pembangunan dan ekonomi. Kepimpinan dan kerjasama yang diberikan oleh ahli masyarakat telah membantu mencapai matlamat yang disusun oleh kerajaan. Bagi mencapai matlamat ini, negara perlu sentiasa berada dalam situasi aman dan makmur. Oleh itu, adalah penting bagi rakyat menjaga kestabilan politik dalam mengekalkan keamanan negara.

6.5 Tragedi Hubungan antara Kaum

Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga. Keputusan pilihan raya menyebabkan berlakunya ketegangan antara penyokong parti politik yang memprovokasikan keadaan. Situasi ini mencetuskan rusuhan antara kaum di negara kita. Rusuhan yang berlaku lebih tertumpu di Kuala Lumpur, Selangor dan kawasan di sekitarnya.

1 Rusuhan Kaum

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum di negara kita. Antaranya termasuklah:

- Kesan daripada ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial di negara kita.
- Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969 merupakan sebab utama tercetusnya peristiwa ini. Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya. Terdapat parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum semasa berkempen.
- PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya untuk mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum.
- Parti yang bertanding telah berkempen menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan untuk mendapat sokongan daripada pengundi.
- Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal menimbulkan kekacauan dan perbuatan provokatif.

2 Langkah yang Diambil bagi Mengatasi Masalah Peristiwa 13 Mei 1969

Peristiwa 13 Mei 1969 menyebabkan berlaku ketegangan hubungan antara kaum. Langkah serta-merta telah diambil bagi mengelakkan kekacauan dan menghentikan rusuhan serta menghalang daripada merebak ke bandar-bandar lain. Antara langkah yang diambil termasuklah pengisytiharan darurat, pembentukan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan peranan yang dimainkan oleh Raja-raja Melayu.

A. Darurat



Laporan Peristiwa 13 Mei 1969.

Pengisytiharan perintah darurat dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 ke seluruh negara. Antara perkara yang diputuskan termasuklah:


- Perlembagaan digantung manakala Parlimen ditangguh.
- Mewujudkan pusat perlindungan di beberapa tempat semasa darurat.
- Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung. Orang ramai tidak dibenarkan keluar dan dikehendaki tinggal di kediaman masing-masing.
- Penubuhan jawatankuasa bertugas untuk menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan.
- Semua berita daripada pihak media ditapis bagi memastikan kesahihannya.
- Kerajaan juga memastikan bekalan makanan diperoleh penduduk terutama di pusat perlindungan.
- Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan di Stadium Merdeka dan Tiong Nam Settlement. Semangat saling membantu ketika ketegangan dalam kalangan anggota masyarakat dapat dilihat di pusat perlindungan ini.
- Pihak berkuasa memagar kawasan Kampung Baru dan menjadikannya kawasan perintah berkurung yang besar. Sementara itu, tentera memberikan perlindungan kepada penduduk yang berlindung di beberapa kem tentera.

B. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

Yang di-Pertuan Agong memperkenankan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein. Ahlinya turut terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam, pegawai tinggi polis dan tentera. MAGERAN diberi kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971 dan bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara. Dua fokus utama yang perlu diselesaikan oleh MAGERAN ialah masalah perpaduan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.

Antara tanggungjawab MAGERAN termasuklah:

- Mengembalikan keamanan dan undang-undang.
- Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara.
- Mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam negara.
- Menggantung sementara penerbitan semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang.
- Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948.
- Jabatan Penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan.



Ahli MAGERAN bergambar di pekarangan Parlimen pada 7 Februari 1971.



Akta Hasutan 1948.

Duduk dari kiri: Azizan Zainal Abidin, Mohamad Salleh Ismail, Muhammad Ghazali Shafie, V.T. Sambanthan, Dr. Ismail Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tan Siew Sin, Hamzah Abu Samah, Ibrahim Ismail, Abdul Kadir Shamsuddin, Abdul Rahman Hamidon.

Berdiri dari kiri: Tun Abdullah Ahmad Badawi, C.C. Too, Yahya Yeop Ishak, Haniff Omar, Amir Yaakob, Wan Ismail Wan Salleh, Ghazali Che Mat, Yusuf Rashid dan Sharif Buruk.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Nyatakan fungsi utama MAGERAN.

C. Peranan Raja


Raja-raja Melayu turut memainkan peranan dalam usaha memulihkan keadaan negara. Semasa berlakunya rusuhan kaum, Sultan Perak, Sultan Idris Iskandar Shah II, menasihati rakyat agar menjaga keamanan.

Berikutan itu, pemimpin masyarakat dan politik negeri Perak menubuhkan Jawatankuasa Muhibah. Jawatankuasa ini menulis surat merayu penduduk agar bertenang dan membantu negara mengekalkan keamanan.

Di negeri-negeri lain pula, raja turut meminta rakyat agar bertenang dan mematuhi undang-undang.

Keratan akhbar *The Straits Times* menunjukkan seruan Sultan Perak dalam isu rusuhan.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



“Don't let
this
happen
in Perak”
plea by
Sultan

Rusuhan kaum dapat dihentikan melalui usaha yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa dan kerjasama yang diberikan oleh rakyat. Keadaan negara mulai kembali normal. Walau bagaimanapun, masih banyak usaha yang perlu dilakukan bagi membina perpaduan dan keharmonian kaum.

Negara menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia. Antara cabaran yang dihadapi termasuklah cabaran dari segi pembangunan, sosioekonomi, politik, ancaman komunis dan keselamatan. Pelbagai usaha diambil bagi mengatasi cabaran berkenaan melalui dasar yang disusun oleh kerajaan. Cabaran ini berjaya ditangani melalui kesungguhan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh pemimpin, pihak berkuasa dan masyarakat. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus bekerjasama bagi mengekalkan keamanan yang dikecapi agar dapat hidup dalam suasana aman dan makmur.

AKTIVITI

1. Bincangkan kesan Peristiwa 13 Mei 1969 kepada keamanan negara kita.
2. Mengapakah perlu ada persefahaman antara kaum? Bentangkan dapatan anda di dalam kelas.



CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

Cabaran Dalam Malaysia

- Cabaran yang Dihadapi oleh Malaysia

Pemisahan Singapura

- Faktor Pemisahan
- Pemisahan Singapura daripada Malaysia

Menangani Ancaman Komunis

- Ancaman Keselamatan di Sarawak
- Ancaman Keselamatan di Semenanjung Malaysia

Isu Pembangunan dan Ekonomi

- Rancangan Malaysia Pertama

Tragedi Hubungan antara Kaum

- Rusuhan Kaum
- Langkah yang Diambil bagi Mengatasi Masalah Peristiwa 13 Mei 1969



Pembelajaran Abad Ke-21

Aktiviti 1: Meja Bulat Serentak (Simultaneous Round Table)

Arahan:

1. Murid berada dalam kumpulan. Setiap murid menulis maklum balas pada soalan yang diberikan.
2. Kemudian, mereka mengedarkan catatan yang dibuat mengikut pusingan jam supaya setiap ahli pasukan dapat menambahkan atau membetulkan apa-apa yang dicatat.
3. Wakil kumpulan akan membentangkan jawapan masing-masing.

sejarah yang membawa kepada perasaan ra'ayat pada hari itu; ia menyatakan apa yang berlaku pada hari yang mengandong trajedi itu dan peranan Angkatan Tentera dan Polis dalam meredakan rusohan dan membawa negeri ini kembali kepada suasana yang dapat di-kawali sechara tegas oleh Kerajaan; dan akhir-nya, ia menunjokkan jalan ka-arrah mana Negara kita harus bergerak.

Pengajaran yang kita dapati dari kekachauan itu sudah nyata. Negara ini tidak sanggup mengekalkan suatu sistem yang membiarkan sa-barang orang bertutor atau bertindak yang mungkin melagakan satu kaum dengan kaum yang lain. Kalau peristiwa 13-Mei ini hendak di-elakkan daripada berlaku lagi; kalau Negara ini hendak selamat; mesti-lah kita pastikan supaya hal² yang mungkin menimbulkan ketegangan kaum tidak di-pergunakan oleh gulongan² opportunist yang tidak bertanggung-jawab. Kita hanya dapat menjamin hal ini dengan mensharatkan supaya hal² ini tidak dapat di-gunakan oleh penghasut² perkauman dan komunis dan sabversif² yang lain. Oleh itu, perlulah kita menyusun suatu peratoran politik yang realistik dan yang mempertimbangkan sa-dalam²-nya akan segala keadaan masharakat dan ekonomi ra'ayat kita dan yang berdasarkan pada suatu asas yang utuh dan bijaksana.

Petikan Laporan Kertas Putih Tragedi 13 Mei 1969.

1. Berdasarkan petikan teks di atas, jawab soalan yang berikut:
 - (a) Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi meredakan tragedi hubungan kaum?
 - (b) Mengapakah kita perlu mengekalkan keharmonian antara kaum?
 - (c) Huraikan pengajaran yang boleh dipelajari daripada peristiwa ini.
2. Perbincangan dalam kumpulan besar.
Dengan bimbingan guru sebagai pemudah cara, kongsikan hasil maklumat perbincangan dengan kumpulan lain dalam bentuk perbincangan bebas.



Pembelajaran Abad Ke-21

Aktiviti 2: Hentian Bas (Bus Stop)

Arahan:

1. Sebanyak lima buah hentian bas diwujudkan di dalam kelas. Setiap satu hentian disediakan satu soalan oleh guru.
2. Murid bergerak secara kumpulan dari satu hentian ke hentian lain sambil berbincang soalan yang berkenaan.
3. Murid berkongsi pendapat dan mencatatkan maklumat yang diperoleh.

Murid diberi petikan ucapan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.



Menurut Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, pemisahan Singapura merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan.
... so it does seem completely impossible to arrive at a solution whereby we can hope to pull along together and to work together in the interest and for the common good of our beloved country.

Ucapan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam Penyata Perbahasan di Dewan Rakyat, 9 Ogos 1965.



Hentian 1: Mengapakah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menyatakan sedemikian?

Hentian 2: Jelaskan isu yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia.

Hentian 3: Berdasarkan petikan akhbar di atas, apakah sikap kerajaan Singapura yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia?

Hentian 4: Secara kronologi, huraikan peristiwa pemisahan Singapura daripada Malaysia.

Hentian 5: Pada pendapat anda, mengapakah keharmonian hubungan antara sesebuah negara perlu dipelihara?

Kumpulan akan bergerak dari satu hentian ke satu hentian sambil berbincang dan berkongsi maklumat.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

- Usaha yang diambil bagi menyeimbangkan hubungan antara Persekutuan Malaysia dengan Singapura termasuklah:
 - memajukan sistem kewangan
 - menyusun semula masyarakat
 - mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 - membuka pejabat pentadbiran kerajaan
- Apakah langkah yang diambil oleh Malaysia untuk mengatasi masalah Peristiwa 13 Mei?
 - Menghentikan pilihan raya
 - Meminta bantuan Indonesia
 - Membentuk Majlis Gerakan Negara
 - Meminta bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Perjanjian damai telah diadakan antara Parti Komunis Malaya, kerajaan Malaysia dan Thailand, iaitu Perjanjian Hat Yai pada 2 Disember 1989. Apakah kesepakatan yang diperoleh melalui perjanjian ini?
- Krisis perlembagaan di Sarawak berlaku pada 16 Jun 1966.

 - Jelaskan peristiwa krisis tersebut sehingga darurat terpaksa diisytiharkan di Sarawak pada bulan September 1966.
 - Mengapakah kerajaan perlu memelihara kestabilan politik dalam sesebuah negara?
- Gambar menunjukkan Ahli Majlis Gerakan Negara.

- Nyatakan tugas Ahli Majlis Gerakan Negara.
- Mengapakah usaha memulihkan hubungan antara kaum menjadi agenda penting kerajaan ketika itu?



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

6. Jawab soalan berdasarkan pernyataan yang berikut:

Dalam usaha mengatasi isu pembangunan dan ekonomi negara, kerajaan memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama. Antara matlamat rancangan ini termasuklah keharmonian kaum, perkembangan ekonomi, pekerjaan dan kepelbagaian ekonomi.

- Huraikan fokus utama Rancangan Malaysia Pertama (1966–1970).
- Nyatakan objektif Rancangan Malaysia Pertama yang memberikan kesan positif kepada Sarawak dan Sabah.

7. Jawab soalan berdasarkan keratan akhbar yang berikut:



- Apakah yang dapat anda tafsirkan apabila membaca berita yang dipaparkan dalam keratan akhbar ini?
- Apakah faktor yang menyebabkan rakyat menentang komunis?
- Sebagai rakyat Malaysia yang patriotik, apakah yang akan anda lakukan sekiranya negara kita diserang oleh komunis?

8. Jawab soalan di bawah berdasarkan pernyataan yang berikut:

Majlis Gerakan Negara bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara. Dua permasalahan utama yang perlu diselesaikan oleh majlis ini ialah masalah perpaduan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.

- Apakah yang anda faham melalui pernyataan di atas?
- Huraikan punca berlakunya rusuhan kaum pada tahun 1969.
- Mengapakah persefahaman antara kaum menjadi unsur penting di Malaysia?



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Kepentingan menghargai nikmat keamanan bagi memastikan kemakmuran negara.
- Mengamalkan sikap bertolak ansur bagi menyelesaikan masalah.
- Menjaga sensitiviti orang lain dalam tindakan, tutur kata dan penulisan demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

Diri dan Keluarga

Membina kehidupan yang aman, makmur dan bahagia dengan menghormati setiap ahli keluarga.

Negara

Menyelesaikan sebarang permasalahan melalui perundingan dan bijak merancang bagi menghadapi cabaran negara.



Rakyat Malaysia berarak sambil membawa bendera Jalur Gemilang.

BAB 7 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

SINOPSIS

Perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan unsur penting dalam membina kesejahteraan negara. Unsur ini dipupuk melalui beberapa dasar pembangunan sosial yang merangkumi aspek pendidikan, budaya, bahasa dan aktiviti sosial. Dasar ini termasuklah Dasar Pendidikan Kebangsaan, memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perpaduan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan sukan untuk perpaduan. Dasar ini diperkukuh lagi dengan pembentukan Rukun Negara sebagai tonggak kesejahteraan negara.





Inti Pati Pembelajaran

1. Perpaduan dan integrasi nasional.
2. Dasar Pendidikan Kebangsaan.
3. Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.
4. Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
5. Sukan sebagai alat perpaduan.
6. Rukun Negara sebagai tonggak kesejahteraan negara.



Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik

1. Kepentingan menjaga perpaduan dan keharmonian.
2. Peranan pemimpin dan rakyat dalam memastikan kemakmuran negara.
3. Kepentingan pendidikan untuk mengukuhkan perpaduan.
4. Kepentingan menghayati Rukun Negara.



Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Membuat kronologi usaha yang dijalankan untuk mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.
2. Meneroka bukti sejarah pelaksanaan dasar pendidikan yang telah dilaksanakan.
3. Membuat interpretasi tentang peranan bahasa Melayu dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam memperkukuh perpaduan.
4. Membuat imaginasi berkaitan dengan kejayaan sukan sebagai alat perpaduan.
5. Membuat rasionalisasi tentang prinsip Rukun Negara sebagai tonggak kesejahteraan negara.

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum.

7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional

Pembinaan negara Malaysia berasaskan perpaduan kaum dan integrasi nasional. Elemen ini menjadi asas kekuatan negara kita yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum. Sejarah hubungan kaum di negara kita telah wujud sebelum zaman penjajahan lagi. Hubungan kaum terus diperkukuh selepas negara mencapai kemerdekaan dan pembentukan Malaysia. Pelbagai langkah dilakukan oleh kerajaan untuk memperkasakan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu, harmoni dan sejahtera.

Maksud Perpaduan dan Integrasi Nasional

Perpaduan dan integrasi merupakan dua konsep yang saling berkait rapat melalui dua proses yang berbeza. Kedua-dua konsep ini berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara.

Perpaduan Kaum

Perpaduan kaum ialah keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu. Mereka memberikan komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Integrasi Nasional

Integrasi nasional merupakan satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa. Mereka ini mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.



Perkhidmatan Feri Malaysia ditamatkan pada tahun 1989 disebabkan kebakaran ruang enjin dan kos penyenggaraan yang tinggi.



Membuat Rasionalisasi

Mengapakah perkhidmatan Feri Malaysia perlu diperkenalkan dan diperluas ke seluruh negara?



Bandingkan maksud perpaduan kaum dan integrasi nasional.



Perkhidmatan Feri Malaysia yang dikenali juga sebagai *Cruise Muhibah* telah diperkenalkan pada 31 Ogos 1986 bertujuan mengintegrasikan penduduk di Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah.

Sumber: Portal rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.

Latar Belakang Hubungan Kaum

Pentadbiran British menyebabkan pemisahan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan. Keadaan ini menyukarkan setiap kaum untuk memahami adat resam dan budaya kaum lain. Selepas Perang Dunia Kedua, usaha dilakukan oleh para pemimpin pelbagai kaum untuk bekerjasama bagi mewujudkan perpaduan. Beberapa faktor sejarah dikenal pasti menjadi punca kepada masalah perpaduan. Antaranya termasuklah kesan pentadbiran, kegiatan ekonomi dan petempatan, sistem pendidikan serta fahaman politik.

Pentadbiran

Pentadbiran British bermula pada tahun 1874 menerusi pengenalan Sistem Residen. Dasar British yang mengutamakan sektor ekonomi menyebabkan pekerja dibawa masuk dari luar untuk bekerja dalam sektor perlombongan, perladangan dan perniagaan. Kaum bumiputera pula bertumpu di kawasan luar bandar dan menjalankan kegiatan ekonomi tradisional. Keadaan ini menyebabkan mereka terpisah dan berlaku kerenggangan hubungan kaum. Kesannya, masalah hubungan kaum berterusan sehingga selepas kemerdekaan dan menyebabkan peristiwa 13 Mei 1969.

Kegiatan Ekonomi dan Petempatan

British memberikan tumpuan kepada perkembangan ekonomi yang berasaskan perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Kegiatan ekonomi yang berbeza antara kaum menyebabkan pemisahan dari segi petempatan. Rakyat juga terpisah dengan petempatan yang wujud di kawasan perlombongan, bandar, estet dan perkampungan. Keadaan ini menyebabkan setiap kaum kurang berinteraksi antara satu sama lain dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang.

Kesan Dasar British

Sistem Pendidikan

Dasar pentadbiran British menyebabkan munculnya sistem pendidikan vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris di negara kita. Sekolah vernakular pula berkembang mengikut kaum masing-masing. Sistem pendidikan vernakular diteruskan selepas kemerdekaan pada tahun 1957. Pendidikan vernakular mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Fahaman Politik

Fahaman politik berasaskan kaum bermula dengan penubuhan parti politik sebelum kemerdekaan hingga kini. Polarisasi kaum disebabkan perbezaan kegiatan ekonomi dan petempatan menyebabkan parti politik ini memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing. Isu yang diperjuangkan berkaitan dengan bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi. Keadaan ini mempengaruhi hubungan antara kaum di negara ini.

Memperkasakan Perpaduan dan Integrasi Nasional

Sejak mencapai kemerdekaan, usaha memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional telah dilaksanakan secara konsisten oleh kerajaan dan berterusan sehingga hari ini. Usaha ini merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial.

Politik

- Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara yang terletak di bawah bidang kuasa MAGERAN. Jabatan ini berperanan mendraf satu ideologi untuk negara yang dikenali sebagai Rukun Negara.
- Mewartakan pembentukan Majlis Muhibah Negara pada 18 Julai 1969. Majlis ini bertujuan menggalakkan perkembangan perasaan muhibah antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
- Menubuhkan Majlis Perundingan Negara pada 29 Januari 1970. Majlis ini ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional antara negeri dengan wilayah. Selain itu, majlis ini juga bertujuan memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat.
- Membentuk gabungan parti politik pelbagai kaum untuk mewujudkan keharmonian dan kestabilan politik selepas peristiwa 13 Mei 1969.
- Menyelaraskan perkhidmatan awam antara semua negeri. Penyelarasan ini mewujudkan integrasi antara negeri.



Tun Abdul Razak Hussein berucap dalam perhimpunan Barisan Nasional dengan disertai oleh ketua parti gabungan.

Sumber: Tun Abdullah Mohd Salleh (pengerusi), 2006. *Tun Abdul Razak: Potret dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak dan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.



Kerjasama politik parti pelbagai kaum sudah bermula sebelum merdeka. Pada bulan Oktober 1954, Parti Perikatan ditubuhkan untuk menyertai pilihan raya tahun 1955 dan menuntut kemerdekaan. Pada 1 Januari 1973 pula, Barisan Nasional ditubuhkan sebagai pengganti kepada Parti Perikatan.

Ekonomi

- Meneruskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia yang memberikan tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi semua kaum.
- Memperkenalkan beberapa dasar pembangunan ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk kemakmuran ekonomi rakyat dan negara.
- Memberikan tumpuan kepada pembangunan masyarakat luar bandar dan wilayah. Pembangunan dilakukan melalui rancangan pembangunan tanah yang mampu menambah pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan.
- Memajukan bidang perindustrian dan perdagangan dengan memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas seperti di Bayan Lepas, Pasir Gudang dan Pelabuhan Klang.
- Penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar berlaku disebabkan peluang pekerjaan yang terbuka luas kepada semua kaum. Hal ini mempercepat proses integrasi.
- Mengintegrasikan ekonomi melalui pembangunan ekonomi wilayah termasuk di Sarawak dan Sabah. Pembangunan ekonomi wilayah membuka peluang kepada semua kaum bersaing dalam ekonomi secara adil.

Sosial

- Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada melalui Akta Pendidikan 1996 bertujuan mengukuhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Mengukuhkan sistem pendidikan melalui pelaksanaan dasar pendidikan seperti Laporan Rahman Talib, Laporan Jawatankuasa Kabinet dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sistem pendidikan kebangsaan dapat melahirkan rakyat yang patriotik dan mempunyai semangat cinta akan negara.
- Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pusat ilmu dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi menyebarkan luas penggunaan bahasa kebangsaan. Langkah ini dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai satu identiti bahasa yang sama.
- Menggalakkan pengamalan satu kebudayaan kebangsaan yang dapat membentuk identiti bangsa Malaysia yang bersatu padu.
- Menggalakkan pelibatan dalam sukan sebagai medium untuk mewujudkan semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum.
- Memperkenalkan Rukun Negara sebagai tunjang kesetiaan rakyat berbilang kaum terhadap bangsa dan negara.

Pelbagai usaha yang dilakukan secara berterusan dapat memantapkan hubungan rakyat berbilang kaum di negara ini. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menghargai kepentingan menjaga perpaduan serta keharmonian kaum demi kestabilan politik, pembangunan negara dan kesejahteraan sosial.



Membuat Kronologi

Susun secara kronologi setiap langkah yang dilaksanakan dari aspek politik, ekonomi dan sosial untuk memupuk perpaduan kaum.

7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional. Matlamat ini terkandung dalam Laporan Rahman Talib, Kajian Aminuddin Baki, Laporan Jawatankuasa Kabinet, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Akta Pendidikan 1996.

Latar Belakang Dasar Pendidikan Kebangsaan



Buku *Dasar Pendidikan Kebangsaan*.
Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum. Dasar ini dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau dikenali sebagai Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Semua dasar pendidikan yang terdapat sebelum ini disemak semula pada tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

Tuan-tuan dan puan-puan,
Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan menyatupadukan rakyat dan menyediakan tenaga kerja mahir yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Matlamat dasar ini adalah untuk mengadakan sistem pendidikan yang dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik.

Dasar ini juga bermatlamat melahirkan rakyat yang berilmu, seimbang dan harmoni serta menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran negara.

Ilustrasi penerangan tentang matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Laporan Rahman Talib

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib pada tahun 1960 untuk menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. Laporan jawatankuasa ini menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961 dan penyemakan Dasar Pendidikan Kebangsaan seterusnya.

Laporan Rahman Talib masih mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi.

- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan. Penggunaan bahasa yang seragam dapat mewujudkan perpaduan.
- Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara kita bagi semua jenis sekolah. Kurikulum yang berorientasikan negara mewujudkan perasaan cinta akan negara.

Laporan Rahman Talib mencadangkan beberapa cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. Cadangan tambahan ini bertujuan memperkukuh semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan murid pelbagai kaum ke arah perpaduan.

- Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah untuk menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara.
- Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat untuk membentuk sikap bertoleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum.

Kajian Aminuddin Baki

Laporan Rahman Talib kemudian dibuat penambahbaikan dan dilaksanakan sepenuhnya melalui Kajian Aminuddin Baki, iaitu:

- Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan untuk menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik.
- Memperkenalkan kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang melibatkan pelbagai kaum serta persediaan memenuhi permintaan pasaran kerja.
- Mewujudkan sekolah kebangsaan yang menggabungkan semua kaum untuk memupuk perpaduan.



Abdul Rahman Talib.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib (duduk dua dari kiri).

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Membuat Interpretasi

Bagaimanakah sistem kurikulum yang sama dapat memupuk semangat perpaduan?



AMINUDDIN BAKI



Aminuddin Baki merupakan Ketua Penasihat Pendidikan Malaysia (kini dikenali sebagai Ketua Pengarah Pendidikan) yang paling muda, iaitu ketika berusia 36 tahun. Beliau memainkan peranan menyusun Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 pada tahun 1956 dan Laporan Rahman Talib pada tahun 1960.

Laporan Jawatankuasa Kabinet

1

Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada bulan September 1974. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan. Laporan Jawatankuasa Kabinet diumumkan oleh Menteri Pelajaran pada tahun 1979.



KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH (KBSR)

Matlamat utama pembentukan KBSR yang perlu dicapai. Antaranya murid dapat:

- Menguasai dan menghargai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan sebagai alat perpaduan.
- Menguasai tiga bidang asas, iaitu bidang komunikasi, bidang kemanusiaan dan alam sekitar serta bidang perkembangan diri individu.

Memastikan matlamat pendidikan relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Kemudiannya, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan. KSSR dilaksanakan sepenuhnya kepada murid Tahun 1 di semua sekolah bermula pada tahun 2011.

KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)

Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) mula dilaksanakan di sekolah mulai tahun 1989. KBSM digubal berdasarkan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan:

- Generasi yang berilmu.
- Generasi yang berkemahiran.
- Generasi yang bersatu padu.

KBSM digantikan dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula dengan murid Tingkatan 1 mulai tahun 2017. Pembaharuan kurikulum yang dilaksanakan ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dengan memberikan fokus kepada penguasaan kemahiran abad ke-21.



Apakah matlamat KBSR diperkenalkan?

2

Antara kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mempunyai matlamat bagi memperkukuh perpaduan termasuklah seperti yang berikut:

1. Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dijadikan sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam.
2. Penegasan kepada pendidikan kerohanian melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.
3. Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum yang melibatkan semua kaum seperti unit beruniform, sukan dan permainan serta persatuan.

3

Hasil daripada laporan jawatankuasa ini menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang diperkenalkan pada tahun 1982. Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Falsafah Pendidikan Negara pula digubal pada tahun 1988.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) digubal pada tahun 1988 untuk memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara ke arah perpaduan. FPN ditukar kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1996. Falsafah ini menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu bagi membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek.

Akta Pendidikan 1996

Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuh dengan memperuntukkannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996. Kedudukan ini diperkuat lagi dengan menjadikan bahasa tersebut sebagai mata pelajaran yang wajib diajarkan di semua sekolah dan institusi pendidikan. Institusi pendidikan swasta pula dikehendaki mengadakan pengajaran bahasa kebangsaan, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Islam atau Moral untuk memupuk semangat cinta akan negara serta nilai murni.



Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Sumber: Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2019. *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550): Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah Terpilih*. Petaling Jaya: International Law Book Services.

Pelaksanaan sistem pendidikan di negara kita berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Laporan Rahman Talib, Laporan Jawatankuasa Kabinet, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Akta Pendidikan 1996. Dasar ini digubal untuk mencapai matlamat masyarakat yang bersatu padu. Pelaksanaan ini juga bertujuan meneruskan dan memperkukuh dasar pendidikan kebangsaan. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menghargai, menyokong serta memberikan komitmen terhadap kepentingan pendidikan bagi mengukuhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.



Fail Edar (Travelling file)

Arahan:

1. Murid dikehendaki berada dalam kumpulan. Setiap kumpulan diberi satu fail yang mengandungi soalan untuk dibincangkan dan dicatatkan.
2. Setelah 15 minit, soalan dan jawapan dimasukkan semula ke dalam fail lalu diedarkan kepada kumpulan lain.
3. Setiap kumpulan digalakkan menambah, membaiki atau menyatakan pendapat pada jawapan dalam fail tersebut.
4. Setelah setiap kumpulan memberikan maklum balas pada jawapan, guru akan mengendalikn perbincangan kelas dan membuat rumusan.

Soalan:

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Sumber: www.moe.gov.my/index. Dicapai pada 12 Julai 2020.

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan potensi individu?
- (b) Mengapakah potensi individu perlu dikembangkan secara menyeluruh dan bersepadu?
- (c) Bagaimanakah insan yang berakhlak mulia dan berilmu pengetahuan dapat menyumbang ke arah keharmonian dan perpaduan?

7.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

Seiring dengan kemerdekaan negara, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Beberapa langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Antaranya termasuklah pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan, memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan, penubuhan UKM sebagai pusat keilmuan dan peranan DBP sebagai pusat perkembangan bahasa kebangsaan.

Akta Bahasa Kebangsaan

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum. Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui penggubalan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bahasa Kebangsaan. Akta Bahasa Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1967. Akta ini dikenali juga sebagai Akta 32. Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Akta ini mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971.

Bahasa Rasmi Pentadbiran

Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menjadi antara unsur penggerak jentera pentadbiran negara. Bahasa Melayu juga merupakan alat komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan di kementerian dan jabatan kerajaan. Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam urusan mahkamah pada tahun 1990.

Memperkasakan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan

Pembukaan sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dipergiat di seluruh negara. Antaranya Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri dan Kolej Sultan Abdul Halim menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat memupuk semangat kekitaan dan bersatu dalam kalangan murid. Bilangan guru terlatih bahasa Melayu ditambah di sekolah menengah kebangsaan dan guru khas untuk sekolah menengah jenis kebangsaan. Langkah ini bermatlamat untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.



Bahasa ilmu: Merujuk bahasa yang mampu menjadi perantaraan bagi penyampaian ilmu pengetahuan sehingga peringkat tinggi.

Bahasa rasmi: Merujuk bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi, iaitu dalam urusan pentadbiran, sistem pendidikan, urusan perdagangan dan kehakiman.



Bagaimanakah penggunaan bahasa kebangsaan dapat memupuk perpaduan rakyat?

UNDANG-UNDANG MALAYSIA	
Akta 32	
AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67	
Suatu Akta bagi menyatukan undang-undang berhubung dengan penggunaan bahasa kebangsaan.	
[Seksyen 9 hingga 11 – 11hb April 1963; Yang lain-lain – 1hb September 1967.]	
1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), dipakai di seluruh Malaysia.	Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa. [Pin. Akta AS54]
(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Pihak-Pihak Berkuasa Negeri masing-masing, melalui enakmen Badan Perundangan Negeri masing-masing dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mula berkuat kuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini di Negeri-Negeri itu.	*[Akta 7/67,s.11]
2. Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perindungan yang terkandung dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain dalam Malaysia bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi.	Bahasa kebangsaan digunakan bagi maksud-maksud rasmi. [Akta 7/67,s.2]
3. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh hak Kerajaan Persekutuan atau hak Kerajaan mana-mana Negeri untuk menggunakan apa-apa terjemahan bagi dokumen-dokumen atau perutusan-perutusan rasmi dalam mana-mana bahasa lain bagi apa-apa maksud yang ditfikirkan perlu demi kepentingan awam.	Menggunakan terjemahan. [Akta 7/67,s.3]

Seksyen 2

Akta Bahasa Kebangsaan menetapkan bahawa segala urusan rasmi kerajaan harus menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Seksyen 8

Akta Bahasa Kebangsaan menetapkan bahawa bahasa Melayu mesti digunakan dalam mana-mana mahkamah di Malaysia (kecuali pemberian keterangan oleh seseorang saksi).

Akta Bahasa Kebangsaan.

Sumber: Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2019. *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550): Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah Terpilih.* Petaling Jaya: International Law Book Services.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pusat Keilmuan Bahasa Melayu

Penubuhan UKM merupakan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. UKM ditubuhkan pada 18 Mei 1970. Universiti ini muncul sebagai pusat pengajian tinggi awam pertama yang berjaya memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam bahasa Melayu.

Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) pada 1 Disember 1972 menjadikan UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu. Institut ini kemudian bertukar nama kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) pada tahun 1992. Institut ini menjadi tumpuan para penyelidik, sasterawan, karyawan dan budayawan daripada pelbagai kaum dari dalam dan luar negara. Pengiktirafan terhadap tokoh UKM seperti Muhammad Haji Salleh dan Siti Zainon Ismail sebagai Sasterawan Negara membuktikan kejayaan UKM sebagai pusat keilmuan bahasa Melayu.



Logo ATMA.

Sumber: <https://www.ukm.my/atma/en/>.
Dicapai pada 23 Oktober 2020.

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)



Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penubuhan DBP pada 22 Jun 1956 di Bukit Timbalan, Johor Bahru, Johor, hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. Penubuhannya bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Nama asal DBP ialah Balai Pustaka. Pengarah pertama DBP ialah Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid (jawatan ini kini dikenali sebagai Ketua Pengarah). Pembukaan pejabat di wilayah dan cawangan di Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah bertujuan mengembangkan aktiviti bahasa dan sastera sebagai medium untuk memupuk perpaduan.

DBP memainkan peranan penting dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu melalui penerbitan buku dan majalah, risalah, menganjurkan seminar dan bengkel serta pelbagai aktiviti bersempena dengan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan. Peranan DBP ini adalah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Slogan Bahasa Jiwa Bangsa dilancarkan pada tahun 1960, agar dapat mengukuhkan pembinaan masyarakat yang bersatu padu melalui bahasa.



Logo slogan
Bahasa Jiwa Bangsa .

Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan, penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran, pelaksanaan sistem pendidikan berasaskan bahasa Melayu serta peranan UKM dan DBP sebagai pusat ilmu memastikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan negara. Pemimpin dan rakyat wajar memainkan peranan bagi memartabatkan bahasa kebangsaan untuk kesejahteraan dan kemakmuran negara kita.

7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan. Dasar ini menjadi garis panduan masyarakat bagi membentuk dan mengekalkan identiti sebagai warganegara Malaysia.

Sejarah Pembentukan

Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Kongres ini boleh dianggap sebagai lanjutan daripada Kongres Rakyat 1956, iaitu Kongres Kebudayaan Melayu. Kongres ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak Hussein di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kongres ini dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Kita mesti menggubal satu identiti bangsa Malaysia dengan mengambil kira semua kaum dan agama. Saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini .

Petikan ucapan Tun Abdul Razak Hussein ketika merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan.

Sumber: Abdul Latiff Abu Bakar, 1987. Kebudayaan Kebangsaan dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Biro Pendidikan Umno Malaysia.



Huraian tentang tiga prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Prinsip Utama

Pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan berteraskan tiga prinsip utama.

Prinsip Utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima sebagai elemen penting.

Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Membuat Rasionalisasi

Rasionalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ke arah memupuk keperibadian kebangsaan.



Kongres Kebudayaan Kebangsaan Kali Kedua diadakan di UKM pada 15 April 2017. Antara resolusi kongres tersebut termasuklah:

- Memperkasakan Kebudayaan Nasional sebagai identiti bangsa.
- Menyemarakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.
- Mengukuhkan Rukun Negara sebagai tiang seri negara bangsa.
- Pendidikan sebagai alat penyatuan bangsa.

Matlamat Pembentukan

Pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan bertujuan mencapai tiga matlamat utama, iaitu:

- Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan.
- Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang terhasil daripada kebudayaan kebangsaan.
- Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

Agensi Pelaksana

Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan melibatkan semua kementerian, agensi dan jabatan yang berkaitan dengannya. Dasar ini dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia), Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, Majlis Kebudayaan Negeri, Istana Budaya serta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).



Istana Budaya.

Sumber: <http://www.istanabudaya.gov.my>.

Dicapai pada 29 Oktober 2020.

Citrawarna Malaysia

Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan melalui program seperti Citrawarna Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum dan budaya. Program ini mula dianjurkan pada tahun 1999 yang merupakan promosi pelancongan. Antara program yang dijalankan termasuklah memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia. Program Citrawarna diadakan di Dataran Merdeka pada bulan Mei setiap tahun dengan melibatkan rakyat pelbagai kaum dan budaya.

Penggiat Budaya

Dasar Kebudayaan Kebangsaan melahirkan ramai tokoh dan penggiat budaya yang tersohor. Tokoh ini memberikan sumbangan yang besar terhadap proses membudayakan masyarakat dan kebudayaan bangsa. Sumbangan mereka juga penting dalam menggalakkan penghasilan karya seni tempatan yang bermutu tinggi dan memartabatkan khazanah asli negara.



Azah Aziz (Mak Ungku), Tokoh Budayawan.



Hamzah Dolmat, Seni Muzik Tradisional.



Lim Swee Tin, Kesusasteraan.



Samuel Dass, Muzik Tradisional India.



Shuhaibun Yussuf, Budaya dan Kesusasteraan Sabah.



Mathew Ngau Jau, Muzik Tradisional (Sape) Sarawak.

Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat membentuk bangsa yang bersatu padu serta mengekalkan identiti negara. Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah berbangga dengan keunikan budaya masyarakat. Hal ini disebabkan budaya tersebut memperlihatkan keperibadian kebangsaan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

AKTIVITI

1. Dengan menggunakan pelbagai sumber, kumpulkan maklumat lanjut berkaitan dengan tokoh di atas:
 - Latar belakang kehidupan.
 - Kejayaan yang dicapai.
 - Sumbangan.
2. Bentangkan dapatan anda di hadapan kelas.

7.5 Sukan sebagai Alat Perpaduan

Sukan merupakan satu medium untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional di Malaysia. Sukan dapat mengeratkan hubungan muhibah dan menerapkan rasa saling hormat dalam kalangan peserta. Selain itu, sukan mampu mewujudkan masyarakat yang sanggup memberikan sumbangan demi kesejahteraan sosial dan kecemerlangan sukan negara.

Sukan dan Perpaduan Melalui Pendidikan

Sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang sangat digalakkan dalam kalangan murid sekolah. Dasar 1 Murid 1 Sukan dan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) menggalakkan murid pelbagai kaum melibatkan diri dalam sukan yang digemari. Dasar ini juga memberikan peluang kepada murid pelbagai kaum untuk menceburi bidang sukan serta dapat memupuk semangat setia kawan dan berpasukan. Selain itu, dasar ini juga mampu melahirkan atlet yang berkaliber sehingga ke peringkat antarabangsa.



Kejohanan olahraga tahunan sekolah melibatkan murid yang terdiri daripada pelbagai kategori umur dan kaum. Tiada acara sukan yang dipertandingkan mengikut kaum. Rakan-rakan penyokong serta guru penasihat rumah sukan akan bersorak memberikan sokongan kepada atlet rumah sukan masing-masing tanpa mengira kaum.



Pusingan Robin (Round Robin)

Murid secara berkumpulan, bergilir-gilir memberikan maklum balas terhadap gambar yang berikut:



Perbarisan rumah sukan bersempena dengan kejohanan olahraga tahunan sekolah.

Sumber: Ihsan daripada Tuan Haji Ahmad Ali, 2019.

1. Apakah perasaan anda setelah dipilih sebagai salah seorang ahli perbarisan rumah sukan?
2. Bagaimanakah anda memainkan peranan dalam perbarisan rumah sukan yang terdiri daripada pelbagai kaum?
3. Jelaskan manfaat yang boleh didapati daripada kegiatan sukan ini bagi mengukuhkan hubungan dengan rakan kaum lain.



Kerjasama dan semangat bersatu warga sekolah yang berbilang kaum diperlihatkan melalui pelibatan dalam kejohanan olahraga tahunan sekolah.

Sumber: Ihsan daripada Tuan Haji Ahmad Ali, 2019.

Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bermula pada tahun 1974. MASUM ditubuhkan bertujuan mengadakan pertandingan sukan dalam kalangan penuntut dan staf universiti tempatan bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional. MASUM menjadi medan untuk atlet menunjukkan kebolehan dalam sukan. Penganjuran MASUM secara bergilir-gilir dapat menggalakkan integrasi antara negeri.



Logo MASUM.

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi.



Logo Sukan Malaysia.

Sumber: Kementerian Belia dan Sukan.

Sukan Malaysia (SUKMA)

Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan yang disertai oleh 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. SUKMA bertujuan mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri. SUKMA pertama diadakan di Kuala Lumpur dari 19 April 1986 hingga 26 April 1986 yang disertai oleh 3849 atlet dari 13 buah negeri di Malaysia.

Penganjuran Sukan

Kejayaan Malaysia menganjurkan pelbagai jenis sukan pada peringkat serantau dan antarabangsa juga membuktikan sukan dapat menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara kita. Komitmen pemimpin dan kesungguhan para sukarelawan pelbagai kaum memastikan penganjuran sukan yang cemerlang mendapat pengiktirafan banyak pihak. Antara sukan antarabangsa yang berjaya dianjurkan oleh Malaysia termasuklah Hoki Piala Dunia, Sukan Komanwel, Piala Thomas, Southeast Asian Games atau Sukan SEA, Sukan Permotoran Formula 1 dan sukan berbasikal Le Tour de Langkawi.



Malaysia menganjurkan Sukan Permotoran Formula 1.

Sumber: <https://www.formula1.com/>. Dicapai pada 26 Oktober 2020.



Penganjuran Le Tour de Langkawi setiap tahun mampu menarik minat pasukan ternama dunia.

Sumber: <https://www.lada.gov.my/>. Dicapai pada 26 Oktober 2020.



Kejayaan Malaysia Kebanggaan Bersama

Kejayaan pasukan negara dalam pertandingan sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia, Sukan SEA dan Pestabola Merdeka merupakan hasil kerjasama serta kesungguhan pelbagai pihak. Dalam pasukan seperti bola sepak, hoki, badminton, renang, boling dan olahraga, pemain dan jurulatih bekerjasama tanpa mengira kaum. Kejayaan pasukan negara ini merupakan harapan seluruh rakyat Malaysia. Jelaslah bahawa sukan memainkan peranan yang penting dalam membentuk sebuah pasukan yang bersatu dan saling bekerjasama untuk mencapai kejayaan.

Malaysia turut melakar kejayaan dalam sukan paralimpik seperti Kejohanan Olahraga Paralimpik Dunia. Atlet negara menunjukkan prestasi cemerlang dengan meraih kemenangan dalam pelbagai jenis sukan seperti olahraga dan memanah.



Pasukan hoki kebangsaan dalam pertandingan Hoki Piala Dunia 1975, diperkenalkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong V, Sultan Abdul Halim Mu adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Pasukan bola sepak kebangsaan berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik Moscow pada tahun 1980 selepas mengalahkan Korea Selatan 2-1.

Sumber: Ahmad Sarji Abdul Hamid, 2008. *Sports and Recreation*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.



Pasukan badminton Malaysia menjuarai Piala Thomas pada tahun 1967 selepas mengalahkan Indonesia 6-3.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

BAB 7



Senaraikan sukan yang anda ketahui mempunyai pemain dan jurulatih pelbagai kaum di Malaysia.



Membuat Interpretasi

Bagaimanakah perpaduan kaum dalam pasukan membawa kejayaan kepada sukan negara?

Laungan “Malaysia Boleh”

Slogan Malaysia Boleh menunjukkan patriotisme rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan budaya ketika menyokong pasukan Malaysia yang bertanding dalam kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa. Slogan ini asalnya untuk kempen Malaysia menjadi tuan rumah kejohanan Piala Thomas dan Uber pada tahun 1992 dan penyertaan Malaysia di kejohanan Olimpik yang diadakan di Sepanyol serta kejohanan Sukan SEA di Singapura 1993. Laungan semangat Malaysia Boleh oleh penyokong dapat dilihat apabila Malaysia muncul sebagai juara Piala Thomas pada tahun 1992. Sokongan ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia bersatu padu untuk kejayaan pasukan negara.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IX, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah menyampaikan pingat kepada pasukan badminton Malaysia yang menjuarai Piala Thomas pada tahun 1992.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Peranan Organisasi dalam Perkembangan Sukan dan Memupuk Perpaduan Kaum

Beberapa agensi diberi tanggungjawab untuk meningkatkan pencapaian dan kecemerlangan sukan negara pada peringkat antarabangsa. Antaranya termasuklah Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia serta persatuan sukan peringkat kebangsaan dan negeri. Pegawai pengurusan, pakar perubatan sukan, pegawai teknikal dan panel kejurulatihan yang terlibat dalam organisasi ini terdiri daripada pelbagai kaum dengan kepakaran dalam bidang masing-masing.



Pasukan badminton Malaysia yang menjuarai Piala Thomas pada tahun 1992.

Sumber: Malaysia, 2007. *Jubli Emas Merdeka 31 Ogos 1957: Malaysia Ku Gemilang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia.



Slogan Malaysia Boleh menjadi perangsang semangat kepada rakyat Malaysia.

Sumber: Malaysia, 2007. *Jubli Emas Merdeka 31 Ogos 1957: Malaysia Ku Gemilang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia.



Atlet sukan negara.

Kepemimpinan Berwibawa

Kejayaan sukan di negara kita merupakan hasil pengurusan sukan yang cekap dan teratur. Kecemerlangan ini juga disebabkan ketokohan pemimpin persatuan sukan, jurulatih, para atlet dan pegawai sukan. Keunikan perkembangan sukan di negara kita memperlihatkan pelibatan kerabat diraja dan ahli politik sebagai penaung atau presiden persatuan sukan. Sementara itu, bekas atlet pula menjadi pengurus atau jurulatih pasukan. Peranan mereka penting untuk menarik minat dan sokongan rakyat terhadap perkembangan industri sukan negara.

AKTIVITI

Perbincangan Bebas (Free Discussion)

Arahan:

Perbincangan murid dalam kumpulan kecil. Semasa sesi perbincangan, murid bertindak sebagai pemudah cara.



Berdasarkan simbol tersebut, lakukan aktiviti yang berikut:

- Perbincangan dalam kumpulan kecil:
 - Nama tokoh pemain yang anda kenal dalam simbol sukan berkenaan.
 - Bincangkan kejayaan yang pernah dicapai oleh tokoh pemain berkenaan.
 - Bagaimanakah kejayaan mereka dapat menyemarakkan semangat perpaduan kaum melalui sukan?
 - Cadangkan langkah untuk mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional melalui sukan.
- Perbincangan dalam kumpulan besar. Dengan bimbingan guru sebagai pemudah cara, kongsikan maklumat hasil perbincangan dengan kumpulan lain dalam bentuk perbincangan bebas.



Sultan Haji Ahmad Shah, Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (1984–2014).



Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (1985–2004).



Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja afar, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (1998–2018).



Dato Sieh Kok Chi, Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (1992–2015).



Tan Sri Darshan Singh Gill, Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (1986–1990).



Dato Peter Velappan, Setiausaha Agung Konfederasi Bola Sepak Asia Malaysia (1978–2007).

Sukan berupaya untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Aktiviti sukan memberikan peluang kepada semua yang terlibat membentuk masyarakat yang lebih sopan, berintegriti, bertanggungjawab serta dapat menghargai pentingnya menjaga perpaduan dan keharmonian kaum. Melalui sukan juga, pemimpin dan rakyat saling bekerjasama serta berperanan dalam memajukan kegiatan sukan yang membawa kemakmuran negara.

7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan. Rukun Negara merupakan susunan prinsip hidup masyarakat yang mengandungi nilai kenegaraan dan norma sosial yang mencakupi seluruh aspek kehidupan bernegara seperti politik, ekonomi, agama, budaya dan perundangan. Rukun Negara juga menggariskan ikrar yang perlu dihayati oleh warganegara Malaysia dan dianggap sebagai falsafah hidup rakyat Malaysia.

Sejarah Pembentukan

Rukun Negara dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969. Rukun Negara hasil daripada perbincangan dan pemikiran Majlis Perundangan Negara (MAPEN) yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970. Rukun Negara telah diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970 bersempena dengan ulang tahun kemerdekaan yang ke-13. Pada tahun 2020, genaplah 50 tahun Rukun Negara dicipta.



- Lima jalur merupakan simbolik lima prinsip Rukun Negara yang perlu dipatuhi.
- Bulan dan bintang melambangkan prinsip kepercayaan kepada Tuhan.
- Tengkolok berkerawang bulan dan bintang merupakan simbol prinsip kesetiaan kepada raja dan negara serta melambangkan prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.
- Angka 50 bersempena dengan sambutan ulang tahun Rukun Negara.
- Warna biru melambangkan amalan perpaduan dalam kesopanan dan kesuisaan.



Bacaan Ikrar Rukun Negara oleh pemimpin dan rakyat.

Sumber: www.kkmm.gov.my. Dicapai pada 28 Oktober 2020.

Logo bersempena dengan sambutan 50 tahun Rukun Negara diperkenalkan.

Sumber: www.moe.gov.my. Dicapai pada 20 Ogos 2020.



Ideologi ialah fahaman atau ajaran yang digunakan atau dicita-citakan untuk dasar pemerintahan dan tujuan lain.



Majlis Perundangan Negara dianggotai oleh wakil daripada:

- MAGERAN.
- Kerajaan negeri.
- Parti politik.
- Wakil Sarawak dan Sabah.
- Kumpulan agama.
- Badan profesional.
- Perkhidmatan awam.
- Kesatuan sekerja dan persatuan majikan.
- Akhbar.
- Guru-guru.
- Kumpulan minoriti.

AKTIVITI

Berdasarkan maklumat dalam teks, hasilkan peta pemikiran yang sesuai berkaitan dengan matlamat Rukun Negara.

Matlamat ke Arah Kesejahteraan

Rukun Negara dibentuk untuk mendukung cita-cita mencapai beberapa matlamat. Setiap matlamat ini berperanan bagi melahirkan sebuah negara yang rakyatnya hidup bersatu padu, aman dan sejahtera.

Masyarakat Demokratik

Kita mendukung cita-cita hendak memelihara cara hidup demokratik apabila rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi perlembagaan. Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang negara. Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum.

Negara Bersatu

Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu. Setiap ahli masyarakat menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan atau kepercayaan. Mereka juga mempunyai kesetiaan dan cinta akan negara.

Masyarakat Adil

Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu masyarakat yang adil apabila semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara. Masyarakat yang adil akan wujud apabila pihak yang lemah dan berkurangan dibantu supaya mereka mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan bebas daripada penindasan.

MATLAMAT RUKUN NEGARA

Masyarakat Liberal

Kita mendukung cita-cita hendak memelihara wujudnya satu masyarakat yang liberal. Ahli masyarakat bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara. Ahli masyarakat bercita-cita mencipta satu masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara Malaysia.

Masyarakat Progresif

Kita mendukung cita-cita hendak menegakkan satu masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi di samping mengamalkan nilai-nilai ketuhanan. Masyarakat progresif adalah satu masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan pada masa ini.



Bagaimanakah matlamat mewujudkan kesejahteraan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan?

Sumber: Arkib Negara Malaysia, 1970. *Rukun Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Prinsip Rukun Negara

Rukun Negara mempunyai lima prinsip yang perlu dihayati oleh rakyat Malaysia.

1 Kepercayaan kepada Tuhan

Prinsip ini menunjukkan bahawa agama menjadi panduan hidup untuk membentuk keperibadian yang baik dan landasan dalam membina keharmonian kaum. Perlembagaan Malaysia menetapkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan. Agama dan kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram. Kita perlu saling memahami dan menghormati serta bertoleransi dalam aspek keagamaan.

2 Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Prinsip ini menjelaskan bahawa negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Raja merupakan simbol penyatuan dan perpaduan rakyat berbilang kaum. Pengamalan prinsip ini dapat melahirkan rakyat yang menghormati simbol kedaulatan negara, mematuhi undang-undang, berusaha untuk meningkatkan imej negara dan berani mempertahankan kedaulatan negara serta mempunyai ciri patriotisme yang teguh.

3 Keluhuran Perlembagaan

Prinsip ini membawa maksud ketertinggian dan juga keagungan perlembagaan atau undang-undang. Perlembagaan berfungsi memberikan perlindungan dan hak kepada setiap anggota masyarakat dalam negara. Prinsip ini menekankan supaya rakyat dapat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.

4 Kedaulatan Undang-undang

Prinsip ini menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang, tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang dan berusaha untuk menyokong penguatkuasaannya. Rakyat perlu bertanggungjawab mempertahankan dan memelihara kedaulatan undang-undang daripada dicabar oleh mana-mana pihak demi mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni.

5 Kesopanan dan Kesusilaan

Prinsip ini adalah untuk memastikan bahawa setiap rakyat perlu sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati dan berakhlak mulia. Kesopanan dan kesusilaan dapat menjamin hubungan baik sesama kaum agar terus kekal terpelihara. Prinsip ini menjadi garis panduan yang perlu dijadikan amalan dan disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia. Penghayatan nilai murni akan melahirkan suasana yang harmoni dan saling bertolak ansur.

Setiap rakyat Malaysia perlu menghayati sepenuhnya prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara. Prinsip Rukun Negara mampu memperkukuh dan mengeratkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Oleh itu, Rukun Negara sangat penting sebagai peraturan dan norma hidup bagi mewujudkan perpaduan kaum di negara ini.

Usaha mewujudkan perpaduan memerlukan kesungguhan dan rasa bertanggungjawab semua rakyat Malaysia. Seiring dengan ini, usaha memantapkan perpaduan dipupuk melalui rancangan pembangunan dan kemajuan ekonomi. Usaha ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.



MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

Perpaduan dan Integrasi Nasional

- Maksud Perpaduan dan Integrasi Nasional
- Latar Belakang Hubungan Kaum
- Memperkasakan Perpaduan dan Integrasi Nasional

Dasar Pendidikan Kebangsaan

- Latar Belakang Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Laporan Rahman Talib
- Laporan Jawatankuasa Kabinet
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- Akta Pendidikan 1996

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

- Akta Bahasa Kebangsaan
- Bahasa Rasmi Pentadbiran
- Memperkasakan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan

Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- Sejarah Pembentukan
- Prinsip Utama
- Matlamat Pembentukan
- Agensi Pelaksana
- Citrawarna Malaysia
- Penggiat Budaya

Sukan sebagai Alat Perpaduan

- Sukan dan Perpaduan Melalui Pendidikan
- Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- Sukan Malaysia (SUKMA)
- Penganjuran Sukan
- Kejayaan Malaysia Kebanggaan Bersama
- Laungan “Malaysia Boleh”
- Peranan Organisasi dalam Perkembangan Sukan dan Memupuk Perpaduan Kaum
- Kepemimpinan Berwibawa

Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

- Sejarah Pembentukan
- Matlamat ke Arah Kesejahteraan
- Prinsip Rukun Negara



Pembelajaran Abad Ke-21

Aktiviti 1: Ulas Gilir (Rotating View)

Arahan:

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap murid membincangkan prinsip Rukun Negara. Jawapan dicatat di atas kertas sebak dan memarkannya dalam kumpulan masing-masing.
3. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan lain untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan.
4. Mereka boleh membuat komen, memberikan idea tambahan atau persoalan pada kertas berkenaan dengan menggunakan pen yang warna dakwatnya berbeza-beza dan mencatatkan nama kumpulan yang memberikan komen.

Sejarah RUKUN NEGARA

- Diisytiharkan dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970.
- Diperkenalkan sebagai pengikat dan pembina perasaan dan semangat cinta akan negara dalam kalangan rakyat.
- Segala aktiviti dan acara menyambut kemerdekaan pada tahun 1970 telah diisi dengan persembahan yang berteraskan Rukun Negara.

Sumber: Jabatan Arkib Negara

RUKUN NEGARA

Bahwasanya Negara kita, Malaysia mendukung cita-cita berikut:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berfikir akan menampung seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN;**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA;**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN;**
- **KEBAULATAN UNDANG-UNDANG;**
- **KESOPHAN DAN KESUSILAAN**

Sumber: <https://www.penerangan.gov.my/>. Dicapai pada 13 November 2020.

1. Perbincangan berkaitan dengan soalan yang berikut:
 - (a) Sebagai rakyat Malaysia yang patriotik, bagaimanakah anda menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian?
 - (b) Prinsip Rukun Negara penting untuk mengekalkan perpaduan kaum dan kesejahteraan negara. Bincangkan.
2. Pembentangan dan perkongsian di hadapan kelas.

Wakil kumpulan membentangkan hasil perbincangan dan membuat rumusan tentang perkara yang dibincangkan.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Maklumat yang berikut merujuk cadangan yang terdapat dalam dasar pendidikan yang diperkenalkan di negara kita.

- Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah untuk menanam perasaan cinta terhadap negara.
- Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat untuk membentuk sikap bertoleransi dan bekerjasama antara kaum.

Maklumat tersebut merujuk

- Laporan Rahman Talib 1960
 - Kajian Aminuddin Baki 1964
 - Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979
 - Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996
2. Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui Akta Bahasa Kebangsaan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Bagaimanakah bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan?
- Menubuhkan institut pengajian tinggi swasta
 - Memperkasakan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka
 - Menjadi bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara
 - Melaksanakan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai urusan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
3. Tokoh di bawah ialah ahli sukan yang berjaya dalam bidang masing-masing.



Dr. M. Jegathesan,
Olahraga.



Nurul Huda
Abdullah,
Renang.



Mohd Azizulhasni
Awang,
Lumba Basikal.



Mohamad Ridzuan
Mohamad Puzi,
Olahraga
Paralimpik.



Muhammad Ziyad
Zolkefli,
Olahraga
Paralimpik.

- Senaraikan kejayaan yang dicapai oleh tokoh di atas sepanjang karier mereka.
- Bagaimanakah sumbangan mereka dapat dihargai dan dikenang oleh rakyat Malaysia?
- Apakah iktibar yang diperolehi daripada pengorbanan tokoh di atas untuk kecemerlangan generasi muda hari ini?



Cakna dan Germinan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Pelibatan dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan dapat mewujudkan perasaan muhibah dan semangat bermasyarakat yang membawa perpaduan kaum.
- Berganding bahu tanpa mengira kaum dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan demi kemajuan dan pembangunan negara.
- Menghargai jasa dan pengorbanan tokoh dengan mencontohi mereka yang bertolak ansur dalam mengekalkan perpaduan kaum demi keharmonian masyarakat.

Diri dan Keluarga

Sentiasa berdaya saing dan melibatkan diri dalam program pembangunan sosial yang menjadi asas kepada kemajuan dan keharmonian masyarakat setempat.

Negara

Mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum merupakan tanggungjawab kita. Kita perlulah sentiasa bertolak ansur dan bertoleransi antara satu sama lain demi kesejahteraan negara.



Kesejahteraan masyarakat mewujudkan suasana yang harmoni dan membantu perpaduan kaum serta proses pembangunan Malaysia.

BAB 8 MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

SINOPSIS

Pembangunan ekonomi diteruskan selepas pembentukan Malaysia demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pula diperkenalkan untuk meneruskan hasrat mencapai matlamat DEB. Pelaksanaan kedua-dua dasar ini melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun telah menghasilkan kejayaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat dan membangunkan ekonomi negara.





Inti Pati Pembelajaran

1. Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB).
2. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).
3. Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).
4. Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).
5. Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).



Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik

1. Kepentingan memahami dasar kerajaan kepada pembangunan negara.
2. Kepentingan pelibatan rakyat dalam pembangunan negara.
3. Kepentingan menghargai harta awam.
4. Kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar.



Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami kronologi pembentukan Dasar Ekonomi Baru.
2. Meneroka bukti usaha yang dilakukan dalam pelaksanaan dasar ekonomi.
3. Membuat interpretasi pencapaian dasar ekonomi dalam menyusun semula masyarakat.
4. Membuat imaginasi keadaan masyarakat berbilang kaum selepas Dasar Ekonomi Baru.
5. Membuat rasionalisasi dasar ekonomi dalam memupuk perpaduan kaum.

Sektor perindustrian berkembang pesat di negara kita.

8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula pada tahun 1970 hingga tahun 1990 sebagai rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara. DEB dilancarkan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) yang merangkumi empat Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Dasar ini bertujuan memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, antara wilayah dan antara kawasan dalam wilayah yang sama.

Latar Belakang Pembentukan

Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970. MAPEN dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat. MAPEN ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat. Hasilnya, terbentuk satu dasar ekonomi negara yang dikenali sebagai DEB. Beberapa pakar ekonomi dari dalam dan luar negara diamanahkan untuk merancang dan merangka dasar berkenaan. Antara pakar yang terlibat termasuklah Dr. Rais Saniman (Malaysia), Dr. Just Faaland (Norway) dan Dr. Jack R. Parkinson (Britain).



Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua, memberikan penerangan berkaitan dengan DEB.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Keratan akhbar *Berita Harian* 13 Februari 1971 menunjukkan tujuan DEB diperkenalkan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>. Dicapai pada 22 September 2020.



Rancangan Pembangunan DEB yang dijalankan di bawah DEB.

1. Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975).
2. Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980).
3. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985).
4. Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990).

Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata.

Strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum.

Menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Terdapat isu yang berkaitan dengan rancangan membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat semasa DEB dilancarkan.

Isu Sosioekonomi

Jurang sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Jurang sosioekonomi antara pantai timur dengan pantai barat.

Jurang sosioekonomi antara masyarakat desa dengan bandar.

Jurang sosioekonomi antara negeri.



Meneroka Bukti



Dasar Ekonomi Baru bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan memberikan peluang kepada rakyat berbilang bangsa untuk menikmati kemakmuran negara dengan lebih adil dan saksama.

Petikan ucapan Tun Abdul Razak Hussein ketika pelancaran Dasar Ekonomi Baru.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat boleh mewujudkan perpaduan kaum. Buktikan.



Nyatakan strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat DEB.

8.2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang. Beberapa langkah dilaksanakan berkaitan dengan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Antaranya termasuklah meningkatkan taraf hidup rakyat, memperkenalkan Rancangan Buku Hijau, memperkasakan peranan agensi kerajaan, pembangunan tanah oleh FELDA, pembangunan wilayah, pemilikan modal saham, pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan pendidikan untuk tenaga kerja mahir.

Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat

Rancangan meningkatkan taraf hidup melibatkan penduduk di luar bandar dan di bandar.

Luar Bandar

Tumpuan diberikan kepada penduduk miskin yang terdiri daripada petani, pekebun getah dan kelapa, nelayan, buruh dan penduduk kampung baharu.

- Usaha pembangunan dilakukan menerusi kegiatan Gerakan Koperasi yang sedia ada di luar bandar.
- Program yang dilaksanakan termasuklah penerokaan tanah baharu, bantuan peralatan pertanian, khidmat nasihat, subsidi benih dan baja, kemudahan kredit, pemasaran dan pusat kemajuan peladang.

Bandar

Penduduk di bandar pula menghadapi kemiskinan disebabkan pendapatan yang rendah dan masalah perumahan.

- Usaha dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan pelbagai jenis perindustrian dan perniagaan yang membuka peluang pekerjaan lebih banyak dan meningkatkan pendapatan golongan miskin pelbagai kaum.
- Golongan ini juga disediakan dengan kemudahan asas seperti pendidikan, bekalan air dan elektrik, jalan raya, bantuan biasiswa dan buku teks percuma, makanan tambahan kepada kanak-kanak dan program rumah murah.



Rumah kediaman peneroka sebelum dan selepas DEB diperkenalkan menunjukkan perubahan taraf hidup.

Sumber: Muzium Rumah Warisan FELDA Air Tawar 2, Kota Tinggi, Johor.

Rancangan Buku Hijau

Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.

- Matlamat rancangan ini untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara.
- Rancangan ini memberikan tumpuan kepada penggunaan tanah yang sepenuhnya.
- Mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan, pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.



Tun Abdul Razak Hussein (duduk dua dari kiri) membuat pengumuman pelancaran rancangan Buku Hijau pada 20 Disember 1974.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Peranan Agensi Kerajaan

Beberapa agensi kerajaan ditubuhkan untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang boleh menambahkan pendapatan rakyat dan membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk semua kaum. Agensi ini juga memberikan bantuan dari segi peralatan, biji benih, kemudahan pinjaman dan khidmat nasihat. Antara agensi tersebut termasuklah Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) atau dikenali sebagai Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.



Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Ditubuhkan pada tahun 1971 untuk meningkatkan taraf hidup nelayan dan memodenkan industri perikanan.



Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
Ditubuhkan pada tahun 1973 untuk membantu pekebun kecil, petani dan peladang yang terlibat dalam kegiatan koperasi.



Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)
Ditubuhkan pada tahun 1971 untuk mengawal selia sektor padi dan beras serta menstabilkan harga padi. Pada tahun 1994, dikenali sebagai Beras Nasional (BERNAS).



Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
Ditubuhkan pada tahun 1973 untuk membantu dalam penyelidikan dan penanaman semula getah.



Rancangan Buku Hijau.



Mengapakah rancangan ekonomi dikenali sebagai Rancangan Buku Hijau?

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pembangunan Tanah

Pembukaan tanah baharu untuk pertanian dilakukan secara teratur di bawah FELDA. Penduduk luar bandar yang miskin dipindahkan ke kawasan FELDA yang baru dibangunkan.

- Mereka diberi tanah seluas 10 ekar untuk diusahakan dengan tanaman kelapa sawit, getah dan rumah kediaman.
- Selain itu, terdapat kemudahan lain seperti klinik, sekolah, pengangkutan dan koperasi FELDA yang dapat mengubah taraf hidup mereka.
- FELDA juga menjalinkan kerjasama dengan kerajaan negeri bagi meneroka pembukaan tanah baharu untuk pertanian.
- Di Sabah, kerjasama FELDA dengan Yayasan Sabah telah membawa kepada pembukaan Felda Wilayah Sahabat (Lahad Datu) dan Felda Umas (Tawau).
- FELDA juga mengadakan kerjasama dengan Sarawak melalui Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA) untuk pembukaan ladang kelapa sawit.



FELDA.

Perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara FELDA dengan Kerajaan Sabah bagi membolehkan FELDA terlibat dalam pembangunan tanah di Sabah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Apakah kemudahan yang disediakan oleh FELDA untuk peneroka?



Yayasan Sabah ditubuhkan pada tahun 1966 bertujuan menyediakan peluang pendidikan untuk rakyat Sabah dan mewujudkan peluang bagi pengagihan kekayaan ekonomi yang seimbang dalam kalangan rakyat Sabah. Kini, Yayasan Sabah meluaskan operasinya yang meliputi perladangan agro, perkapalan, pembangunan hartanah, industri makanan, perikanan dan industri minyak.

SALCRA ditubuhkan pada tahun 1976 serta terlibat dalam aktiviti perhutanan, perladangan dan pertanian. Ladang kelapa sawit diusahakan di wilayah Bau-Lundu, Serian, Sri Aman dan Saratok-Saribas, Sarawak.



Kilang kelapa sawit di Lubok Antu, Sri Aman milik Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA).

Sumber: salcra.gov.my. Dicapai pada 23 Oktober 2020.

Skim peneroka FELDA tidak hanya dihaskan untuk membantu bumiputera. Kaum Cina dan India juga diberi peluang oleh FELDA untuk menjadi peneroka. Terdapat beberapa buah FELDA yang menerima peneroka pelbagai kaum seperti di Felda Lurah Bilut (Pahang), Felda Keratong (Pahang) dan Felda Sendayan (Negeri Sembilan).



Tun Abdul Razak Hussein (dua dari kiri) meninjau perkembangan tanaman pokok getah di Felda Lurah Bilut, Pahang.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Pembangunan Wilayah

Program pembangunan wilayah dijalankan dengan pembukaan tanah untuk industri getah dan kelapa sawit.

- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Urban Development Authority (UDA) atau dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Bandar ditubuhkan pada tahun 1971 yang berperanan dalam sektor pembangunan industri dan pembangunan bandar baharu. Antaranya termasuklah pembukaan bandar baharu dan kawasan perindustrian di Bandar Tun Hussein Onn (Cheras) dan Bandar Baru Uda (Skudai).



Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

Sumber: <http://www.kejora.gov.my/>. Dicapai pada 5 November 2020.



Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Sumber: <http://www.kesedar.gov.my/>. Dicapai pada 5 November 2020.



Lurah Bilut di Bentong, Pahang telah dipilih oleh FELDA sebagai rancangan pembangunan tanah secara berkelompok yang pertama ditubuhkan pada tahun 1957. Pada peringkat awal, bilangan peneroka terdiri daripada kaum Melayu seramai 400 orang, kaum Cina 169 orang dan kaum India seramai 47 orang. Semua kerja pembinaan rumah dan penanaman getah dilakukan secara bergotong-royong.

Pemilikan Modal Saham

Kaum bumiputera ketinggalan dalam pemilikan saham syarikat perdagangan. Keadaan ini mewujudkan perbezaan dari segi taraf hidup dan jumlah pendapatan antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera.

- Usaha dilakukan untuk menambah pemilikan modal saham bumiputera dalam sektor korporat bagi mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 17 Mac 1978.
- Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad.
- Kaum bukan bumiputera turut diberi peluang dalam pemilikan modal saham dengan pengenalan Amanah Saham Malaysia.



Logo Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera.



Menara PNB.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Industri kecil dan sederhana merujuk industri pembuatan barangan menggunakan modal yang kecil dan tenaga kerja yang tidak ramai. Rakyat diberi peluang mengusahakan industri desa serta IKS. Usaha ini bagi memperbaiki taraf hidup rakyat serta menambah daya pengeluaran dan pendapatan.

- Industri ini meliputi kraf tangan, makanan, pakaian dan inap desa.
- Antara IKS yang berjaya termasuklah Best Farm Co., Nurul Food Industry Enterprise, Ramly Food Processing Sendirian Berhad dan Faiza Marketing Sendirian Berhad.
- Pinjaman, insentif dan nasihat diberikan melalui Bank Bumiputra (1965), Perbadanan Nasional Berhad (1969), Bank Pertanian Malaysia (1969) yang kini dikenali sebagai Agrobank, Skim Pinjaman Khas Pertanian (1970) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (1987).

Hasilnya, muncul ramai usahawan muda yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Pendidikan Tenaga Kerja Mahir

Kerajaan mengambil langkah untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang mampu menampung keperluan dalam bidang pertanian dan perindustrian.

- Asas kepada latihan kemahiran ini diberikan sejak di bangku sekolah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- Pendidikan menengah atas dibahagikan kepada dua jurusan, iaitu akademik dan vokasional.
- Bagi memenuhi keperluan ini, sekolah teknik dan vokasional, Maktab Perguruan Teknik, politeknik, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti (Institut) Teknologi Mara ditubuhkan.
- Kursus kemahiran ditawarkan dalam pelbagai bidang untuk menampung permintaan terhadap tenaga kerja mahir.

Kesannya, pekerja mahir dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan melalui kemahiran yang dimiliki.



Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor.
Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi.



Kolej Vokasional Taiping, Perak.
Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia.



Pelajar membuat latihan kemahiran di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Shah Alam, Selangor.

Sumber: <http://www.adtecsa.gov.my/>. Dicapai pada 27 Oktober 2020.



Pelajar jurusan kemahiran tekun mendengar penerangan daripada tenaga pengajar.

Sumber: <http://www.ilpkb.gov.my/>. Dicapai pada 27 Oktober 2020.

Semua langkah yang dilaksanakan bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk mencapai matlamat perpaduan negara. Segala program pembangunan yang dilaksanakan seiring dengan penjagaan alam sekitar negara kita. Kita perlu meningkatkan taraf hidup demi kemakmuran negara.

AKTIVITI

Sistem pendidikan yang berteraskan kemahiran menjamin masa hadapan remaja. Bahaskan.

8.3 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan DEB berakhir pada tahun 1990. Dalam tempoh pelaksanaan DEB (1970-1990), ekonomi Malaysia berkembang dengan pesatnya. Kejayaan menyeluruh yang telah dicapai memerlukan masa yang lebih lama untuk menampakkan hasil yang berkesan. Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan pula oleh DPN.

Latar Belakang Pembentukan

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Jun 1991. DPN merupakan kesinambungan DEB yang dirangka untuk tempoh 10 tahun (1991-2000) melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2). DPN merupakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berdasarkan Wawasan 2020.

DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (1991-2000)



Ilustrasi menunjukkan kepesatan pembangunan negara.



Rancangan Pembangunan Ekonomi Lima Tahun yang dijalankan di bawah DPN.

1. Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995).
2. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000).

Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dapat dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar melalui beberapa aspek. Matlamat DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Objektif DPN adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan memperkukuh kestabilan sosial dan politik serta mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf negara yang maju dalam semua aspek seperti keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan serta kecemerlangan ekonomi.

Strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) menggunakan beberapa strategi yang merangkumi bidang ekonomi, sosial serta pembangunan kemudahan fizikal untuk meneruskan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Ekonomi

- Pelibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara.
- Melaksanakan program penanaman semula.
- Penggunaan sains dan teknologi.
- Meningkatkan pemilikan saham bumiputera.



Penggunaan teknologi moden meningkatkan kualiti dan hasil pertanian.

Sosial

- Memberikan insentif serta kemudahan pendidikan untuk kemajuan masyarakat miskin tanpa mengira kaum.
- Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.
- Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif.



Pembelajaran tradisional berubah ke arah pembelajaran digital atau e-pembelajaran.

Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar

- Menyediakan dan menambah baik kemudahan asas.
- Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar.



Dasar Pembangunan Nasional turut memberikan tumpuan terhadap penggunaan teknologi hijau.

8.4 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Strategi asas DEB diteruskan dalam pelaksanaan DPN, iaitu membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum. Pelaksanaan DPN juga dilakukan melalui pemilikan modal saham dan pembangunan wilayah.

Pembasmian Kemiskinan

Kerajaan meneruskan usaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khususnya golongan bumiputera.

- Pemberian subsidi dan sokongan diteruskan kepada golongan penanam padi dan nelayan. Tumpuan diberikan ke arah mempertingkatkan produktiviti pengeluaran mereka.
- Golongan belia pula diberi latihan di agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran dan berpendapatan tinggi.



Pelajar mengikuti latihan kemahiran ILP di Kota Samarahan, Sarawak.

Sumber: <https://ilpks.gov.my>. Dicapai pada 22 September 2020.



Kursus kuliner ditawarkan di Pusat Latihan Kemahiran Giatmara.

Sumber: <https://ewarta.mara.gov.my/>. Dicapai pada 27 Oktober 2020.



Teknologi Kimpalan Arka dan Gas, ILP di Kota Bharu, Kelantan.

Sumber: <https://ilpkb.gov.my>. Dicapai pada 22 September 2020.



Bagaimanakah kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat Malaysia dapat dihapuskan?

Penyusunan Semula Masyarakat

Langkah menyusun semula masyarakat dilakukan dengan pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Hal ini bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 153).

- Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan.
- Latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan diberikan oleh agensi kerajaan.
- Pemberian kontrak, kuota dan lesen kepada perniagaan milik bumiputera dan syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera turut dilaksanakan.
- Perhatian khusus diberikan kepada penyertaan bumiputera dalam IKS.
- Usaha sama secara aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera digalakkan untuk membolehkan syarikat bumiputera meningkatkan prospek perniagaan.
- Bagi membolehkan bumiputera bersaing dalam perniagaan moden, mereka akan didedahkan dengan teknologi terbaharu, di samping kemudahan modal, maklumat pasaran dan hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa.

Matlamat penyusunan semula masyarakat akan memastikan corak tenaga kerja di pelbagai sektor dan pekerjaan dalam ekonomi bagi mencerminkan komposisi pelbagai kaum dalam negara.



Barangan keluaran pengusaha IKS.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Pameran hasil keluaran industri syarikat bumiputera.



Nyatakan peranan institusi yang menyediakan latihan kemahiran kepada golongan belia.



Mengapakah insentif diberikan kepada Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera?

Penyusunan Semula Modal Saham

Penyusunan semula modal saham dalam sektor korporat terus dilaksanakan di bawah DPN. Langkah ini dibuat supaya bahagian saham kaum bumiputera dapat dipertingkatkan selaras dengan matlamat asal DEB bagi mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam pemilikan, penguasaan dan pengurusan sektor moden. Tindakan akan diambil melalui program penswastaan bagi memperuntukkan sejumlah saham untuk projek yang diswastakan kepada bumiputera. Penswastaan syarikat perniagaan milik agensi amanah yang dikhaskan untuk bumiputera seperti yang berikut:

- Majlis Amanah Rakyat (MARA).
- Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS).
- Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN).

Pada masa yang sama, kaum bukan bumiputera diberi peluang untuk menyertai projek penswastaan.



Bangunan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor.

Sumber: www.pkns.gov.my/. Dicapai pada 21 Julai 2020.



Saham ialah pegangan hak milik syarikat dalam bentuk ekuiti.



Dasar penswastaan dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada bulan Mac 1983. Dasar ini bertujuan meningkatkan produktiviti serta kualiti perkhidmatan atau barangan. Penswastaan mempercepat pembangunan ekonomi negara melalui pelaburan modal oleh sektor swasta.

AKTIVITI

Cari maklumat daripada pelbagai sumber berkaitan dengan agensi kerajaan yang terlibat dalam dasar penswastaan. Bentangkan pendapat anda di dalam kelas.



Bangunan MARA, Kuala Lumpur.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pembangunan Wilayah

Kerajaan meneruskan rancangan pembangunan wilayah untuk meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri. Usaha memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah memudahkan pencapaian kesamarataan pendapatan antara kaum di negara ini.

- Malaysian Agricultural Research and Development Institute – MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) ditingkatkan.
- Konsep pertanian pintar digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian.
- Penyebaran industri terpilih digalakkan dengan mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri yang kurang maju dengan kemudahan fizikal, pendidikan, kesihatan dan perumahan. Kawasan-kawasan ini akan menjadi pusat pertumbuhan baharu ekonomi yang dapat menyumbang kepada pembangunan wilayah.



Penggunaan teknologi dron bagi melancarkan kerja menyembur racun dan baja cecair di sawah padi.

Sumber: <http://k15.upm.edu.my/>. Dicapai pada 27 Ogos 2020.



Penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh MARDI menggunakan konsep pertanian pintar mampu meningkatkan hasil pengeluaran petani.

Sumber: <http://blogmardi.wordpress.com>. Dicapai pada 27 Ogos 2020.

Pelaksanaan DPN telah meningkatkan taraf hidup rakyat. Penggunaan teknologi moden mampu meningkatkan pengeluaran dalam pelbagai bidang ekonomi. Seiring dengan ini, berlaku kemajuan dalam pembinaan kemudahan awam untuk kesejahteraan rakyat. Kita mempunyai tanggungjawab untuk menghargai dan menjaga harta awam tersebut. Rakyat perlu menjaga kelestarian alam sekitar bagi mewujudkan negara yang harmoni dan indah.



Pertanian pintar bermaksud penggunaan teknologi pintar bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Penggunaan biji benih berkualiti membolehkan sawah padi diusahakan empat kali setahun dan meningkatkan hasil padi negara. Jentera moden digunakan untuk membajak dan menuai. Jentera ini dikendalikan menerusi alat kawalan jauh. Proses menyembur racun dan baja pula dilakukan dengan penggunaan dron.

8.5 Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Pelaksanaan DEB dan DPN membawa perubahan kepada kemajuan ekonomi serta taraf hidup penduduk. Pencapaian kedua-dua dasar ini dapat dilihat dari aspek sosial dan ekonomi.

Aspek Sosial

Pencapaian dari aspek sosial dapat dilihat dari segi penurunan kadar kemiskinan, peningkatan kualiti hidup, kemunculan golongan pertengahan, masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Selain itu, pencapaiannya juga meliputi pembangunan pendidikan, perkembangan sistem pengangkutan dan perhubungan serta perkembangan bandar baharu.

Penurunan Kadar Kemiskinan

Kadar kemiskinan di Malaysia berjaya dikurangkan. Usaha kerajaan mempelbagaikan kegiatan ekonomi membuka peluang pekerjaan dan menambah pendapatan isi rumah yang melibatkan semua kaum. Kerajaan juga menambah baik peluang untuk rakyat mendapatkan kemudahan awam yang dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Keperluan tenaga kerja dalam bidang pertanian dan perindustrian dapat mengurangkan masalah pengangguran dan kadar kemiskinan rakyat.

- Pelaksanaan DEB menyebabkan kadar kemiskinan penduduk dapat dikurangkan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 17.1 peratus pada tahun 1990.
- Pelaksanaan DPN pula mengurangkan kadar kemiskinan kepada 7.2 peratus pada tahun 2000.

Peningkatan Kualiti Hidup

Pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pendapatan menyebabkan kualiti hidup rakyat meningkat. Hal ini dapat dilihat dari aspek peningkatan tahap kesihatan rakyat yang semakin baik. Begitu juga dari aspek pendidikan, pemilikan barang keperluan asas dan penyediaan infrastruktur seperti hospital dan klinik untuk keperluan rakyat. Kualiti hidup menunjukkan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara semakin baik selepas tahun 1990.



Penyediaan infrastruktur kesihatan di negara kita untuk keperluan rakyat.

Kemunculan Golongan Pertengahan

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan DPN berjaya meningkatkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam pekerjaan di bandar dengan kewujudan masyarakat baharu yang terdiri daripada golongan profesional, pemodal, teknikal, pentadbiran dan pengurusan.

- Perkembangan ekonomi menyebabkan keperluan terhadap bidang kerja ini semakin meningkat.
- Mereka dianggap sebagai golongan pertengahan dalam masyarakat.
- Kemunculan golongan ini menunjukkan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pihak swasta memberikan kesan terhadap peningkatan taraf hidup rakyat.
- Masyarakat baharu ini juga memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan dan kemakmuran negara.



Arkitek muda sedang melakar pelan bangunan.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Pelajar sedang mendengar penerangan daripada pensyarah.

Sumber: Ihsan daripada Azharudin Mohamed Dali.



Perkhidmatan pemeriksaan gigi oleh doktor yang bertauliah.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Jurutera memantau pembinaan bangunan.



Nyatakan empat jenis pekerjaan profesional yang terdapat di negara kita.



Bagaimanakah golongan profesional dapat membantu usaha membasmi kemiskinan rakyat?

Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera diwujudkan melalui DEB dan DPN yang bergiat dalam pelbagai bidang ekonomi.

- Golongan ini membentuk kelas bumiputera komersial yang melibatkan diri dalam sektor korporat.
- Muncul tokoh bumiputera dalam bidang perbankan, pemodal saham, pemilik syarikat, pemilik pelabuhan dan usahawan muda.
- Kemunculan golongan ini turut memberikan faedah kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin dengan tawaran pekerjaan dalam syarikat dan industri yang dimiliki oleh golongan ini.



Tan Sri Mohd Effendi Norwawi
Ahli Perniagaan.



Tan Sri Azman Hashim
Tokoh Perbankan.



Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari
Tokoh Korporat.



Tan Sri Mustapha Kamal
Tokoh Hartanah.

Pembangunan Pendidikan

Pembangunan pendidikan berlaku seiring dengan pembangunan ekonomi. Pembangunan ekonomi memerlukan tenaga kerja mahir yang berpendidikan.

- Selepas tahun 1990, berlaku pertumbuhan institusi pendidikan di bawah kelolaan pihak kerajaan dan swasta.
- Pada masa yang sama, muncul graduan dalam bidang sains, teknologi dan teknikal.
- Kebolehan dalam bidang ini amat diperlukan kerana permintaan yang tinggi dalam bidang perindustrian dan k-ekonomi.
- Pendidikan tinggi juga memperbaiki taraf hidup rakyat Malaysia.



Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merupakan antara pusat pengajian tinggi awam yang menawarkan kursus dalam bidang sains, teknologi dan teknikal.

Pengangkutan dan Perhubungan

Pembangunan ekonomi memberikan kesan terhadap pemodenan pengangkutan awam. Pelaburan dibuat oleh pihak kerajaan dan swasta dalam bidang pengangkutan untuk memenuhi keperluan perindustrian serta perdagangan.

- Jaringan sistem jalan raya, pengangkutan udara, kereta api dan pelabuhan yang moden merancakkan aktiviti ekonomi negara termasuklah ke kawasan pedalaman.
- Sistem pengangkutan juga memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah.



Lebuhraya Pantai Timur 2.

Sumber: <http://www.lpt2.com.my/>. Dicapai pada 29 Oktober 2020.



Majlis perasmian pembukaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK) oleh Dato Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia keenam pada tahun 2017.

Sumber: <http://www.mymrt.com.my/>. Dicapai pada 29 Oktober 2020.



Perkhidmatan udara dan kereta api turut memacu pembangunan ekonomi dan menyejahterakan kehidupan rakyat.



Perkembangan Wilayah

Perkembangan ekonomi melalui DEB dan DPN menyebabkan kemunculan beberapa bandar baharu. Antaranya termasuklah Felda Segitiga Jengka yang berkembang daripada sebuah tanah rancangan FELDA menjadi sebuah bandar. Bandar ini kemudiannya dikenali sebagai Bandar Tun Abdul Razak pada 7 Julai 2011.

- Jengka ditubuhkan melalui projek Segitiga Jengka oleh FELDA. Nama Segitiga Jengka digunakan dengan mengambil kira lokasi Jengka yang terletak di antara tiga daerah, iaitu Temerloh, Maran dan Jerantut.
- Pelbagai kemudahan perkhidmatan disediakan seperti pejabat pos, hospital, bank, institusi pendidikan, stadium mini, pusat perniagaan dan pejabat pentadbiran kerajaan.
- Terdapat kilang yang beroperasi di kawasan perindustrian di bandar ini seperti Kilang Alps, Kilang Bimbingan Bank Pembangunan serta bengkel kereta dan motor.




UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka.

Sumber: <http://www.pahang.uitm.edu.my>.
Dicapai pada 28 Ogos 2020.

AKTIVITI

1. Dengan menggunakan pelbagai sumber, kumpulkan maklumat berkaitan dengan bandar baharu dari aspek:
 - Nama bandar baharu yang muncul selepas DEB dan DPN diperkenalkan.
 - Kemudahan yang terdapat di bandar yang disenaraikan.
 - Kesan pembukaan bandar ini kepada kehidupan sosial dan pembangunan ekonomi masyarakat setempat.
2. Bentangkan dapatan anda di dalam kelas.



Kemudahan stadium mini yang terdapat di Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang.

Aspek Ekonomi

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan DPN juga membawa perubahan dari aspek ekonomi. Kedua-dua dasar ini menyebabkan berlaku perkembangan dalam perindustrian dan perdagangan yang meningkatkan kestabilan ekonomi negara. Perkembangan ini berasaskan perindustrian berteknologi tinggi, perkembangan kawasan perindustrian baharu dan industri kereta nasional.

Perindustrian Berteknologi Tinggi

Mulai tahun 1980-an, program perindustrian negara mengalami satu lagi perkembangan, iaitu industri berat yang bertujuan memperkukuh asas perindustrian negara dan menambahkan kemahiran rakyat dalam bidang teknologi yang lebih tinggi.

- Perindustrian ini melibatkan penggunaan jentera moden yang memerlukan kemahiran tinggi dan modal yang besar.
- Industri teknologi tinggi dikendalikan oleh The Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM) yang ditubuhkan pada tahun 1980.
- Antara projek yang dilaksanakan termasuklah membaiki kapal (Limbungan Pasir Gudang, Johor), besi dan keluli (Perai, Pulau Pinang dan Teluk Kalung, Terengganu), loji gas cecair (Bintulu, Sarawak), stesen janakuasa (Raub, Pahang), kilang penapis petroleum (Kerteh, Lutong dan Port Dickson) dan satelit komunikasi.



Stesen cari gali petroleum yang dikendalikan oleh Petronas Carigali.

Sumber: <https://www.petronas.com/our-business/upstream>.
Dicapai pada 28 Ogos 2020.



Zon Perindustrian Pasir Gudang, Johor.

Pelaksanaan DEB dan DPN mewujudkan pelbagai bentuk kawasan perindustrian. Antaranya termasuklah estet perindustrian, zon perindustrian bebas dan taman teknologi industri. Rasional pembentukan kawasan perindustrian ialah berdekatan dengan sumber bahan mentah, infrastruktur dan bekalan buruh yang mencukupi. Di samping itu, kawasan ini membantu pembangunan ekonomi di kawasan sekitarnya yang kurang maju serta menambah pelaburan modal dari dalam dan luar negara.

Estet Perindustrian

- Estet perindustrian dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah dan pihak swasta.
- Kawasan ini dibangunkan sebagai bandar terancang yang mengandungi kawasan perumahan, pusat perniagaan dan perindustrian serta pusat rekreasi.

Taman Teknologi Perindustrian

- Taman teknologi perindustrian merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan industri. Pusat ini di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.
- Kementerian ini dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi membangunkan teknologi perindustrian.

Zon Perindustrian Bebas

- Zon Perindustrian Bebas merupakan kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif.
- Tujuannya menarik pengusaha melabur dan merangsang ekonomi kawasan sekitarnya.
- Kawasan ini sering digunakan oleh syarikat multinasional seperti Sime Darby Berhad, Axiata Group Berhad dan Proton Holdings Berhad untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan.



Taman Teknologi Perindustrian Kulim (Kulim Hi-Tech Park), Kedah.

Sumber: <https://berita.rtm.gov.my>. Dicapai pada 10 Oktober 2020.



Zon Perindustrian Bebas Pelabuhan Klang.

Kenderaan Buatan Malaysia

Penubuhan HICOM dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia pada tahun 1983 telah menggalakkan pertumbuhan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia.

- Industri kereta tempatan dipelopori oleh Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) dan Perusahaan Otomobil Kedua (PERODUA). PROTON ditubuhkan pada 7 Mei 1983 manakala PERODUA pula ditubuhkan pada tahun 1993.
- Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (MODENAS) merupakan syarikat pengeluar motosikal nasional yang menghasilkan pelbagai model motosikal kecil 200 cc untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.
- Perusahaan kereta dan motosikal nasional membuka peluang pekerjaan untuk tenaga kerja yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum di negara ini. Langkah ini dapat meningkatkan pendapatan rakyat dan taraf hidup masyarakat.



Kenderaan buatan Malaysia.

Kereta yang dikeluarkan oleh PROTON dan PERODUA.

Sumber: Pos Malaysia Berhad.



Proton Saga merupakan kereta nasional pertama yang dilancarkan pada 1 September 1985.



Pemasangan peralatan kereta di kilang Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON).

Sumber: <https://www.protontr.com>. Dicapai pada 13 November 2020.

Secara umumnya, kegiatan ekonomi meningkatkan interaksi antara pelbagai kaum di Malaysia dan menyumbang kepada perpaduan kaum dalam masyarakat. Sepanjang tahun 1970 hingga tahun 2000, ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi yang membanggakan. Pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Pelaksanaan DEB dan DPN bertujuan membantu rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik. Kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan rakyat serta pembangunan ekonomi negara. Sebagai rakyat, kita perlu bersyukur dengan kemakmuran yang dikecapi pada hari ini. Selain itu, kita juga perlu menyokong dasar kerajaan demi pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.



1

PEMBENTUKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB)

- Latar Belakang Pembentukan
- Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)

2

PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB)

- Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat
- Rancangan Buku Hijau
- Peranan Agensi Kerajaan
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pembangunan Tanah
- Pembangunan Wilayah
- Pemilikan Modal Saham
- Pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- Pendidikan Tenaga Kerja Mahir

3

PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- Latar Belakang Pembentukan
- Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
- Objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
- Strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

**MEMBINA
KEMAKMURAN
NEGARA**

4

PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- Pembasmian Kemiskinan
- Penyusunan Semula Masyarakat
- Penyusunan Semula Modal Saham
- Pembangunan Wilayah

5

PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- Aspek Sosial
- Aspek Ekonomi



Pembelajaran Abad Ke-21

Aktiviti: Bulatan dan Pandangan (Circle and Opinion)

Arahan:

1. Setiap murid akan diberi kertas nota untuk membuat catatan dan melontarkan pandangan.
2. Pusingan 1 Setiap murid bergerak dari satu stesen ke stesen lain dan menulis maklumat pada kertas nota.
3. Pusingan 2 Setiap murid bergerak dari satu stesen ke stesen lain dan membaca nota murid lain serta membincangkan pandangan masing-masing.
4. Sesi ulasan daripada guru dan rumusan oleh murid.



Sistem perhubungan kereta api yang menyediakan perkhidmatan untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi.

Sumber: Pos Malaysia Berhad.

Secara berkumpulan, berdasarkan gambar di atas, lakukan aktiviti yang berikut:

- (a) Apakah yang anda lihat?
- (b) Dengan menggunakan pelbagai sumber, bincangkan sejarah perkembangan perkhidmatan kereta api di negara kita bermula abad ke-19 hingga abad ke-21.
- (c) Bagaimanakah sistem pengangkutan termasuk kereta api membantu dalam kemakmuran ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat?
- (d) Ramalkan bentuk dan jenis pengangkutan pada masa hadapan.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

DEB dilaksanakan dari tahun 1970 hingga tahun 1990 sebagai satu rancangan pembangunan ekonomi. Matlamat DEB adalah untuk memupuk perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata.

Apakah strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat DEB?

- A. Memajukan pertanian masyarakat luar bandar
 - B. Membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan rakyat
 - C. Mengurangkan jurang sosioekonomi yang wujud antara kaum
 - D. Memperkenalkan pertanian moden dan perindustrian moden di Malaysia
2. Gambar di bawah berkaitan dengan Rancangan Buku Hijau.



Mengapakah kerajaan memperkenalkan Rancangan Buku Hijau?

- A. Membantu meningkatkan pendapatan kerajaan
 - B. Menyokong pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru
 - C. Memajukan penduduk yang tinggal di luar bandar
 - D. Mempelbagaikan hasil tanaman melalui pertanian berkelompok
3. Jadual di bawah merujuk kawasan perindustrian baharu yang diwujudkan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Jenis Perindustrian	Kawasan
Estet Perindustrian	Shah Alam
Taman Teknologi Perindustrian	Kulim, Kedah
Zon Perindustrian Bebas	Pelabuhan Klang

Apakah ciri Taman Teknologi Perindustrian?

- I. Mengendalikan perdagangan bebas antarabangsa
 - II. Menjalankan inovasi bagi membangunkan teknologi
 - III. Merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan industri
 - IV. Mengandungi kawasan perumahan, pusat perniagaan dan rekreasi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Bersyukur sebagai warga Malaysia kerana kekayaan dan kemakmuran dapat dikongsi bersama.
- Berganding bahu membangunkan negara untuk kesejahteraan dan kemajuan negara pada masa hadapan.
- Gigih berusaha untuk memajukan negara dengan menjaga kelestarian alam sekitar.

Diri dan Keluarga

Sentiasa tabah menghadapi cabaran untuk meningkatkan tahap sosioekonomi diri dan keluarga serta seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Negara

Kesedaran rakyat dalam memelihara alam sekitar seiring dengan pembangunan ekonomi menjamin persekitaran yang seimbang untuk kesihatan rakyat.




Kegiatan gotong-royong dalam kalangan masyarakat. Kelestarian alam sekitar meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memacu ekonomi negara ke arah kesejahteraan dan kemakmuran.

Sumber: Portal rasmi Kementerian Alam Sekitar dan Air.

BAB 9 DASAR LUAR MALAYSIA

SINOPSIS

Dasar luar negara merupakan tindakan pihak kerajaan dalam menjalinkan hubungan dengan negara lain. Malaysia mampu menyatakan pendirian berhubung dengan isu antarabangsa dan serantau yang mempunyai kaitan dengan kedaulatan negara melalui dasar luar negara. Perkara yang dibincangkan meliputi latar belakang dasar luar Malaysia serta asas penggubalan dasar luar dan cabaran untuk mengukuhkan dasar luar Malaysia. Selain itu, perbincangan akan menyentuh pelibatan Malaysia dengan pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti United Nations atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Komanwel, Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) atau Persatuan Negara-negara Asia Tenggara, Non-Aligned Movement (NAM) atau Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak dan Organisation of Islamic Cooperation (OIC) atau Pertubuhan Kerjasama Islam.





Inti Pati Pembelajaran

1. Latar belakang dasar luar.
2. Asas pengubalan dasar luar.
3. Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
4. Malaysia dalam Komanwel.
5. Cabaran mengukuhkan dasar luar.
6. Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).
7. Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM).
8. Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).



Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik

1. Kepentingan memahami dasar luar negara.
2. Kepentingan kebijaksanaan mengurus dasar luar negara.
3. Kepentingan mewujudkan hubungan harmoni dengan negara luar.
4. Kepentingan menghormati dasar luar sesebuah negara.
5. Kepentingan kebijaksanaan mengurus hubungan luar.
6. Kepentingan mengambil sikap prihatin dan peka terhadap isu antarabangsa.
7. Kepentingan mengambil sikap berhati-hati dalam menghadapi cabaran.
8. Kepentingan bekerjasama dengan negara lain demi kemakmuran bersama.



Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami kronologi pengubalan dasar luar Malaysia.
2. Meneroka bukti sumbangan tokoh dalam pertubuhan antarabangsa.
3. Membuat interpretasi tentang cabaran mengukuhkan dasar luar Malaysia.
4. Membuat imaginasi keberkesanan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa.
5. Membuat rasionalisasi tentang dasar luar Malaysia dalam menjaga kedaulatan negara.

Persidangan PBB di New York, Amerika Syarikat.

9.1 Latar Belakang Dasar Luar

Sejarah hubungan luar di negara ini bermula sejak zaman kerajaan-kerajaan Melayu dan semakin jelas melalui hubungan yang dijalinan oleh Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan lain sama ada di Alam Melayu atau di luar Alam Melayu. Keadaan ini berterusan sehingga kedatangan kuasa barat. Perubahan berlaku semasa negara ini mencapai kemerdekaan apabila dasar luar yang dirancang dan dilaksanakan adalah untuk memenuhi keperluan dan kepentingan negara.

Hubungan Luar Sebelum Melaka

Sebelum Kesultanan Melayu Melaka, kerajaan-kerajaan awal seperti P an-p an, Langkasuka dan Chih-t u telah mengadakan hubungan dengan China. Pada tahun 424 Masihi, kerajaan P an-p an menghantar utusan ke China. Kerajaan Langkasuka pula menghantar utusan ke China pada 523 Masihi dan Chih-t u pada tahun 608 Masihi. Penghantaran utusan ini menjadi bukti jelas wujudnya hubungan antara kerajaan-kerajaan tersebut dengan negara China.

Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai hubungan yang erat dengan pelbagai kerajaan di rantau atau di luar Alam Melayu pada abad ke-15 dan ke-16.

Hubungan ini terjalin dalam dua bentuk, iaitu hubungan diplomatik dan perdagangan. Hubungan diplomatik dilaksanakan melalui penghantaran utusan. Hubungan perdagangan pula dijalankan dengan beberapa buah kerajaan dan wilayah yang mendatangkan keuntungan kepada Melaka.



Ilustrasi kegiatan perdagangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Sumber: Khamis Hj. Abas (ed.), 2004. *Melaka dalam Dunia Maritim*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.

Jadual 1 Bentuk Hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan Pihak Asing.

Hubungan Diplomatik	Hubungan Perdagangan
China	China
Ryukyu	Hadhramaut (Yaman)
Siam	Pegu
Makassar	Luzon
Pasai	Gujerat
Turki	Koromandel
	Bengal
	Mesir
	Parsi
	Turki



Zaman British

Pada zaman British, hal ehwal luar negeri Melayu, NNS, Sarawak dan Sabah dikawal oleh Pejabat Tanah Jajahan di London.

Selepas Kemerdekaan

Dasar luar negara memasuki era baharu setelah negara kita mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan membolehkan kita menggubal sendiri dasar luar untuk kepentingan negara. Terdapat dua perkembangan penting dalam dasar luar. Pertama, semasa tempoh pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, dasar luar berbentuk probarat dan antikomunis. Perkembangan kedua bermula ketika pentadbiran Tun Abdul Razak Hussein apabila Malaysia lebih bersikap tidak memihak dan menjalinkan hubungan dengan negara lain tanpa mengira ideologi.

Dasar luar negara yang dapat dilihat bermula pada zaman kerajaan-kerajaan Melayu disesuaikan dengan keperluan dan perubahan pada masa itu. Semasa British menguasai negara kita, dasar luar negara dikuasai oleh pihak British. Kedaulatan yang diperolehi melalui kemerdekaan membolehkan kita menggubal dasar luar negara kita. Sebagai warganegara Malaysia, kita perlu bekerjasama dengan pemimpin bagi memastikan Malaysia dihormati oleh negara lain.



Apakah kepentingan hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka?

9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar

Penggubalan dasar luar Malaysia dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat domestik dan antarabangsa. Penjelasan tentang penggubalan dasar luar ini dapat dilihat melalui matlamat dasar luar dan faktor penggubalannya.

Matlamat Penggubalan Dasar Luar

- Dasar luar amat penting kepada Malaysia kerana dasar ini mempengaruhi tindakan negara dalam menghadapi suasana perkembangan politik wilayah, serantau dan antarabangsa.
- Kejayaan dasar luar Malaysia dapat diukur dengan wujudnya hubungan berbaik-baik serta kerjasama yang erat dalam bidang ekonomi, politik, pertahanan serta kebudayaan pada peringkat antarabangsa.
- Sejak tahun 1956, persediaan asas untuk menubuhkan Kementerian Luar Negeri telah bermula dan dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Luar.
- Pada tahun 1966, nama kementerian ini diubah menjadi Kementerian Luar Negeri. Kementerian ini berpindah dari Bangunan Sultan Abdul Samad ke kompleks baharunya dan dikenali sebagai Wisma Putra yang terletak di Bukit Petaling, Kuala Lumpur.
- Pada 17 September 2001, Kementerian Luar Negeri memulakan operasinya di No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, Putrajaya.
- Wisma Putra berperanan menggubal dasar luar serta menjaga kepentingan nasional Malaysia pada peringkat antarabangsa.



Membuat Rasionalisasi

Rasionalkan hubungan luar dalam mempertahankan kedaulatan negara.



Mengapakah hubungan baik dengan negara luar perlu diperkukuh?



Perkataan Putra pada Wisma Putra diambil bersempena dengan nama Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang juga merupakan Menteri Luar Negeri pertama.

MATLAMAT PENGGUBALAN DASAR LUAR

Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Melindungi kepentingan nasional.

Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia.

Memupuk hubungan baik dengan negara luar.

Menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial.

Faktor Penggubalan Dasar Luar

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia, iaitu ikatan sejarah, keperluan nasional, kepimpinan dan persekitaran luar.

Ikatan Sejarah

- Nilai sejarah yang dilalui merupakan dasar luar yang digubal berdasarkan adanya ikatan sejarah antara negara ini dengan negara lain.
- Ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau dan antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand, Burma (Myanmar), China dan India menyebabkan Malaysia menjalinkan hubungan rapat dengan negara-negara ini.
- Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki pula dipengaruhi oleh ikatan keagamaan yang terjalin sejak sekian lama.
- Selepas mencapai kemerdekaan, negara kita telah menyertai pertubuhan Komanwel.

Keperluan Nasional

- Keperluan nasional bermaksud memberikan keutamaan kepada kepentingan negara.
- Dalam menggubal dasar luar, kepentingan negara diberi perhatian utama untuk menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara.
- Kedudukan yang strategik menjadi perkiraan utama dalam membentuk dasar luar dengan negara serantau.
- Hubungan baik dengan negara luar membolehkan Malaysia menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sekiranya diperlukan.
- Kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali serta menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

Kepimpinan

- Kebijaksanaan dan kebolehan seseorang pemimpin negara turut menjadi asas penting dalam penggubalan dasar luar Malaysia.
- Pemimpin perlu peka akan perkembangan pada peringkat antarabangsa serta perubahan yang berlaku bagi menentukan hala tuju dasar luar negara.
- Dasar menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun pada tahun 1990-an merupakan satu perubahan sikap pemimpin yang sebelum ini lebih cenderung kepada negara maju.
- Malaysia telah menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun di Afrika dan negara kepulauan di Pasifik Selatan.

Persekitaran Luar

- Perkembangan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa yang sentiasa berubah menyebabkan penggubalan dasar luar Malaysia disesuaikan dengan perubahan yang berlaku.
- Penggubalan dasar luar negara ditentukan oleh perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa seperti ketika era Perang Dingin. Pada masa itu, dasar luar negara dilihat lebih probarat.
- Malaysia mengubah dasar daripada probarat kepada tidak berpihak berdasarkan perkembangan yang berlaku pada tahun 1970-an.

Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia menggubal dasar luar yang dinamik dan dilaksanakan untuk memenuhi matlamat menjaga kedaulatan negara serta bebas daripada campur tangan kuasa asing. Dasar yang sebelumnya agak selektif berubah kepada berbaik-baik dengan semua negara membolehkan pandangan Malaysia dihormati oleh negara lain.



Perang Dingin.

Perang Dingin ialah konflik politik yang melibatkan dua kuasa, iaitu negara Blok Barat yang diterajui oleh Amerika Syarikat dengan negara Blok Timur yang diterajui oleh Kesatuan Soviet.

9.3 Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan pada tahun 1945 dengan matlamat mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia. Malaysia menjadi anggota PBB sejak negara mencapai kemerdekaan. Dr. Ismail Abdul Rahman dilantik sebagai wakil tetap ke PBB yang pertama. Pelibatan Malaysia ini dilakukan dengan mendukung Piagam PBB serta menyertai agensi PBB. Pelibatan Malaysia dalam PBB menjadi bukti jelas komitmen Malaysia untuk bekerjasama dan mewujudkan keamanan pada peringkat dunia.

Pelibatan Malaysia

Malaysia memberikan komitmen dan kerjasama yang penuh kepada PBB. Hal ini sejajar dengan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa, iaitu hidup bersama secara aman. Komitmen dan kerjasama ini dapat dilihat melalui empat perkara, iaitu mendukung Piagam PBB, terlibat dengan agensi di bawah PBB, memberikan sumbangan untuk misi pengaman dan membenarkan rakyat Malaysia terlibat dalam agensi PBB.

Mendukung Piagam PBB

- Mendukung penuh Piagam PBB yang selaras dengan pendirian negara kita, iaitu menegakkan hak asasi manusia dan menggariskan prinsip yang antaranya berkaitan dengan pencapaian taraf hidup dan hak asasi manusia untuk semua tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa atau agama.
- Konsep hormat-menghormati kedaulatan wilayah negara lain.
- Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain.

AKTIVITI

Perbincangan Bebas



Penyertaan kita di dalam PBB sangat menakjubkan. Kami semua memakai pakaian kebangsaan. Sebagai tambahan, saya memakai keris yang diselit di pinggang. Ini merupakan kali pertama,

senjata dibawa masuk ke dalam Perhimpunan Agung PBB.

Sumber: Ooi Kee Beng, 2006. *The Reluctant Politician: Tun Dr Ismail and His Time*. Singapura: ISEAS.

Arahan:

Murid secara berkumpulan dikehendaki mencari maklumat yang berikut:

- (a) Latar belakang Dr. Ismail Abdul Rahman.
- (b) Berikan interpretasi anda terhadap petikan di atas.

Murid lain akan memberikan pandangan.



Dr. Ismail Abdul Rahman (duduk di barisan hadapan, paling kanan) pada Majlis Keselamatan PBB.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Terlibat dalam Agensi PBB

- Terlibat dengan United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organization UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan) PBB. Pelibatan aktif Malaysia membolehkan beberapa tapak di Malaysia, iaitu Gunung Mulu dan Taman Kinabalu (2000), Bandar Melaka dan Georgetown (2008) serta Lembah Lenggong (2012) diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.
- Bekerjasama dengan Food and Agriculture Organization FAO (Pertubuhan Makanan Sedunia) dalam bidang pengeluaran makanan serta World Health Organization WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) dalam bidang kesihatan dan perubatan.
- Memberikan kebenaran kepada PBB untuk membuka pejabat United Nations High Commissioner for Refugees UNHCR (Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian) di Kuala Lumpur. UNHCR ialah badan yang bertanggungjawab menjaga dan melindungi golongan pelarian serta golongan yang tidak bernegara.
- Menyertai Majlis Keselamatan, badan penting di PBB. Majlis ini bertanggungjawab mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Malaysia dipilih sebanyak empat kali sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB, iaitu pada tahun 1965, 1989–1990, 1999–2000 dan 2015–2016.



1. Tapak Warisan Dunia di Malaysia.
2. Kerusi Majlis Keselamatan PBB.



Pendirian Malaysia terhadap pelarian

Malaysia tidak pernah menandatangani Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967 sehingga menyebabkan Malaysia tidak mempunyai rangka kerja perundangan atau pentadbiran yang mengawal status dan hak pelarian di negara ini. Sikap Malaysia lebih kepada dasar kemanusiaan termasuk membenarkan pelarian tinggal sementara di negara ini sebelum ditempatkan ke negara dunia ketiga oleh UNHCR.



Sumbangan dalam Misi Pengaman

Malaysia turut memberikan sumbangan besar dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik. Disiplin dan kemampuan pasukan tentera Malaysia dalam menggalas tugas misi pengaman ini sememangnya diakui oleh PBB. Antara misi pengaman yang disertai oleh Malaysia termasuklah di Congo, Namibia, Somalia, Bosnia dan Herzegovina, Kemboja (Cambodia), Timor Leste, Ethiopia dan Lubnan. Tugas pasukan pengaman ini antaranya termasuklah memastikan keselamatan penduduk, mengawasi gencatan senjata dalam perang saudara dan mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat.

Bosnia dan Herzegovina

United Nations Protection Force (UNPROFOR) dari tahun 1992 hingga tahun 1995.

Lubnan


United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) dari tahun 2007 hingga kini.

Ethiopia

United Nations Mission in Ethiopia and Eritrea (UNMEE) dari tahun 2000 hingga tahun 2008.

Congo

United Nations Operation in the Congo (UNOC) dari tahun 1960 hingga tahun 1964.



Namibia

United Nations Transition Assistance Group (UNTAG) dari tahun 1989 hingga tahun 1990.



Perang Saudara

Perang antara dua kumpulan di dalam sesebuah negara. Perang ini kebanyakannya disebabkan oleh pergolakan politik. Matlamat pihak yang terlibat ini adalah untuk mengambil alih kuasa negara atau wilayah bagi mencapai matlamat tertentu termasuk menukar kerajaan.

Misi Pengaman yang disertai oleh Malaysia.



Kemboja

United Nations Transitional Authority in Cambodia (UNTAC) dari tahun 1992 hingga tahun 1993.

Timor Leste

International Force in East Timor (INTERFET) dari tahun 1999 hingga tahun 2002.

Petunjuk
 Misi Pengaman yang disertai oleh Malaysia.

Somalia

United Nations Operation in Somalia II (UNOSOM II) dari tahun 1992 hingga tahun 1995.

- Sumber:
1. Disesuaikan daripada *Memoir Tentera Darat Malaysia di Somalia*, 2002.
 2. MINDEF, 2020. Defence White Paper: A Secure, Sovereign and Prosperous Malaysia. Kementerian Pertahanan Malaysia.

Misi Pegawai Pemerhati

Malaysia turut terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB di negara yang menghadapi konflik seperti di Sierra Leone, Chad-Libya, Bosnia dan Herzegovina, Iraq, Kemboja, Liberia, Congo, Namibia, Angola, Mozambique, Ethiopia dan Timor Leste. Tugas Pegawai Pemerhati antaranya termasuklah membantu pentadbiran dan pengurusan, memberikan latihan teknikal dan menjadi jurubahasa.

Chad-Libya

United Nations Aouzou Strip Observer Group (UNASOG) pada tahun 1994.

Sahara Barat

United Nations Mission for the Referendum in Western Sahara (MINURSO) dari bulan Julai 1991 hingga kini.

Sierra Leone

United Nations Mission in Sierra Leone (UNAMSIL) dari tahun 1999 hingga tahun 2005.

Liberia

United Nations Observer Mission in Liberia (UNOMIL) dari bulan Ogos 1993 hingga 1997.

Congo

United Nations Organization Stabilization Mission in the DR Congo (MONUSCO) dari tahun 1999 hingga kini.

Petunjuk

 Misi Pegawai Pemerhati yang disertai oleh Malaysia.

Angola

United Nations Angola Verification Mission (UNAVEM II) dari tahun 1991 hingga tahun 1995.

Namibia

United Nations Transition Assistance Group (UNTAG) dari bulan Februari 1989 hingga bulan April 1990.

Sumber:

1. Disesuaikan daripada *Memoir Tentera Darat Malaysia di Somalia*, 2002.
2. MINDEF, 2020. Defence White Paper: A Secure, Sovereign and Prosperous Malaysia. Kementerian Pertahanan Malaysia.

Misi Pegawai Pemerhati yang disertai oleh Malaysia.

Bosnia dan Herzegovina


United Nations Mission in Bosnia and Herzegovina (UNMIBH) dari tahun 1995 hingga tahun 1996.

Iraq

United Nations Iraq Kuwait Observation Mission (UNIKOM) dari tahun 1991 hingga tahun 2003.

Kemboja

United Nations Advance Mission in Cambodia (UNAMIC) dari tahun 1991 hingga tahun 1992.



Mozambique

United Nations Operation in Mozambique (ONUMOZ) dari tahun 1992 hingga tahun 1994.

Ethiopia

United Nations Mission in Ethiopia and Eritrea (UNMEE) dari tahun 2000 hingga tahun 2008.

Timor Leste

United Nations Transitional Administration in East Timor (UNTAET) dari tahun 1999 hingga tahun 2002.

Tokoh Malaysia dalam Agensi PBB

Selaku anggota PBB yang prihatin, pelibatan Malaysia bukan sekadar menyuarakan pandangan dalam forum dan persidangan PBB atau terlibat dengan misi pengaman, malah negara turut berbangga dengan kejayaan yang dibawa oleh anak Malaysia dalam badan dunia tersebut.



Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

- Doktor perubatan dan aktivis kemanusiaan.
- 2008 merupakan seorang daripada 16 orang ahli yang dilantik oleh Setiausaha Agung PBB sebagai Penasihat Kumpulan Tabung Tindakan Kecemasan Pusat.
- 2009 hingga 2011 – terlibat dengan United Nations Population Fund (UNFPA), sebuah agensi PBB di New York.
- 2014 menjawat jawatan Ketua Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia di PBB yang menyelaraskan aktiviti kemanusiaan di seluruh dunia.



Datuk Maimunah Mohd Sharif

- Penjawat awam.
- 2017 hingga 2020 mengetuai UN Habitat dan merupakan wanita pertama di Asia yang menjawat jawatan tersebut.
- UN Habitat dianggap sebagai agensi paling aktif di dunia yang memberikan tumpuan kepada kehidupan bandar yang mampan ketika populasi dunia berkembang dengan pesatnya.



Tan Sri Razali Ismail

- Tokoh diplomat.
- 1990 hingga 1992 – mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat United Nations Development Programme (UNDP).
- 1991 – dilantik sebagai Naib Presiden Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (Economic and Social Council ECOSOC) dan bertanggungjawab terhadap usaha pembangunan di negara anggota PBB.
- 2000 hingga 2005 wakil khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar.



Dr. Jomo Kwame Sundaram

- Ahli akademik.
- Disember 2004 dilantik sebagai Penyelaras Penyelidikan (Kehormat) Kumpulan Antara Kerajaan G24 bagi Hal Ehwal Kewangan dan Pembangunan Antarabangsa.
- 2005 dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung bagi Pembangunan Ekonomi di Jabatan PBB Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial.
- 2012 hingga 2015 dilantik sebagai Penolong Ketua Pengarah dan Penyelaras Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB.



Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar

- Pegawai tentera.
- 1994–Dilantik sebagai Pemerintah Tertinggi UNOSOM II di Somalia.
- Warga Malaysia pertama yang diberi kepercayaan untuk menjadi Pemerintah Tertinggi Tentera PBB.
- Pelantikan ini menandakan pengiktirafan PBB dan masyarakat antarabangsa terhadap komitmen Malaysia dalam usaha mengembalikan keamanan sejagat serta keprihatinan dalam soal kemanusiaan.

Malaysia merupakan antara negara yang memainkan peranan aktif dalam PBB. Selain terlibat dalam Persidangan PBB, negara kita juga memberikan kerjasama dan komitmen dalam usaha membantu PBB melaksanakan pelbagai agenda serta misi badan dunia tersebut. Malaysia turut memberikan sumbangan penting dalam PBB semasa menjalankan tugas misi pengaman. Terdapat juga warga Malaysia yang mengetuai agensi di bawah PBB. Sebagai warga Malaysia, kita wajar menyokong pelibatan negara dalam badan dunia ini. Kita seharusnya berbangga dengan pencapaian cemerlang Malaysia dalam PBB yang mengharumkan nama negara.

9.4 Malaysia dalam Komanwel

Komanwel merupakan sebuah badan yang dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang telah merdeka. Badan ini ditubuhkan untuk membina semangat setia kawan negara anggota serta mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang. Penyertaan dalam Komanwel memberikan manfaat besar kepada negara. Malaysia memperjuangkan hak asasi manusia, kerjasama ekonomi, pembangunan bidang sosial serta terlibat dalam pengurusan isu antarabangsa melalui Komanwel.

Penyertaan dan Sumbangan

Malaysia sentiasa memberikan komitmen penuh untuk menjayakan segala rancangan yang diatur dan dilaksanakan oleh Komanwel. Komitmen ini dapat dilihat melalui kerjasama ekonomi dan pembangunan antara negara Komanwel, penyertaan dalam Sukan Komanwel dan membangkitkan pelbagai isu seperti dasar Aparteid dalam Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM) (Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel). Malaysia juga bersetuju menjadi tuan rumah CHOGM pada tahun 1989.

Rancangan Colombo

Malaysia turut menyertai Rancangan Colombo, iaitu rancangan pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Komanwel yang dilaksanakan sejak tahun 1951.

- Rancangan ini bertujuan menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel.
- Mendapat khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan.
- Terlibat dalam program latihan untuk kakitangan awam dan pembangunan sektor swasta sejak tahun 1995.
- Memberikan bantuan dalam pelbagai bidang kepada negara anggota yang belum membangun melalui Rancangan Colombo ini.

Kerjasama Pertahanan

Malaysia turut terlibat dalam kerjasama pertahanan, iaitu melalui perjanjian yang ditandatangani pada 12 Oktober 1957 antara Britain dengan Tanah Melayu. Perjanjian ini memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara.

- Perjanjian ini membolehkan Britain serta negara Komanwel memberikan komitmen terhadap pertahanan negara.
- Kerajaan menyediakan kemudahan kepada tentera Britain dan pasukan Simpanan Strategik Komanwel sama ada untuk obligasi Komanwel mahupun keperluan antarabangsa.

Kerjasama Ekonomi

Negara Komanwel merupakan antara rakan dagang Malaysia yang utama.

- Komoditi utama negara dieksport ke negara anggota Komanwel dengan lebih mudah.
- Kadar cukai yang dikenakan lebih rendah. Contohnya, cukai eksport barangan siap dan cukai produk digital.
- Pelbagai kemudahan turut disediakan seperti kemudahan kredit dan bantuan dana Komanwel.
- Pelaburan daripada negara Komanwel juga penting kepada pembangunan ekonomi negara.

Penentangan Dasar Aparteid

Dasar Aparteid menjadi isu penting yang menarik perhatian Komanwel. Malaysia turut lantang menentang dasar ini.

Asas penentangan Malaysia disebabkan dasar ini menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit. Ketegasan Malaysia bersama-sama negara lain menyuarakan isu ini dalam Komanwel menyebabkan Afrika Selatan menarik diri daripada Komanwel.



Lawatan Nelson Rolihlahla Mandela ke Malaysia pada tahun 1997.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)

Malaysia turut terlibat dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) yang diadakan dua tahun sekali. Persidangan ini diadakan bagi membincangkan isu semasa antarabangsa yang berkaitan dengan negara anggota. Pada tahun 1989, Malaysia dipilih menjadi tuan rumah persidangan ini.

Sukan Komanwel

Sukan Komanwel merupakan sukan yang kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik. Sukan ini diadakan setiap empat tahun sekali. Penyertaan Malaysia dalam sukan ini mampu mengeratkan hubungan antara negara anggota. Pencapaian atlet kita dalam sukan ini telah mengharumkan nama negara. Malaysia pernah menjadi tuan rumah sukan ini pada tahun 1998.



Atlet negara bersama-sama pemimpin negara semasa Sukan Komanwel 1998.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Penyertaan Malaysia dalam Komanwel membawa manfaat yang besar dari sudut ekonomi, sosial dan politik kepada negara. Malaysia turut terlibat dalam program yang dilaksanakan oleh badan dunia ini yang menonjolkan kewibawaan negara kita pada peringkat dunia selain lantang menyuarakan pandangan dalam pelbagai isu. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlulah bekerjasama memastikan negara kita dihormati oleh negara lain.



Negara-negara Komanwel.



Dasar Aparteid merujuk pemisahan antara kaum kulit putih dengan kaum kulit hitam yang dilaksanakan di Afrika Selatan dari tahun 1948 hingga tahun 1999. Kaum kulit hitam dianggap sebagai golongan yang mempunyai kedudukan yang rendah dan diberi layanan kelas kedua dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, sosial atau politik. Semua bentuk diskriminasi perkauman adalah sah dari segi undang-undang bagi membolehkan kaum kulit putih mengekalkan dominasi mereka. Tindakan kaum kulit putih ini bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia.



Nyatakan faedah yang diperoleh Malaysia melalui pelibatan dalam Komanwel.

9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar

Dasar luar Malaysia memasuki fasa baharu sejak tahun 1970-an. Perubahan yang berlaku dalam ekonomi, sosial dan politik pada peringkat antarabangsa turut memberikan kesan kepada negara kita. Tempoh masa ini menjadi penting dalam sejarah dasar luar Malaysia kerana merupakan tempoh pengukuhan serta menguji kemampuan Malaysia menghadapi cabaran baharu. Cabaran ini meliputi aspek politik, pertahanan dan ekonomi.

Cabaran Politik Antarabangsa

Cabaran politik antarabangsa sememangnya sangat mempengaruhi dasar luar Malaysia.

- Malaysia mengamalkan dasar berkecuali apabila menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi.
- Keadaan ini membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara China melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein ke negara tersebut pada tahun 1974.



Tun Abdul Razak Hussein (kiri) dan pemimpin China, Zhou Enlai (kanan).

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Cabaran Politik Serantau

Peluasan pengaruh komunis di Indochina menyebabkan ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara.

- Berlakunya banjir人潮 pendarang asing Vietnam di Asia Tenggara. Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut.
- Pada tahun 1976, Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia, bagi membincangkan pergolakan di Indochina serta masa hadapan rantau Asia Tenggara.

Cabaran Keselamatan dan Pertahanan

Anglo Malaysian Defence Agreement (AMDA), iaitu perjanjian antara Malaysia dengan Britain ditamatkan pada tahun 1971.



Dr. Ismail Abdul Rahman (kanan) dan Dawee Chullasappa (kiri) Ketua Marshal Udara Thai menandatangani Perjanjian Sempadan 1965.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Menurut pandangan anda, bagaimanakah hubungan antara Malaysia dengan China pada masa hadapan?



Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor (di tengah) mewakili Malaysia dalam 18th FPDA Defence Chiefs Conference (FDCC).

Sumber: Portal rasmi Markas Angkatan Tentera Malaysia.

Berikutan itu, Malaysia menandatangani perjanjian pertahanan baharu, iaitu Five Power Defence Arrangements FPDA atau Perjanjian Pertahanan Lima Negara pada 15 April hingga 16 April 1971 yang melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia.

- Malaysia akan memperoleh bantuan teknikal dan latihan bersama bagi memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara melalui FPDA.

Malaysia turut bekerjasama dengan negara ASEAN dalam memperkuat pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara.

- Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN diadakan bagi membincangkan kerjasama ini.

Malaysia juga menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand pada tahun 1965 untuk menangani isu keselamatan.

Cabaran Pembangunan Ekonomi

Cabaran utama yang dihadapi oleh Malaysia dalam ekonomi ialah wujudnya dominasi negara maju bagi menentukan harga komoditi bijih timah, getah, hasil minyak dan gas negara.

- Malaysia menjadi anggota pertubuhan antarabangsa seperti International Tin Council (ITC) atau Majlis Timah Antarabangsa dan General Agreement on Tariffs and Trade (GATT) atau Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan.
- Desakan Malaysia agar harga barangan dapat dikawal disuarakan melalui organisasi ini bagi membolehkan Malaysia memperoleh hasil daripada minyak dan gas.
- Selain itu, Malaysia menubuhkan PETRONAS pada tahun 1974 untuk membangunkan sektor minyak dan gas negara.



Perjanjian Berkongsi Pengeluaran Carigali dan Kemajuan Perusahaan Minyak antara PETRONAS dengan ESSO pada 8 Disember 1976 di Kuala Lumpur. PETRONAS diwakili oleh Kadir Shamsuddin (duduk di tengah).

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Perkembangan pada peringkat antarabangsa dalam ekonomi, sosial dan politik menjadi cabaran utama Malaysia. Malaysia menghadapi cabaran tersebut melalui tindakan bijak yang akhirnya membawa manfaat yang besar kepada negara. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menyenangi kebijaksanaan pemimpin negara dalam usaha mengurus cabaran dasar luar agar kedaulatan negara terpelihara.


9.6 Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

Malaysia memberikan perhatian yang serius dalam hubungannya dengan negara serantau. Malaysia berpandangan bahawa keselamatan dan keutuhan masa hadapan negara berkaitan rapat dengan kemantapan dan keamanan kawasan Asia Tenggara. Keselamatan Malaysia tidak akan terjamin selagi jirannya hidup berpecah belah. Pelibatan Malaysia dalam negara serantau membolehkan negara kita menjadi anggota ASEAN yang memberikan manfaat dalam ekonomi, sosial dan politik.

Pelibatan Malaysia

Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA) ditubuhkan pada tahun 1961 merupakan gabungan pertama yang melibatkan tiga negara di Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Filipina dan Thailand. Pada tahun 1963, persefahaman yang membabitkan antara Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO) diwujudkan bagi menyelesaikan isu pembentukan Malaysia. Namun begitu, MAPHILINDO gagal mencapai matlamatnya.

Dalam usaha untuk meningkatkan semangat setia kawan dan keserantauan, maka diwujudkan ASEAN pada 8 Ogos 1967. Pada peringkat awal, pertubuhan ini hanya dianggotai oleh lima negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand. Kemudiannya, ASEAN menerima lima anggota baharu, iaitu Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam. Penubuhan ASEAN dianggap sebagai kejayaan cemerlang terhadap dasar luar Malaysia.



Deklarasi ASEAN 1967.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Deklarasi ASEAN 1967 dan negara anggota ASEAN.

Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

Deklarasi Zone of Peace Freedom and Neutrality ZOPFAN (Zon Aman, Bebas dan Berkecuali) diumumkan pada tahun 1971 di Kuala Lumpur. Deklarasi ini menjadi subjek penting yang dikemukakan oleh Malaysia dalam ASEAN.

- Langkah Malaysia menjalinkan hubungan dengan China turut dilihat sebagai sebahagian daripada pengisian konsep ZOPFAN tersebut.
- Malaysia menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau dan global. Langkah ini termasuklah mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia dan China.

Penyelesaian Konflik Serantau

Malaysia terlibat secara aktif mencari penyelesaian dalam konflik politik yang berlaku di Indochina, terutamanya di Vietnam dan Kemboja kerana dibimbangi akan menjejaskan kestabilan rantau Asia Tenggara.

- Konflik di Vietnam dan Kemboja berkaitan dengan ancaman komunis dan pelarian.
- Malaysia menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam.
- Isu di Kemboja pula berjaya diselesaikan melalui pilihan raya pada tahun 1993.
- Malaysia turut menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi UNTAC).

Kerjasama Ekonomi

Negara anggota ASEAN merupakan rakan dagang Malaysia yang penting. Kerjasama ekonomi ASEAN bermula sejak tahun 1970-an.

- Pada tahun 1978, Projek Industri ASEAN (AIP) dimulakan. Antara projek yang berjaya termasuklah pengeluaran baja urea di Indonesia (1984) dan Malaysia (1986).
- Pengeluaran baja fosfat dan kuprum di Filipina serta penghasilan serbuk soda di Thailand juga berjaya dilaksanakan.
- Potensi perdagangan antara negara ASEAN yang besar menyebabkan Malaysia mempromosikan dan menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN. Sokongan ini diharap mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas seperti penggunaan mata wang ASEAN.
- Dalam meningkatkan perdagangan antara negara ASEAN ini, beberapa insentif dilaksanakan termasuklah melalui Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) yang dicadangkan pada tahun 1976 dan dilaksanakan pada tahun 1978.
- Pemotongan cukai barangan dilakukan melalui skim ini. Malaysia menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN.

Kerjasama Sosial

Malaysia menjalinkan kerjasama sosial melalui penubuhan Southeast Asian Ministers of Education Organization SEAMEO (Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara).

- Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan dengan pendidikan, pertukaran pelajar dan penubuhan pusat serantau pendidikan seperti pembinaan The Regional Centre for Education in Science and Mathematics RECSAM (Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik) di Pulau Pinang.
- Kerjasama dalam bidang kebudayaan dilaksanakan seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian melalui penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN.
- Sukan SEA dilaksanakan untuk menjalinkan kerjasama dalam sukan.

RECSAM dan Sukan SEA.



Malaysia merupakan antara pelopor kepada penubuhan ASEAN dan aktif dalam pertubuhan ini sehingga kini. Sejak penubuhannya, ASEAN berjaya membuktikan kejayaannya dalam pelbagai bidang dan dihormati oleh pihak luar sebagai sebuah organisasi yang sangat penting di rantau Asia Tenggara. Pelibatan Malaysia yang aktif dalam pertubuhan ini menunjukkan semangat persahabatan serantau yang kukuh dan sangat penting kepada kemakmuran serta kemajuan negara.



Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia ketiga, berucap dalam Sidang Kemuncak ASEAN pada 23–25 Februari 1976, di Bali, Indonesia.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Logo ASEAN menunjukkan 10 tangkai padi yang melambangkan impian pengasasan ASEAN, iaitu 10 buah negara yang diikat oleh semangat persahabatan dan perpaduan. Moto ASEAN ialah keamanan, kestabilan, kegigihan, kedinamikan, kesucian dan kemakmuran.



AKTIVITI

Murid dikehendaki menyenaraikan lima bendera ASEAN.

9.7 Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia mengamalkan dasar probarat. Ketika itu, Malaysia menolak untuk bersikap neutral dan menyertai sebarang pakatan negara tanpa pihak kerana hal ini akan menyebabkan negara terjerumus dalam konflik antarabangsa. Walau bagaimanapun, dasar ini ditamatkan dan Malaysia mengubah dasarnya dengan mengamalkan dasar berkecuali dan terlibat secara aktif dalam NAM. Pelibatan Malaysia dalam NAM membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan yang lebih terbuka dengan pelbagai pihak tanpa sebarang sekatan.

Peranan Malaysia

Penyertaan Malaysia dalam NAM bermula dengan kehadiran Muhammad Ghazali Shafie, iaitu Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri dalam mesyuarat penyediaan bagi Sidang Kemuncak di Dar es Salam, Tanzania pada bulan April 1970. Penyertaan dalam NAM merupakan satu bukti bahawa Malaysia mengubah dasar luarnya daripada probarat kepada dasar yang lebih terbuka berasaskan prinsip neutral, aman bebas dan berkecuali.

Sejak menyertai NAM, Malaysia memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang. Kelantangan Malaysia menyuarakan pandangan tentang pelbagai isu yang melibatkan negara anggota NAM telah menaikkan nama negara kita. Peranan Malaysia juga dapat dilihat melalui kesediaannya menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM pada tahun 2003, menjadi Pengerusi NAM, memperjuangkan pelbagai isu seperti dasar Aparteid, isu Palestin dan Bosnia dan Herzegovina serta melaksanakan dasar aman dan berkecuali.



Logo NAM.

Sumber: <http://www.mfa.gov.az>.
Dicapai pada 13 Julai 2020.

Tuan Rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi



Latar belakang dan negara anggota NAM.

Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003.

- Dalam sidang ini, deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin serta serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq yang dianggap sebagai satu pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil.
- Menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak NAM membuktikan kemampuan Malaysia dalam mengendalikan persidangan bertaraf dunia.
- Negara kita menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga tahun 2006. Tugas ini dilaksanakan dengan jayanya oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi yang juga Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Perkembangan ini menjulang nama Malaysia dalam kalangan negara anggota. Bagi menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi, Malaysia berusaha untuk meningkatkan tahap kemajuan dan pembangunan anggota NAM serta bekerjasama agar menjadi organisasi yang dihormati.

Peranan dalam Politik

Malaysia lantang menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia dan negara lain seperti isu Aparteid serta Bosnia dan Herzegovina.

- Malaysia menjadikan NAM sebagai platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Aparteid. Malaysia bersetuju agar tekanan politik dan ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan bagi menangani isu ini.
- Malaysia membangkitkan isu berkaitan dengan Bosnia dan Herzegovina yang sedang ditekan oleh Serbia pada Sidang Kemuncak NAM di Jakarta, Indonesia (1992). Kedudukan Yugoslavia, salah sebuah negara pengasas NAM digantung daripada pertubuhan ini. Tindakan menggantung keahlian Yugoslavia merupakan hasil kejayaan bersama Malaysia dan negara anggota yang lain. Malaysia turut menerima sejumlah pelarian Bosnia dan Herzegovina.

Dasar Keamanan dan Berkecuali

Sejak pelibatan Malaysia dalam NAM, suara serta pandangan Malaysia yang meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali sering diutarakan.

- Malaysia berpandangan bahawa negara kuasa besar seperti China, Rusia dan Amerika Syarikat perlu mengakuinya serta tidak campur tangan atau memberikan tekanan kepada negara di rantau tersebut.
- Dalam isu kawalan senjata nuklear, Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970 sebagai iltizam NAM mendesak pengharaman senjata tersebut.



Tun Abdullah Ahmad Badawi (di barisan hadapan, enam dari kiri) bersama-sama perwakilan mesyuarat menteri NAM berkaitan dengan Palestin pada tahun 2004.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Malaysia memainkan peranan yang berkesan sejak menyertai NAM. Kelantangan Malaysia menyuarakan pandangan bukan sahaja telah menaikkan nama negara tetapi juga membolehkan negara ini dihormati oleh negara lain. Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar berasa bangga akan pemimpin yang berusaha mengekalkan hubungan luar dengan negara lain bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan dunia.



Jalan Galeri (Gallery Walk)


1. Murid dipecahkan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan mendapat tajuk Latar belakang dan peranan negara tuan rumah Persidangan Kemuncak NAM .
3. Murid dikehendaki menulis tajuk dan isi kandungan.
4. Murid menampalkan hasil kerja kumpulan pada dinding dan ketua kumpulan memberikan penjelasan kepada kumpulan lain.
5. Murid bergerak dan memberikan komen hasil kerja kumpulan lain dengan meletakkan nota pelekat pada hasil kerja kumpulan lain.
6. Guru membuat rumusan setelah selesai sesi Jalan Galeri.



NAM turut dikenali sebagai Pergerakan Negara-negara Berkecuali.

9.8 Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

Malaysia menyertai OIC yang dianggotai oleh 57 buah negara. Pertubuhan ini ditubuhkan pada 25 September 1969 bersempena dengan Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, Maghribi, ketika memuncaknya serangan ganas terhadap Masjid al-Aqsa oleh puak Zionis. Tindakan puak Zionis itu mendorong para pemimpin Islam menubuhkan sebuah pertubuhan antarabangsa untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam dalam segenap bidang di seluruh dunia. Malaysia merupakan anggota yang aktif menyuarakan pelbagai pandangan yang berkaitan dengan kepentingan Islam.



Pelibatan Malaysia

Pelibatan awal Malaysia dalam isu masyarakat Islam antarabangsa sebenarnya bermula sejak era Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Beliau menyuarakan agar diwujudkan sebuah pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam di seluruh dunia. Hasrat ini semakin kuat selepas berlangsungnya Persidangan Pertama Kongres Islam Sedunia Rantau

Asia Tenggara pada tahun 1964 di Kuala Lumpur. Pada bulan April 1969, Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada Persidangan Islam Antarabangsa. Agenda yang diputuskan di Kuala Lumpur ini dibawa ke Rabat, Maghribi, sehingga tertubuhnya OIC. Perbincangan tentang pelibatan Malaysia dalam OIC dapat dilihat melalui pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung Pertama. Malaysia pernah menjadi Pengerusi OIC dan membangkitkan pelbagai isu berkaitan dengan masyarakat Islam.

Logo OIC.

Sumber: <http://www.oic.org>.


Dicapai pada 12 Jun 2020.

Setiausaha Agung Pertama

Pelibatan Malaysia dalam OIC dapat dilihat melalui pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung yang pertama dan memegang jawatan tersebut antara tahun 1970 hingga tahun 1974. Tugas utama Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ini adalah untuk mengukuhkan OIC dan memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Pengerusi OIC

Malaysia turut memainkan peranan penting dalam OIC apabila Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kelima dilantik sebagai pengerusi pertubuhan ini pada tahun 2003. Sebagai pengerusi, Malaysia berhadapan dengan tohmahan yang sedang melanda masyarakat Islam kerana sering dikaitkan dengan 3K, iaitu keganasan, kemiskinan dan kemunduran. Malaysia mengetengahkan nilai kesederhanaan dan menolak keganasan.



Lawatan delegasi Arab Saudi pada 9 Jun 1970 di Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (duduk tujuh dari kiri) bersama-sama Raja Al-Malek Faisal (duduk lima dari kiri).

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Negara anggota OIC.



Meneroka Bukti

Buktikan kewibawaan pemimpin negara kita dalam pertubuhan antarabangsa.



Bincangkan faedah ekonomi, sosial dan politik yang diperoleh Malaysia dengan menyertai OIC.

Pembangunan Pendidikan

Malaysia bersama-sama OIC memberikan penekanan kepada pembangunan sosial terutamanya dalam bidang pendidikan melalui pembiayaan pelajaran dan kebajikan. Usaha ini ditunjukkan melalui pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta memberikan biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di universiti ini.



Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sumber: <https://www.iium.edu.my/new>. Dicapai pada 30 September 2020.

Menangani Isu Politik Negara Islam

Pelibatan Malaysia dalam OIC jelas kelihatan sewaktu menyuarakan pandangan tentang isu politik yang melanda negara Islam seperti Palestin, Afghanistan dan perang Iran-Iraq.

- Malaysia menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC. Berikutan pengumuman gencatan senjata antara Iran-Iraq pada bulan Ogos 1988, sepasukan 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB.
- Malaysia memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan Palestine Liberation Organization PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin). Malaysia menjadi tuan rumah bagi Persidangan Keserantauan Asia berkaitan dengan Palestin di Kuala Lumpur pada bulan Mei 1983. Negara kita menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka.
- Malaysia juga menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul. Rejim Kabul ini dibantu oleh Kesatuan Rusia sejak tahun 1979. Malaysia membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984.

Malaysia turut aktif membangunkan ekonomi negara anggota OIC. Negara kita menyokong aktiviti Islamic Development Bank – IsDB (Bank Pembangunan Islam) yang ditubuhkan pada tahun 1973. Malaysia menyertai IsDB pada tahun 1974 dan memperoleh faedah berupa pinjaman daripada bank ini untuk membiayai projek pembangunan negara. Penubuhan IsDB turut membawa perkembangan penting dalam sistem perbankan Islam melalui penubuhan bank Islam di serata dunia seperti Dubai Islamic Bank pada tahun 1975, Islamic Bank of Bahrain pada tahun 1979 dan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983.



Logo Bank Pembangunan Islam.

Sumber: <http://www.isdb.org/>. Dicapai pada 22 September 2020.

Hasrat mewujudkan sebuah pertubuhan untuk negara Islam yang dicadangkan sejak tahun 1960-an membolehkan Malaysia dipandang tinggi dalam kalangan negara Islam. Jawatan pertama Setiausaha Agung OIC yang disandang oleh pemimpin Malaysia memperlihatkan kewibawaan Malaysia. Kerjasama negara anggota OIC adalah untuk memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia memperoleh manfaat dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Dasar luar Malaysia terus diperkukuh selepas kemerdekaan. Wisma Putra memainkan peranan penting dalam mencorakkan dan menggubal dasar luar yang mampu memberikan faedah kepada negara serta mengekalkan kedaulatan negara. Pelibatan Malaysia dalam pelbagai pertubuhan pada peringkat serantau dan antarabangsa menjadi platform kepada negara kita menyuarakan pandangan dalam pelbagai aspek. Pandangan ini meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik terutamanya isu yang mempunyai kaitan serta kepentingan kepada Malaysia.



- OIC terdiri daripada gabungan 57 buah negara Islam di seluruh dunia.
- Kebanyakannya dari negara Timur Tengah dan Utara Afrika.
- Terdapat juga ahlinya dari negara Asia Tenggara, Eropah dan juga Amerika.

AKTIVITI

Mencipta Sajak atau Lirik

1. Bentukkan kumpulan pelajar.
2. Cipta sajak atau lirik lagu berkaitan dengan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan seperti PBB, Komanwel, ASEAN, NAM dan OIC.
3. Persembahkan hasil nukilan kumpulan masing-masing.



DASAR LUAR MALAYSIA

1

Latar Belakang Dasar Luar

- Hubungan Luar Sebelum Melaka
- Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka
- Zaman British
- Selepas Kemerdekaan

2

Asas Penggubalan Dasar Luar

- Matlamat Penggubalan Dasar Luar
- Faktor Penggubalan Dasar Luar

3

Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- Pelibatan Malaysia

4

Malaysia dalam Komanwel

- Penyertaan dan Sumbangan

5

Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar

- Cabaran Politik Antarabangsa
- Cabaran Politik Serantau
- Cabaran Keselamatan dan Pertahanan
- Cabaran Pembangunan Ekonomi

6

Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

- Pelibatan Malaysia

7

Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

- Peranan Malaysia

8

Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

- Pelibatan Malaysia



Pembelajaran Abad Ke-21

Aktiviti 1: Fail Edar (Travelling File)

Arahan:

1. Setiap kumpulan dibekalkan satu fail yang di dalamnya terdapat satu soalan atau kes untuk dibincangkan.
2. Selepas 10-15 minit, soalan dan jawapan dicatatkan dan dimasukkan ke dalam fail dan diedarkan kepada kumpulan lain.
3. Setiap kumpulan yang mendapat fail baharu daripada kumpulan lain dikehendaki membaca dan mengkaji jawapan daripada fail berkenaan sebelum ditambah, dihuraikan dan disunting.
4. Setelah setiap kumpulan memberikan maklum balas kepada dua atau tiga fail edar, soalan dan jawapan tersebut dibincangkan di dalam kelas secara keseluruhan.



United Nations

Kumpulan 1



Kumpulan 2



Kumpulan 3



Kumpulan 4

Berdasarkan logo yang diberikan di dalam fail:

- (a) Jelaskan latar belakang pertubuhan ini dengan menggunakan pelbagai sumber.
- (b) Bincangkan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan tersebut.

Setiap kumpulan akan membentangkan maklumat yang diperolehi di hadapan kelas.



Pembelajaran Abad Ke-21

Aktiviti 2: *Carousel*

Arahan:

1. Murid dibahagikan kepada kumpulan kecil.
2. Murid bergerak secara kumpulan kecil dan mencatatkan maklumat berkaitan dengan Misi Pengaman ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
3. Setiap kumpulan akan berbincang tentang maklumat tersebut pada setiap stesen. Mereka boleh menambah dan membaiki idea kumpulan lain.



Pasukan Pengaman PBB Malaysia.

Sumber: Portal rasmi Tentera Udara Diraja Malaysia.

Sumbangan dalam Misi Pengaman yang berikut penting bagi menjamin keamanan dan keselamatan dunia.

Stesen 1	Misi Pengaman di Congo
Stesen 2	Misi Pengaman di Bosnia
Stesen 3	Misi Pengaman di Somalia

1. Perbincangan tentang Misi Pengaman pada setiap stesen:
 - (a) Cari maklumat tentang Misi Pengaman yang diberikan dari aspek tarikh penyertaan, bilangan anggota keselamatan yang terlibat dan pemimpin/ketua pasukan.
 - (b) Tugas yang dilakukan.
 - (c) Cabaran yang dihadapi.
 - (d) Kejayaan yang dicapai.
2. Pembentangan di hadapan kelas.
Kumpulan atau wakil kumpulan membentangkan hasil perbincangan dan membuat rumusan tentang Misi Pengaman yang dibincangkan di hadapan kelas.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Selepas kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menjalankan dasar
 - A. Berkecuali
 - B. Antikapitalis
 - C. Berkepentingan ekonomi
 - D. Probarat dan antikomunis
2. Apakah usaha untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel?
 - A. Pelan Komanwel
 - B. Rancangan Colombo
 - C. Perjanjian Buku Merah
 - D. Sidang Kemuncak Malaysia
3. Siapakah Setiausaha Agung pertama Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)?
 - A. Dr. Ismail Abdul Rahman
 - B. Tun Abdul Razak Hussein
 - C. Tun Dr. Mahathir Mohamad
 - D. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
4. Jelaskan faktor yang mempengaruhi pembentukan dasar luar Malaysia.
5. Bincangkan kejayaan Malaysia dalam misi pengaman melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
6. Mengapakah Malaysia perlu mengukuhkan dasar luar yang diamalkan sejak dahulu hingga kini?
7. Jawab soalan berdasarkan gambar yang berikut:



- (a) Apakah sumbangan Tun Abdul Razak Hussein terhadap perkembangan dasar luar Malaysia?
- (b) Pada pandangan anda, mengapakah Tun Abdul Razak Hussein berhasrat untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan semua negara tanpa mengira ideologi politik?



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

8. Deklarasi ZOPFAN diumumkan pada tahun 1971 di Kuala Lumpur menjadi subjek penting yang dikemukakan oleh Malaysia dalam ASEAN.
 - (i) Apakah yang anda faham tentang konsep ZOPFAN?
 - (ii) Jelaskan kepentingan ZOPFAN kepada negara anggota ASEAN.
9. Soalan yang berikut berdasarkan logo di bawah.



PETRONAS

- (a) Dapatkan maklumat tentang sejarah penubuhan PETRONAS.
 - (b) Pada pendapat anda, apakah peranan PETRONAS dalam pembangunan negara?
10. Cadangkan langkah yang perlu dilakukan oleh rakyat untuk menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara.
11. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah.



Datuk
Maimunah
Mohd Sharif



Tan Sri
Dr. Jemilah
Mahmood

- (a) Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari maklumat latar belakang tokoh di atas.
 - (b) Apakah sumbangan tokoh di atas terhadap negara?
 - (c) Pada pendapat anda, adakah kaum wanita perlu memainkan peranan dalam memastikan negara mencapai kemajuan? Bincangkan.



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Hubungan baik yang terjalin antara Malaysia dengan negara lain penting bagi mengukuhkan kedudukan negara dalam pelbagai aspek, iaitu ekonomi, sosial dan politik.
- Pelibatan Malaysia dalam beberapa organisasi dunia seperti PBB dan OIC mencerminkan sikap keprihatinan dan tanggungjawab negara dalam menangani dan menyelesaikan masalah yang berlaku sama ada di dalam negara atau di luar negara.

Diri dan Keluarga

Sikap ambil tahu dan bertanggungjawab amatlah penting dalam diri seseorang untuk kebaikan keluarganya dan masyarakat bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan dapat dikekalkan.

Negara

Hubungan baik antara Malaysia dengan negara serantau mampu membangunkan negara. Sikap prihatin negara kita terhadap isu yang berlaku pada peringkat serantau dan antarabangsa membuka mata negara lain untuk turut menghulurkan bantuan kepada negara yang memerlukan.



Bangunan PBB di New York, Amerika Syarikat.

BAB 10 KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

SINOPSIS

Malaysia memainkan peranan penting pada peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang. Pelibatan Malaysia dalam usaha membangkitkan isu global menyebabkan negara kita disegani oleh negara lain. Pelibatan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa, isu kemanusiaan dan keamanan serta kelestarian global berjaya meletakkan Malaysia sama taraf dengan negara besar bagi memastikan keamanan dunia berkekalan. Pelibatan rakyat Malaysia dalam isu kemanusiaan dan keamanan serta sikap kesukarelawanan yang tinggi turut menaikkan nama Malaysia di persada dunia. Usaha Malaysia ini pastinya berdasarkan pegangan bahawa dunia ini milik semua yang perlu dijaga sebagai satu warisan. Perkara tersebut turut menjadi wawasan untuk Malaysia menuju kejayaan pada masa hadapan.





Inti Pati Pembelajaran

1. Malaysia dalam isu global kontemporari.
2. Peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa.
3. Pelibatan rakyat dalam isu kemanusiaan dan keamanan.
4. Usaha mengekalkan kelestarian global.
5. Wawasan Malaysia menuju masa hadapan.



Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik

1. Kepentingan kebijaksanaan dalam mengurus isu global.
2. Kepentingan sikap prihatin dan peka terhadap isu serantau.
3. Kepentingan semangat sukarelawan dalam isu global.
4. Sikap kerjasama dalam mengekalkan keamanan dunia.



Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami kronologi isu pertindihan sempadan.
2. Meneroka bukti usaha Malaysia menangani isu kemelesetan ekonomi.
3. Membuat interpretasi pengisytiharan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
4. Membuat imaginasi kesungguhan Malaysia dalam menghadapi isu global.
5. Membuat rasionalisasi kepentingan pengisytiharan Deklarasi Langkawi.

Ekspedisi Antartika oleh rakyat Malaysia.

Sumber: <http://www.hmetro.com.my>. Dicapai pada 17 Ogos 2020.

10.1 Malaysia dalam Isu Global Kontemporari

Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sikap terbuka, isu pada peringkat global sama ada isu ekonomi, sosial mahupun politik turut mempengaruhi perkembangan negara kita. Sikap dan pandangan Malaysia tentang isu tersebut turut disuarakan dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa. Dalam keadaan ini, kemampuan Malaysia menangani pelbagai isu dengan baik, tanpa sebarang konflik menunjukkan kebijaksanaan pemimpin negara. Isu global ini termasuklah isu ekonomi dan persempadanan. Kemampuan Malaysia menangani isu ini dengan berkesan membolehkan kedudukan Malaysia dihormati oleh negara lain. Antara isu global yang dihadapi oleh Malaysia termasuklah penyalahgunaan dadah, pertindihan sempadan, kempen antiminyak sawit, pemerdagangan orang dan penyakit berjangkit.

Penyalahgunaan Dadah

Penyalahgunaan dadah merupakan isu global yang dihadapi oleh Malaysia. Dalam hal ini, Malaysia antara negara yang mengisytiharkan perang terhadap penyalahgunaan dadah dan menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah dadah.

- Kesungguhan Malaysia memerangi bahaya penyalahgunaan dadah disuarakan dalam forum antarabangsa seperti International Drug Enforcement Conference – IDEC (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa) yang ditubuhkan pada tahun 1983 oleh Amerika Syarikat.
- Malaysia turut mendapatkan kerjasama daripada International Criminal Police Organization – INTERPOL (Polis Antarabangsa) dalam usaha memerangi dadah serta bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi menangani masalah ini.
- Kelantangan Malaysia memerangi dadah turut disuarakan dalam forum PBB apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat terpilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988.



Delegasi negara anggota ASEAN dalam Mesyuarat Kali ke-40 Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Perkara Dadah di Siem Reap, Kemboja, 2019.

Sumber: Portal rasmi Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri.

Pertindihan Sempadan

Malaysia turut terlibat dalam isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih dengan negara lain.

- Tuntutan terhadap Pulau Batu Putih melibatkan Malaysia dengan Singapura manakala Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dengan Indonesia.
- Kedua-dua tuntutan ini berjaya diselesaikan melalui keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Antarabangsa. Pada tahun 2002, Mahkamah Antarabangsa memutuskan Pulau Sipadan dan Ligitan menjadi hak milik Malaysia.
- Pada tahun 2008, Mahkamah Antarabangsa memutuskan hak milik Pulau Batu Putih kepada Singapura.
- Isu tuntutan Kepulauan Spratly pula melibatkan China, Vietnam, Brunei dan Filipina. Isu ini masih belum selesai sehingga hari ini.
- Kedudukan Kepulauan Spratly yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara bukan sahaja penting dari sudut geostrategik tetapi juga dari aspek perdagangan. Perkara ini menjadi asas perebutan Kepulauan Spratly.
- Bagi Malaysia, tuntutan terhadap Kepulauan Spratly bermula pada tahun 1979 apabila memasukkan sebahagian daripada Kepulauan Spratly ke dalam wilayah Malaysia. Kepulauan ini merangkumi Pulau Kecil Amboyna, Terumbu Ubi, Terumbu Semarang Barat dan Layang-Layang seperti yang termaktub dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984.
- Antara usaha yang dilakukan bagi menyelesaikan isu ini termasuklah membangkitkan isu Spratly dalam Forum ASEAN-China pada tahun 1995.



Pulau Sipadan yang menjadi hak milik Malaysia.



Kedudukan Kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Kepulauan Spratly

- Terletak di Laut China Selatan.
- Seluas 500 batu persegi.
- Kira-kira 100 batu nautika dari pantai Borneo.
- Sebuah kepulauan batu karang yang mempunyai lebih 100 buah pulau kecil berbentuk batuan dan batu karang dengan sembilan daripadanya bersaiz besar.
- Turut dikenali sebagai *Terra Nullius* (tidak mempunyai pemilik).



Isu pertindihan sempadan.

Kempen Antiminyak Sawit

Gerakan antiminyak kelapa sawit yang dilancarkan oleh negara maju secara tidak langsung menggugat ekonomi negara sedang membangun. Isu ini terpaksa dihadapi oleh negara pengeluar minyak sawit termasuk Malaysia dan Indonesia.

- Minyak sawit menjadi pesaing utama kepada minyak kacang soya hingga menyebabkan kempen antiminyak sawit dijalankan oleh pengeluar minyak kacang soya, iaitu American Soybean Association (ASA).
- Gerakan antiminyak sawit dilaksanakan oleh pengeluar minyak kacang soya, iaitu ASA dan pihak NGO Pencinta Alam di Eropah. Bagi ASA, minyak sawit menjejaskan penjualan minyak kacang soya. Bagi NGO Pencinta Alam pula, penanaman kelapa sawit dikatakan menjadi punca pencemaran alam sekitar, kemusnahan hutan dan habitat haiwan liar. Keadaan ini menyebabkan berlaku bantahan dan sekatan terhadap minyak sawit.
- Malaysia menangani isu ini melalui pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), kempen secara berterusan serta mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak tahun 2019. Langkah ini bertujuan menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan dan pelaksanaan amalan baik seperti Good Agricultural Practices–GAP (Amalan Pertanian Baik).
- Tindakan Malaysia secara berhemah dalam menangani isu kempen antiminyak sawit ini untuk mengelakkan sebarang konflik dengan negara lain.



Pekerja sedang mengangkut buah kelapa sawit.



Giliran Robin (Rally Robin)

Murid secara bergilir-gilir memberikan maklum balas tentang soalan yang berikut secara lisan.

1. Nyatakan dua pihak yang melancarkan gerakan antiminyak sawit di negara barat.
2. Apakah rasional mereka melancarkan gerakan ini?
3. Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya gerakan antiminyak sawit ini berterusan?
4. Apakah tindakan anda bagi memastikan minyak sawit terus berjaya dalam pasaran antarabangsa?

Pemerdagangan Orang

Pemerdagangan orang merupakan jenayah terancang. Aktiviti ini dijalankan tanpa mengenal bangsa, agama, keturunan dan warna kulit. Pemerdagangan orang juga merupakan ancaman terhadap hak asasi manusia dan keselamatan negara. Malaysia tidak terkecuali daripada berhadapan dengan isu ini.

- Perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menarik kehadiran warga asing. Terdapat warga asing yang masuk ke Malaysia melalui sindiket pemerdagangan orang.
- Kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara turut menjadikannya sebagai lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain.
- Malaysia menguatkuasakan undang-undang dan memberikan bantuan kepada mangsa pemerdagangan orang. Undang-undang dikuatkuasakan menerusi Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 dan Protokol PBB untuk mencegah, menyekat serta menghukum pesalah pemerdagangan orang.
- Malaysia menubuhkan Council For Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants–MAPO (Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran) pada tahun 2008 dan menguatkuasakan Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007–ATIPSOM 2007 (Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, 2007). Malaysia juga mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010–2015), menjalankan rundingan dengan negara luar, penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan.

Penyakit Berjangkit

Penyakit berjangkit merupakan fenomena yang wujud dalam masyarakat di seluruh dunia seperti Acquired Immune Deficiency Syndrome – AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit).

- Penyakit ini dikesan di Malaysia pada tahun 1986. Sehingga tahun 2014, sejumlah lebih 100 000 kes dilaporkan dengan lebih 16 000 kematian. Penyakit ini merebak disebabkan gaya hidup yang tidak sihat serta penyalahgunaan dadah.
- Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan bertindak proaktif memastikan penyakit ini tidak merebak melalui pemeriksaan kesihatan secara berterusan dan memberikan rawatan kepada mangsa. Tindakan ini menyebabkan Malaysia berjaya mengawal penularan wabak tersebut.
- WHO memperakukan pencapaian Malaysia sebagai antara negara di Asia yang berjaya mengurangkan masalah penularan wabak daripada ibu kepada anak pada tahun 2018.
- Sejak tahun 2011, Malaysia mendukung hasrat PBB untuk menjadikan dunia bebas AIDS pada tahun 2030 melalui pelaksanaan National Strategic Plan for Ending AIDS – NSPEA (Pelan Strategik Kebangsaan Mengakhiri AIDS).
- Malaysia turut menyambut Hari AIDS Sedunia yang diadakan pada 1 Disember setiap tahun.

Malaysia memainkan peranan penting dalam isu global terutama yang berkaitan dengan kepentingan negara. Walaupun berhadapan dengan pelbagai kesukaran, Malaysia tidak pernah menjadikan kekerasan sebagai penyelesaian masalah. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya memberikan sokongan terhadap langkah diplomasi dan berhemah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menyelesaikan sebarang konflik antarabangsa.



Pemerdagangan orang didefinisikan sebagai perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan seperti merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang (Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, 2007).



Nyatakan penyakit berjangkit yang menular pada masa ini. Apakah kesan kepada masyarakat dunia jika kita gagal menangani wabak ini?

10.2 Peranan Malaysia dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa

Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas selari dengan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa. Malaysia turut memainkan peranan besar dalam hubungan ekonomi antarabangsa. Peranan ini dapat dilihat melalui pelibatan dalam pelbagai perjanjian termasuklah ASEAN Free Trade Area – AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN). Malaysia juga lantang menyuarakan ketidakadilan dalam ekonomi dan bertindak tegas bagi memastikan kedudukan ekonomi negara tidak terjejas.

Meluaskan Pasaran Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sangat bergantung pada keupayaan negara tersebut menjual barangannya ke pasaran antarabangsa.

- Malaysia bersetuju untuk mempermudah dan meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN. Hal ini membawa kelahiran AFTA pada tahun 1992.
- Perjanjian AFTA bertujuan menjadikan kawasan ASEAN sebagai tempat produksi yang kompetitif bagi hasil keluaran negara ASEAN. Satu bentuk kerjasama ekonomi dalam kalangan negara ASEAN dapat dilaksanakan melalui AFTA terutama untuk mengurangkan tarif dan cukai barangan.
- Malaysia terlibat sepenuhnya dalam AFTA. Pelibatan ini membawa kebaikan kepada perkembangan ekonomi negara.



Logo AFTA.

Sumber: <https://www.asean.org/>. Dicapai pada 14 Jun 2020.



Tarif – Bayaran yang dikenakan oleh kerajaan terhadap barang dan perkhidmatan yang diimport.

Cukai – Bayaran yang dikenakan oleh kerajaan terhadap orang perseorangan (perbadanan, syarikat, barang-barang) untuk perbelanjaan negara.



Membuat Rasionalisasi

Rasionalkan tindakan Malaysia menentang dominasi ekonomi negara maju.


Dominasi Ekonomi Negara Maju

Perkembangan ekonomi Malaysia bukan sahaja bergantung pada pasaran domestik tetapi juga pasaran antarabangsa.

- Malaysia sering berhadapan dengan sikap negara maju yang mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan dalam bentuk tarif dan cukai. Keadaan ini menjejaskan perdagangan negara.
- Malaysia bersuara agar diberikan layanan yang saksama kepada semua negara. Pandangan ini dibangkitkan oleh Malaysia dalam pelbagai forum antarabangsa termasuklah di PBB dan Asia-Pacific Economic Cooperation – APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik).

Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga

Malaysia memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi yang melibatkan kerjasama pembangunan segi tiga, iaitu pembangunan wilayah baharu yang dimajukan bersama-sama negara anggota ASEAN. Kerjasama ini bertujuan mendapatkan keuntungan bersama apabila negara jiran saling membantu bagi memajukan kawasan yang terlibat.



Lingkungan kawasan SIJORI – GT.

Sumber: Disesuaikan daripada <http://www.johorbiznet.com/>. Dicapai pada 26 Jun 2020.

Malaysia memperoleh manfaat yang besar melalui kerjasama ini kerana dapat mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam ASEAN daripada negara maju. Selain itu, negara kita juga dapat mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa dengan mewujudkan pelbagai badan yang berkaitan seperti koperasi ASEAN, bank ASEAN serta cadangan untuk menggunakan wang ASEAN dan membendung campur tangan ekonomi negara maju.



Kerusi Panas (Hot Seat)

Murid dikehendaki mengumpulkan maklumat berkaitan dengan kerjasama pembangunan segi tiga yang berikut:


KERJASAMA	
IMT-GT	Indonesia – Malaysia – Thailand Growth Triangle
SIJORI-GT	Singapura – Johor – Riau Growth Triangle
BIMP-EAGA	Brunei – Indonesia – Malaysia – Philippines East ASEAN Growth Area

Setelah itu, seorang murid duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi pakar atau watak yang akan menjawab segala soalan yang dilontarkan oleh murid lain berkaitan dengan topik di atas.

Menangani Kemelesetan Ekonomi

Pada tahun 1997–1998, kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi yang bermula dengan kejatuhan nilai ringgit, antara lain disebabkan oleh spekulasi mata wang.

- Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam buku *The Malaysian Currency Crisis: How and Why It Happened*, perkembangan ini menyebabkan pelabur luar menarik pelaburan mereka di Malaysia sehingga menjejaskan ekonomi Malaysia.
- Malaysia didesak untuk mencontohi langkah yang diambil oleh negara lain, iaitu menggunakan pelan perancangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), namun negara kita enggan menerimanya.
- Malaysia menggunakan pendekatan sendiri dalam usaha memulihkan keadaan termasuklah menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD) dengan kadar RM3.80 bagi USD1.
- Langkah ini berjaya memulihkan ekonomi negara.



Buku tentang krisis kewangan Malaysia.

Sumber: Mahathir Mohamad, 2000. *The Malaysian Currency Crisis: How and Why It Happened*. Selangor: Pelanduk Publications.



Spekulasi Mata Wang

Spekulasi mata wang wujud apabila seseorang membeli mata wang asing, bukan bertujuan mengimport sesuatu atau melabur dalam perniagaan luar negara tetapi untuk menjual semula pada masa hadapan dengan harga yang lebih tinggi.

Menambat Kadar Mata Wang

Menambat kadar mata wang bermaksud menetapkan satu kadar mata wang pada jumlah tertentu dan diperniagakan dengan kadar tersebut.

Sukuk ialah Sijil Kewangan Islam.



Meneroka Bukti

Malaysia berjaya menangani isu kemelesetan ekonomi pada tahun 1997–1998. Buktikan.

Mengantarabangsakan Sistem Kewangan Islam

Sistem kewangan Islam merupakan sistem kewangan yang berlandaskan syarak dan menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional.

- Malaysia terlibat dalam usaha membangunkan sistem kewangan ini sejak tahun 2001.
- Malaysia membangunkan sistem kewangan Islam yang progresif dan komprehensif sehingga menyumbang kepada keberkesanan sektor kewangan negara.
- Malaysia juga menduduki kedudukan utama dalam pelbagai indeks global berkaitan dengan kewangan Islam termasuk menjadi pasaran sukuk terbesar di dunia.
- Negara kita menjadi negara utama pelaburan dana Islam.
- Malaysia menubuhkan International Centre for Education in Islamic Finance – INCEIF (Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam) untuk menyokong perkembangan kewangan Islam.



Bangunan INCEIF di Petaling Jaya, Selangor.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Malaysia memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi antarabangsa. Suara Malaysia agar negara memperoleh layanan yang adil daripada negara maju sering didengar dalam forum antarabangsa. Malaysia turut menekankan hubungan ekonomi dan pembangunan yang baik dengan negara lain. Sebagai rakyat Malaysia, usaha membangunkan ekonomi melalui hubungan pada peringkat serantau dan antarabangsa perlu diberikan sokongan kerana hal ini dapat meningkatkan kemakmuran negara.



Apakah kesan kejayaan Malaysia bagi membangunkan sistem kewangan Islam?



Meja Bulat Serentak (Simultaneous Round Table)

Dalam kumpulan, murid menulis maklum balas kepada soalan-soalan dalam kertas masing-masing. Kemudian, mereka mengedarkan catatan mengikut pusingan jam supaya setiap ahli pasukan dapat menambah atau membetulkan perkara yang dicatat.

1. Berikan maksud sistem kewangan Islam.
2. Buktikan kejayaan Malaysia membangunkan sistem ekonomi Islam.
3. Nyatakan peranan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam.

10.3 Pelibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan

Malaysia berada di barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan. Malaysia sering menyuarakan pandangan dalam pertubuhan antarabangsa dan serantau seperti PBB, Komanwel, OIC dan ASEAN. Pandangan yang disuarakan ini berkaitan dengan aspek kemanusiaan dan keamanan terutama dalam kalangan masyarakat yang tertindas. Selain itu, rakyat Malaysia turut aktif terlibat dalam pelbagai aktiviti kesukarelawanan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik sama ada disebabkan bencana alam mahupun peperangan. Tindakan ini secara langsung menaikkan nama Malaysia di mata dunia. Isu Palestin dan Syria merupakan antara isu yang menonjolkan pelibatan rakyat Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa. Selain itu, rakyat Malaysia juga terlibat dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka.

Isu Palestin

Isu Palestin sememangnya dekat dengan dasar luar dan domestik Malaysia. Perjuangan menegakkan isu Palestin disuarakan oleh semua Perdana Menteri Malaysia, sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Sejak tahun 1948, rejim Zionis Israel melakukan kekejaman, pengusiran dan pembunuhan terhadap penduduk Palestin. Tindakan ini menjadi asas penting kepada perjuangan Malaysia bagi memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin mendapat pembelaan.

Pelibatan rakyat dalam menangani isu kemanusiaan di Palestin dapat dilihat secara jelas melalui Non-Governmental Organization – NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan). Kewujudan NGO ini membolehkan satu bentuk koordinasi membantu warga Palestin dapat dilaksanakan. Antara NGO yang aktif dalam bidang kesukarelawanan ini termasuklah Aman Palestin dan Cinta Gaza Malaysia (CGM).

Antara NGO yang membantu Palestin termasuklah:

Aman Palestin	<ul style="list-style-type: none">• Didaftarkan secara rasmi pada tahun 2006 dan menjadi organisasi yang giat membantu rakyat Palestin secara kolektif, sistematik, berterusan dan berkesan.• Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin.
Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)	<ul style="list-style-type: none">• Gabungan beberapa buah NGO dan turut menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan dalam usaha membantu rakyat Palestin yang tertindas.• Antara aktivitinya termasuklah mengadakan Hari Solidariti Rakyat Palestin.
Cinta Gaza Malaysia (CGM)	<ul style="list-style-type: none">• Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman dan menjalankan operasi sejak tahun 2013.• Menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk Gaza terutama kanak-kanak, ibu tunggal dan warga emas.• Melancarkan Projek Ramadan 2020 dengan tema “Ramadan Bulan Berkongsi Kebahagiaan” merangkumi bantuan perubatan, kebajikan belia, teknologi hijau, infrastruktur, pendidikan, pengajian al-Quran serta seni dan budaya.
Muslim Care Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Ditubuhkan pada tahun 2006 dan secara aktif menjalankan misi kemanusiaan termasuk di Palestin.

Rakyat Malaysia turut menyatakan sokongan padu kepada rakyat Palestin. Mereka melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada Palestin dan menubuhkan Tabung Palestin untuk mengutip sumbangan kewangan kepada mangsa Zionis di Palestin.

Selain itu, rakyat Malaysia turut terlibat menghantar bantuan makanan dan perubatan ke Palestin menerusi program Freedom Flotilla, iaitu program kemanusiaan yang digerakkan oleh Free Gaza Movement yang ahlinya datang dari seluruh dunia.

Rakyat Malaysia yang menyertai misi kemanusiaan turut menghadapi cabaran seperti ditawan dan dipenjarakan.

- Sebanyak 12 orang sukarelawan Malaysia yang berada di dalam kapal *Mavi Marmara* ditawan oleh pihak Israel pada bulan Mei 2010.
- Dr. Fauziah Mohd Hasan turut serta dalam misi kemanusiaan ke Palestin dalam program “Women’s Boat to Gaza” pada bulan Ogos 2016. Kapal *Zaytouna-Oliva* yang dinaiki beliau ditawan oleh pihak Israel.
- Dr. Mohd Afandi Salleh pula terlibat dalam misi kemanusiaan ke Palestin menaiki kapal *Al-Awda* pada tahun 2018. Kapal tersebut ditawan oleh Israel dan beliau ditahan di dalam penjara di Israel sebelum dibebaskan kemudiannya.



Sukarelawati Malaysia, Dr. Fauziah Mohd Hasan.

Sumber: <https://www.mycare.org.my>. Dicapai pada 14 Ogos 2020.



Hentian Bas (Bus Stop)

Arahan:

1. Beberapa hentian diwujudkan di dalam kelas. Setiap satu hentian disediakan soalan.
2. Murid bergerak secara berkumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain untuk membincangkan soalan yang disediakan.
3. Murid berkongsi pendapat dan merekodkan komen serta maklumat yang diperolehi.

Hentian 1 Apakah yang anda faham tentang pertubuhan yang berikut?



Hentian 2 Terangkan peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di atas.

Hentian 3 Jelaskan peranan Malaysia dalam menangani isu kemanusiaan di dunia.

Hentian 4 Jelaskan peranan rakyat Malaysia dalam usaha membantu mangsa penindasan, peperangan dan bencana yang melanda dunia.

Kumpulan bergerak dari satu hentian ke satu hentian sambil berbincang dan berkongsi maklumat. Guru atau murid boleh membuat rumusan pada akhir pembelajaran.



Membuat Rasionalisasi

Rasionalkan tindakan Malaysia membantu rakyat Palestin sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sehingga hari ini.

Isu Syria

Krisis politik di Syria yang bermula pada tahun 2011 menyebabkan rakyat Syria mengalami kesengsaraan terutamanya masalah kekurangan makanan dan kemudahan perubatan. Menyedari keadaan ini, Malaysia tampil memberikan bantuan dan sokongan kepada rakyat Syria. Pada 1 Oktober 2015, kerajaan mengumumkan kesediaan untuk menerima 3000 orang pelarian warganegara Syria dalam tempoh tiga tahun secara sukarela atas dasar kemanusiaan. Pelibatan rakyat Malaysia membantu rakyat Syria pula dapat dilihat melalui peranan NGO.

Antara NGO yang terlibat membantu Syria termasuklah:

Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)

- Gabungan enam buah NGO kemanusiaan.
- Melancarkan kempen i4Syria pada tahun 2011 bagi menyalurkan pelbagai bantuan kepada pelarian Syria.
- Mengendalikan aspek pendidikan, kesihatan dan kebajikan pelarian Syria yang berada di Malaysia.

Cinta Syria Malaysia (CSM)

- Ditubuhkan pada tahun 2014.
- Memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria yang berada di Turki, Lubnan dan Malaysia.
- Menubuhkan “Sekolah KITA”, iaitu program pendidikan percuma untuk anak-anak pelarian Syria.

Global Peace Mission (GPM)

- Ditubuhkan pada tahun 2001.
- Aktif menjalankan pelbagai aktiviti kesukarelawanan dan kemanusiaan di 30 buah negara.
- Turut aktif memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria berupa makanan, ubatan dan peralatan.



Sukarelawan MAPIM ke Syria.

Sumber: <https://mapim.org>.
Dicapai pada 30 Jun 2020.

Rakyat Malaysia memberikan sumbangan melalui Tabung Kemanusiaan Program Penempatan Migran Syria yang dilancarkan pada 20 Mei 2016. Selain itu, rakyat Malaysia turut menyertai perhimpunan solidariti menyokong Syria dan menghantar memorandum bantahan kepada Kedutaan Syria di Kuala Lumpur pada tahun 2017 berkaitan dengan kekejaman terhadap rakyat Syria.

Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

Bencana alam seperti tsunami yang memusnahkan Aceh dan Sri Lanka pada tahun 2004 menarik perhatian Malaysia. Penduduk Aceh dan Sri Lanka kehilangan segalanya dalam sekelip mata. Keadaan ini menyebabkan Malaysia melancarkan bantuan segera termasuklah bantuan perubatan, makanan dan keperluan harian. Rakyat Malaysia yang prihatin turut memberikan bantuan melalui badan seperti MERCY Malaysia.

Antara NGO yang terlibat dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka termasuklah:

Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)

- Ditubuhkan pada tahun 1999 oleh Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood.
- Aktif dalam bidang kesukarelawanan dan kemanusiaan membabitkan negara yang berkonflik dan ditimpa bencana.
- Bertindak memberikan bantuan perubatan serta membina semula pusat kesihatan komuniti di Aceh.
- Membangunkan infrastruktur di Sri Lanka termasuk sekolah dan jambatan bagi kemudahan penduduk.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

- Ditubuhkan pada tahun 1971.
- Memberikan bantuan kemanusiaan kepada pihak yang memerlukan termasuklah mangsa bencana tsunami di Aceh.
- Mendirikan sekolah dan rumah perlindungan kepada lebih kurang 120 orang anak yatim yang menjadi mangsa tsunami di Banda Aceh.

Yayasan Restu

- Ditubuhkan pada tahun 1998.
- Memberikan bantuan pendidikan percuma kepada warga Aceh.
- Membangunkan rumah anak yatim Babun Najah di Ulee Kareung, Aceh.

Rakyat Malaysia sememangnya prihatin serta sanggup memberikan bantuan kepada golongan yang menghadapi musibah sama ada disebabkan peperangan mahupun bencana alam. Sikap perikemanusiaan yang tinggi dan sanggup melakukan kerja sukarela ini telah menaikkan nama baik negara kita.



Nyatakan bentuk bantuan yang disalurkan oleh Malaysia kepada rakyat Aceh.

10.4 Usaha Mengekalkan Kelestarian Global

Mengekalkan kelestarian global bermaksud usaha untuk mengekalkan serta memelihara keaslian alam sekitar bagi membolehkannya diwarisi oleh generasi akan datang. Malaysia turut memberikan komitmen yang tinggi dalam pemeliharaan alam sekitar. Negara kita juga melibatkan diri dalam pelbagai program bersama-sama pertubuhan antarabangsa.

Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi

Pengisytiharan Deklarasi Langkawi merupakan bukti jelas komitmen Malaysia dan negara Komanwel untuk memelihara alam sekitar. Deklarasi Langkawi diadakan pada bulan Oktober 1989 bersempena dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel. Deklarasi Langkawi dilaksanakan sebagai usaha menangani isu alam sekitar terutama kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal.

- Anugerah Langkawi diberikan kepada warganegara Malaysia yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar. Anugerah ini dimulakan pada tahun 1991.
- Malaysia turut melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara 2002 yang menjadi asas dalam pembangunan negara.
- Pada tahun 2006, kerajaan negeri Kedah mengisytiharkan Langkawi sebagai *geopark* bagi memastikan kelestariannya terjamin.
- Malaysia telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada tahun 2009 untuk menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau bagi mengawal perubahan iklim.



Anugerah Langkawi.

Sumber: <https://ras.doe.gov.my>.
Dicapai pada 15 Ogos 2020.



Menyertai Sidang Kemuncak Bumi

Isu pencemaran alam sekitar merupakan salah satu isu yang mencetuskan Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Sidang Kemuncak Bumi ini dianjurkan oleh PBB. Malaysia menunjukkan kesungguhan dalam memulihara alam sekitar dengan menyertai sidang ini.

- Komitmen Malaysia terpapar melalui pelibatan negara dalam Sidang Kemuncak Bumi ini yang mengeluarkan deklarasi Agenda 21.
- Agenda 21 ini merupakan satu dokumen umum yang penting bagi pengurusan aktiviti manusia dalam sesebuah negara. Agenda ini menyentuh tindakan pembangunan abad ke-21 bagi mengatasi masalah kemiskinan, kebuluran dan kemerosotan ekosistem.
- Selain itu, Malaysia turut terlibat dalam Protokol Kyoto 1997 dan persidangan alam sekitar di Bali pada tahun 2007. Persidangan-persidangan ini merupakan satu persetujuan sah dan persefahaman negara maju bahawa negara yang terlibat ini akan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau secara kolektif dan menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar.
- Hasrat Malaysia adalah untuk menerapkan dan mengguna pakai segala saranan agenda tersebut dalam program pembangunan bagi memastikan alam sekitar negara tidak terjejas dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang.



Sidang Kemuncak Bumi PBB di Rio de Janeiro, Brazil.

Sumber: <https://sgerendask.com>. Dicapai pada 8 Julai 2020.



Gas Rumah Hijau

Peningkatan kadar gas karbon dioksida di atmosfera yang memanaskan bumi. Peningkatan ini berlaku disebabkan aktiviti manusia seperti penggunaan penyaman udara dan baja kimia.



Mengapakah isu alam sekitar perlu diberi perhatian oleh masyarakat dunia?

Antartika sebagai Warisan Sejagat

Malaysia merupakan antara negara yang membangkitkan isu Antartika menganggap bahawa penerokaan terhadap benua ais tersebut dilakukan secara tidak adil.

- Penerokaan terhadap Antartika didominasi oleh hanya sebahagian kecil negara.
- Pandangan Malaysia ini diutarakan sejak tahun 1983 melalui NAM. Dalam Sidang Kemuncak NAM ketujuh di New Delhi, India, Malaysia mendesak PBB mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
- Malaysia mencadangkan PBB mentadbir Antartika agar segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut dapat dikongsi bersama-sama oleh semua negara. Pandangan ini mendapat sokongan daripada negara lain.



Ekspedisi Antartika YPASM, 2016.

Sumber: <https://myantartik2016.uitm.edu.my/>.
Dicapai pada 14 jun 2020.

IS **RENCAH** **MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 20 MEI 2018**

Oleh SAHIDAN JAAFAR

PENCETUS INSPIRASI

Antartika 'rumah kedua' Dr. Azizan

Antartika sebagai sebuah benua yang mempunyai cuaca paling ekstrem dan mencabar di planet bumi itu sebenarnya pernah menjadi rumah kedua bagi Profesor Datuk Dr. Azizan Abu Samah, 64.

Anak kelahiran Kedah yang memiliki ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang Meteorologi dari Universiti Reading, United Kingdom (1990) merupakan salah seorang daripada empat saintis pertama negara yang berjaya menjelajahi ke-16 Antartika bagi menjalankan kajian saintifik di benua itu sejak tahun 1998 lagi. Azizan yang turut memiliki ijazah Sarjana Muda Sains (Fisik) dari Monash University (1977) dan Sarjana Sains (Atmosfera Fisis) dari La Trobe University (1982) kini merupakan Pengarah Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NAPAC).

Sebagai seorang saintis meteorologi yang memiliki kepakaran merancang bilangan kelestarian alam sekitar, perubahan cuaca dan iklim, Azizan telah diberi mandat oleh kerajaan bagi mengumpul Program Penyelidikan Antartika Malaysia (MAPM) di benua itu selama 13 tahun (1998-2011). Selama tempoh itu beliau bertanggungjawab mengumpul pelbagai ekspedisi negara termasuk memulau pelbagai saintis negara, rombongan kesenian terdiri daripada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang di-Pertuan Agong ke-13, Tunja Mizan Zainal Abidin (2011) dan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad (2002) meluaskan kawalan kerja ke benua ais itu.

Mula tahun 1999, saintis Malaysia mula berlayar di Antartika dan dalam tempoh itu negara terus konsisten mengahantar saintis tempatan untuk menjalankan

membangunkan bidang sains negara dan yang paling penting kemahiran saintis kita belajar dalam suasana yang amat mencabar dengan cuaca sejuk dan angin ekstrem selain tidak ada bekalan tenaga di sana," kata Dr. Azizan.

Bayangan di bawah lapisan aisnya yang tebal dan keras membuka wujud Tasi Woodstock dengan ikan berenang-renang di dalam airnya pada takat suhu -1.8 darjah Celsius.

Benua itu yang terletak mulai dari 60 darjah selatan, Antartika meliputi 10 peratus daripada muka bumi, dengan keluasan dua kali lebih besar daripada benua Australia.

"Kerana yang belum tahu, Antartika adalah benua ais dan salji dengan barisan gunung berapi dari belchikan. Memang tanggapan itu tidak betul. Namun, lebih banyak lagi tentang Antartika daripada yang dijangkakan. Banyak kehidupan laut seperti burung penguin, ikan paus dan anjing laut terdapat di sana," katanya.

Menturut Azizan, cabaran terbesar pada saintis yang hendak menjalankan penyelidikan di Antartika ialah mereka perlu mengumpul peralatan yang sesuai, selain memikirkan bagaimana memberi tenaga kepada alat itu dan cara menyimpan sampel kajian supaya tidak dicemari apabila dibawa balik ke negara asal masing-masing. Selama tempoh itu, beliau Antartika sebagai Penyelaras Program Penyelidikan Sains Antarika turut menjalankan dua projek sains di Antartika iaitu *Impact of Gravity Wave on Antarctic Boundary Layer* dan kajian ke atas 'katabatic', iaitu fenomena angin kencang yang turun dari bukit.

Melalui projek pertama, Azizan cuba mengaplikasikan kaitan tersebut udara sejak di Antartika dengan gelombang graviti yang membawa banjir besar di Pantai Timur yang dipalakan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia. Secara keseluruhannya, Dr. Azizan membentulkan projek-projek yang dijalankan oleh saintis Malaysia

disebabkan kepada dua kategori iaitu sains atmosfera yang berkait rapat dengan kajian belian sendiri serta penyelidikan lain mengenai laut, benua, pencemaran serta perubahan iklim di kawasan tropika dan Antartika.

Kategori kedua melibatkan penyelidikan besar yang melibatkan 10 saintis dari Universiti Malaysia (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melihat kepulauan mikrobiologi seperti alga, bakteriar dan fungus.

Menturut Azizan, sejak 1997, usaha untuk menerbitkan satu pasukan petugas di Antartika bagi memulakan program Penyelidikan Antartika Malaysia (MAPM) telah berjaya memulau satu juruan dalam penyelidikan sains atmosfera, mikrobiologi dan pendidikan jalin yang kopokannya memang amat diperkatakan negara.

Apa yang lebih penting bagi Dr. Azizan, penerokaan saintis Malaysia di Antartika membuktikan ketahanan jiwa dan semangat anak bangsa menyahut cabaran untuk mengahantar dan membangunkan bidang sains yang selama ini hanya dipelopori oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Eropah.

"Kita Antartika diakui ramai sebagai petunjuk penting perubahan alam sekitar di seluruh dunia dan ramai ahli sains berpendapat bahawa pengetahuan yang sebestem-benarnya tentang kepelbagaian dari taburan biotada Antartika penting untuk mengenal dan mengahantar perubahan alam sekitar dalam ekosistem Antartika," katanya.

Pengalaman berlayar Azizan

DR. AZIZAN ABU SAMAH (64) bersama Tunja Sultan Mizan Zainal Abidin (Iga dari kiri) semasa melawat Antartika (2011).

ANTARTIKA PERUBAHAN MALAYSIA KE BENTUK AIS

8201
62° AW
446° AW
U.S. AIR FORCE

Keratan akhbar *Mingguan Malaysia* pada 20 Mei 2018 tentang Dr. Azizan Abu Samah.

Sumber: <http://upm.edu.my/>. Dicapai pada 15 Ogos 2020.



“Antartika perlu dipertahankan sebagai warisan manusia sejagat”.
Ulas pernyataan ini.



- Malaysia mengambil inisiatif membentuk pasukan penyelidik dalam pelbagai bidang ke Antartika. Antara anak tempatan yang mencatatkan sejarah terlibat dalam penyelidikan ini termasuklah Dr. Haji Omar Abdul Rahman yang melawat Antartika pada tahun 1985.
- Malaysia secara giat melakukan penyelidikan di Antartika sejak tahun 1999 terutama dalam bidang perubahan iklim dan kajian gas rumah hijau.
- Malaysia juga mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan yang ditempatkan di Universiti Malaya dan diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah.
- Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di Kuala Lumpur turut terlibat melakukan penyelidikan saintifik di Antartika.
- Komitmen Malaysia dalam penyelidikan Antartika membuktikan bahawa negara kecil juga mampu mencapai kejayaan jika diberi peluang dalam penyelidikan di Antartika.



Logo YPASM, 2016.

Sumber: <http://www.ypasm.my>. Dicapai pada 14 Jun 2020.

Dasar luar Malaysia bukan sekadar melibatkan hubungan diplomatik serta hal berkaitan dengan politik dan pertahanan semata-mata. Hubungan ini turut mencakupi subjek yang luas termasuklah penjagaan alam sekitar. Kelestarian kualiti alam sekitar merupakan amanah yang perlu dijaga bagi kepentingan generasi akan datang. Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar memastikan bumi dipelihara demi kesejahteraan bersama.



Pada tahun 1959, sebanyak 12 negara, iaitu Amerika Syarikat, Rusia, Australia, Jepun, United Kingdom, Norway, New Zealand, China, Belgium, Perancis, Afrika Selatan dan Argentina mengadakan pakatan untuk meneroka Antartika. Meskipun demikian, pakatan ini hanya berkuat kuasa pada tahun 1961. Pakatan ini kemudiannya dibekukan selama 30 tahun, iaitu sehingga tahun 1991. Keadaan ini bermakna, hanya selepas tahun 1991, negara tersebut akan melakukan penerokaan mereka di Antartika.

AKTIVITI

“Antartika sebagai bumi yang tidak dihuni adalah milik masyarakat antarabangsa. Negara-negara yang dewasa ini mentadbirkannya hendaklah melepaskannya untuk diserahkan sama ada kepada PBB bagi ditadbirkan atau penghuni-penghuni sekarang bertindak sebagai pemegang amanah kepada semua bangsa di dunia”.

(Dr. Mahathir Mohamad, ucapan di PBB dipetik daripada Faridah Jaafar, “Keperibadian Politik Tun Hussein dan Dasar Luar Malaysia, 1976–1981” dlm. *Sejarah*, No.11, 2013 hlm. 136).

Berdasarkan ucapan di atas, apakah faedah yang diperoleh Malaysia dalam melakukan penyelidikan Antartika? Hujahkan.



YPASM.

10.5 Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan

Wawasan masa hadapan bermaksud strategi jangka panjang sebagai panduan arah dasar dalam pelbagai aspek berkaitan dengan pembangunan negara. Dalam keadaan ini, dengan melihat kepada perkembangan sejarah serantau dan antarabangsa, Malaysia lebih yakin untuk menuju masa hadapan yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Oleh itu, negara kita merangka pelbagai usaha bagi memastikan generasi akan datang turut menikmati kehidupan yang lebih baik.

Komuniti ASEAN

Komuniti ASEAN ditubuhkan pada tahun 2015 melalui Deklarasi Kuala Lumpur sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN ke-27.

- Komuniti ASEAN merupakan satu langkah menyeluruh, strategik dan bersifat memandang ke hadapan serta mencerminkan aspirasi ASEAN.
- Wawasan ASEAN memberikan fokus pada ekonomi, sosiobudaya dan keselamatan. Pertumbuhan ekonomi ASEAN diharapkan dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.
- Melalui komuniti keamanan pula, menjadi harapan agar keselamatan rantau ASEAN kekal terjamin dan segala konflik dapat diselesaikan secara damai.
- Hasrat komuniti sosiobudaya pula agar integrasi antara negara anggota ASEAN dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik.



Komuniti ASEAN.

Keselamatan Makanan

Malaysia serta negara di rantau Asia Tenggara menyedari bahawa satu isu penting yang perlu dihadapi pada masa hadapan ialah isu keselamatan makanan.

- United Nations' Committee (UNC) pada tahun 1996 menyebut bahawa keselamatan makanan merujuk setiap orang pada setiap masa mempunyai akses kepada sumber makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan makanan mereka.
- Antara isu tentang keselamatan makanan termasuklah berlaku kenaikan harga barangan yang keterlaluan, bekalan barangan terhad kerana masalah pengeluaran, bencana alam atau pencemaran makanan.



Sebagai generasi muda dalam komuniti ASEAN, cadangkan usaha anda untuk mengekalkan keamanan dalam kalangan warga ASEAN.

- Malaysia bekerjasama dengan negara anggota ASEAN untuk menubuhkan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN. Usaha ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang dasar sekuriti makanan bagi negara anggota ASEAN dan membentuk Simpanan Beras Kecemasan ASEAN. Rizab ini boleh digunakan sewaktu kecemasan dan kadar yang ditetapkan sebanyak 50 000 tan yang disimpan sebagai stok.

Alam Sekitar

Isu alam sekitar yang penting dan perlu ditangani oleh Malaysia serta negara di Asia Tenggara ialah isu jerebu. Jerebu merupakan fenomena atau pencemaran udara yang menjejaskan jarak penglihatan dan kesihatan. Hal ini disebabkan pembakaran terbuka yang tidak terkawal terutamanya pembakaran hutan. Oleh hal yang demikian, Malaysia bersama-sama negara ASEAN mengambil langkah aktif bagi memastikan isu ini dapat diatasi pada masa hadapan.

- Langkah ini dilaksanakan melalui Perjanjian ASEAN berkaitan dengan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.
- Perjanjian ini merupakan sebuah perjanjian serantau pertama di dunia. Menerusi perjanjian ini, negara anggota yang terlibat disarankan untuk mengambil langkah dari aspek undang-undang dan pentadbiran serta tindakan lain yang wajar seperti yang termaktub dalam perjanjian tersebut. Pelaksanaan tersebut amat penting bagi memastikan krisis jerebu tidak akan berlaku lagi di rantau Asia Tenggara dengan menekankan prinsip, “ASEAN Tanpa Jerebu 2020”.
- Malaysia dan Singapura juga bersetuju bekerjasama untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pencegahan kebakaran di tanah gambut bagi mencari penyelesaian menangani isu jerebu di rantau ini.



Jerebu di Kuala Lumpur, 2014.

Sumber: <https://kpkkesihatan.com/>. Dicapai pada 15 Ogos 2020.

Zon Bebas Nuklear

Isu pertahanan dan keselamatan merupakan isu penting bagi memastikan rantau Asia Tenggara berada dalam keadaan aman dan selamat terutamanya daripada persaingan senjata nuklear.

- Malaysia menandatangani Southeast Asian Nuclear-Weapon-Free-Zon (SEANWFZ) atau dikenali sebagai Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara pada tahun 1995. Perjanjian ini menekankan agar negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear.
- Kedudukan Asia Tenggara yang strategik turut menjadikannya terlibat secara langsung dalam kancuh persaingan membabitkan kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat yang turut memiliki senjata nuklear.
- Dalam keadaan ini, Malaysia tidak boleh berdiam diri dan membiarkan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal perang asing yang membawa senjata nuklear. Malaysia berasakan bahawa kedua-dua laluan tersebut perlu bebas daripada senjata nuklear.
- Malaysia bertindak untuk tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh atau mengadakan latihan di perairan negara ini kerana boleh membawa konflik yang buruk kepada rantau Asia Tenggara.

Kerelevanan Organisasi Antarabangsa

Malaysia memandang serius terhadap pertubuhan dunia seperti PBB dan OIC yang tidak mampu berfungsi dengan baik dalam menjayakan matlamatnya terutama bagi melindungi hak dan kedudukan negara kecil yang sedang membangun.

- Malaysia berpandangan bahawa penggunaan kuasa veto oleh kuasa besar hanya sah jika dua buah negara yang mempunyai kuasa itu bersama-sama tiga anggota yang tidak memiliki kuasa veto bersetuju untuk menggunakannya demi memastikan penyalahgunaan kuasa veto dapat dikurangkan. Negara yang memiliki kuasa veto tidak sepatutnya meletakkan diri mereka terkecuali daripada undang-undang antarabangsa.
- Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 yang melibatkan kira-kira 56 buah negara Islam dengan 450 perwakilan. Matlamat sidang ini adalah untuk merapatkan jurang dan kedudukan masyarakat Islam bagi menangani pelbagai isu.

Hak Asasi Manusia, Pelarian dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Malaysia menyedari bahawa isu hak asasi manusia, pelarian dan pendatang asing tanpa izin (PATI) merupakan isu yang saling berkait dan penting pada masa hadapan. Keamanan, kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi yang pesat menjadi faktor penarik kepada kemasukan PATI dan pelarian.



Negara yang mempunyai kuasa veto di Majlis Keselamatan PBB ialah Amerika Syarikat, Rusia, United Kingdom, Perancis dan China.

- Kehadiran PATI dan pelarian ini mampu membawa implikasi terhadap sosial, ekonomi, jenayah, politik dan hubungan diplomatik serta berupaya untuk mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Malaysia turut membendung kemasukan PATI melalui pengukuhan mekanisme pengurusan warga asing.
- Malaysia terlibat dalam pelbagai program di bawah PBB terutama United Nations High Commissioner for Refugees – UNHCR (Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian). Malaysia turut dilantik sebagai ahli suruhanjaya ini pada tahun 1993 hingga tahun 1995.
- Sebagai langkah proaktif juga sebuah badan berkaitan dengan hak asasi manusia, iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan pada tahun 1999.



Mesyuarat berkaitan dengan hak asasi manusia, Kuala Lumpur, 1988.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Logo SUHAKAM.

Sumber: <https://www.suhakam.org.my>.
 Dicapai pada 12 Jun 2020.

Malaysia melihat masa hadapan dengan positif. Wawasan yang merangkumi pelbagai perkara menjadi asas penting bagi menghadapi masa hadapan demi kesejahteraan penduduk. Pada peringkat serantau, satu wawasan jelas dilakukan melalui Komuniti ASEAN mahupun kerjasama keselamatan makanan. Malaysia turut memainkan peranan pada peringkat global melalui isu hak asasi manusia yang menekankan kerelevanan pertubuhan antarabangsa.

Secara keseluruhannya, Malaysia mengamalkan sikap pragmatik, berprinsip dan berkecuali dalam dasar luarnya. Amalan ini diteruskan melalui pengiktirafan dan kerjasama ekonomi, politik serta keselamatan dengan negara serantau dan antarabangsa. Strategi diplomatik dua hala dan pelbagai hala yang disokong oleh pelaksanaan dasar luar yang konsisten sejak kemerdekaan mewujudkan imej yang positif pada peringkat antarabangsa. Kelantangan dan kecemerlangan Malaysia dalam menangani isu global menjadi teladan kepada negara lain.



KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

1

Malaysia dalam Isu Global Kontemporari

- Penyalahgunaan Dadah
- Pertindihan Sempadan
- Kempen Antiminyak Sawit
- Pemerdagangan Orang
- Penyakit Berjangkit

2

Peranan Malaysia dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa

- Meluaskan Pasaran Ekonomi
- Dominasi Ekonomi Negara Maju
- Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga
- Menangani Kemelesetan Ekonomi
- Mengantarabangsakan Sistem Kewangan Islam

3

Pelibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan

- Isu Palestin
- Isu Syria
- Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

4

Usaha Mengekalkan Kelestarian Global

- Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi
- Menyertai Sidang Kemuncak Bumi
- Antartika sebagai Warisan Sejagat

5

Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan

- Komuniti ASEAN
- Keselamatan Makanan
- Alam Sekitar
- Zon Bebas Nuklear
- Kerelevanan Organisasi Antarabangsa
- Hak Asasi Manusia, Pelarian dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)



Pembelajaran Abad Ke-21

Aktiviti 1: Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)

Arahan:

1. Murid dikehendaki memikirkan maksud topik di bawah.
2. Murid dikehendaki menjawab soalan yang diberikan secara individu.
3. Bersama-sama rakan, bincangkan petikan dan soalan yang diberikan.
4. Kongsi maklumat dan pendapat dengan kumpulan lain.



Warta Sawit.

Sumber: <http://palmoilis.mpob.gov.my>. Dicapai pada 13 Oktober 2020.

Pengeluar produk makanan dan bukan makanan Eropah kini giat memasarkan lebih banyak produk dengan label tanpa minyak sawit atau No Palm Oil. Perkara ini menyebabkan wujud tanggapan negatif terhadap minyak sawit dalam kalangan pengguna di Eropah. Pengguna menganggap minyak sawit tidak baik untuk kesihatan serta merosakkan alam sekitar.

Warta Sawit, Bil. 7(1), Januari April 2019.

- (a) Apakah maksud Sayangi Sawitku ?
- (b) Mengapakah negara maju melancarkan kempen antiminyak sawit?
- (c) Apakah kesan kempen ini kepada Malaysia?
- (d) Cadangkan langkah untuk memajukan ekonomi negara kita.



Pembelajaran Abad Ke-21

Aktiviti 2: Jaring Kata Kumpulan (Team Word-Web) serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Arahan:

1. Murid membentuk kumpulan dan menerima gambar di bawah.
2. Murid juga boleh melayari laman web di bawah.
3. Murid menulis idea berkaitan dengan soalan yang dinyatakan atau tambahan soalan pada kertas sebak.
4. Setiap ahli kumpulan menulis idea dalam bentuk peta minda dengan menggunakan pen yang berlainan warna antara kumpulan untuk menunjukkan idea daripada mereka.



Gua Kelawar.



Gua Pinang.



Sumber: <https://langkawigeopark.com.my/discovery-centre/> dan <https://www.lada.gov.my/langkawi-unesco-global-geopark/>. Dicapai pada 14 Ogos 2020.

Secara berkumpulan, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Ceritakan perkara yang anda lihat daripada gambar di atas atau laman web yang dilayari.
2. Berdasarkan pengetahuan anda dan maklumat dalam laman web yang dilayari, mengapakah kehidupan dalam sesebuah masyarakat tidak boleh dipisahkan dengan alam semula jadi, budaya dan sejarah sosialnya?
3. *Geopark* merujuk sebuah kawasan yang terdapat tapak warisan geologi yang boleh digunakan oleh semua pihak bagi tujuan pemeliharaan, pendidikan dan pembangunan secara lestari atau mampan. Berdasarkan takrifan ini, bincangkan kepentingan pengisytiharan Langkawi sebagai UNESCO *geopark* pertama di Asia Tenggara.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?
 - A. Kedudukan strategik
 - B. Kemasukan ramai pelancong
 - C. Kelonggaran syarat imigresen
 - D. Ketiadaan undang-undang jenayah
2. Apakah agensi PBB yang mengiktiraf kejayaan Malaysia dalam menangani penularan wabak AIDS di Asia?
 - A. ILO
 - B. WHO
 - C. UNCHR
 - D. UNESCO
3. Bincangkan sumbangan Malaysia dalam usaha membantu pelarian:
 - (i) Palestin
 - (ii) Syria
4. Nyatakan punca utama berlakunya jerebu di Malaysia.
5. Jelaskan kepentingan Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara.
6. Pelibatan Malaysia dalam Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN memberikan manfaat kepada negara kita. Bincangkan.
7. Maklumat yang berikut merupakan visi Agensi Antidadah Kebangsaan.

Masyarakat Malaysia Bebas Dari Dadah

- (a) Apakah yang anda faham tentang visi ini?
 - (b) Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil bagi mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat?
8. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) merupakan penyakit berjangkit yang melanda dunia.
 - (a) Apakah maksud AIDS?
 - (b) Nyatakan kesan penyakit ini kepada masyarakat dan negara.
 - (c) Bincangkan langkah yang perlu diambil bagi mengatasi penyakit ini daripada merebak.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

9. Jawab soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah.



Sumber: <http://news.ump.edu.my>.
Dicapai pada 13 Oktober 2020.



Sumber: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

- Apakah yang anda faham tentang gambar di atas?
- Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menjaga dan mengekalkan keaslian alam sekitar?

10. Petikan yang berikut tentang isu Palestin oleh Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM).

PCOM ingin berterima kasih terhadap tindakan tegas Parlimen Malaysia mengesahkan penyingkiran Israel daripada keahlian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan membantah rancangan Israel mencerooboh wilayah Palestin di Tebing Barat.

Tindakan tegas ini mencerminkan prinsip mulia yang diperjuangkan Malaysia dan membuktikan penyatuan kukuh kepemimpinan dalam kalangan anggota ahli Parlimen Malaysia, tanpa mengira perbezaan latar belakang parti politik, sama ada kerajaan atau pembangkang.

- Apakah yang anda faham tentang petikan di atas?
- Pemimpin Malaysia tanpa mengira kaum menentang penindasan rakyat Palestin oleh Israel. Sebagai rakyat Malaysia, cadangkan langkah yang perlu dilakukan untuk membantu kerajaan menangani isu Palestin.
- Berdasarkan pengetahuan anda, sejauh manakah pelibatan Malaysia dalam menangani isu kemanusiaan?



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Pendedahan terhadap kesukarelawan amat wajar diterapkan pada semua peringkat umur bagi memupuk masyarakat yang mempunyai sifat ingin membantu dan berperikemanusiaan.
- Perasaan cinta akan negara bukan sahaja dari segi menjaga perpaduan dan keamanannya, malah perasaan cinta akan barangan buatan Malaysia turut penting dalam kalangan masyarakat bagi memupuk sikap menghargai dan menyokong produk tempatan.

Diri dan Keluarga

Sebagai ahli dalam keluarga, sikap bertoleransi dan berperikemanusiaan mampu mewujudkan sebuah institusi keluarga yang harmoni. Di samping itu, sikap ini dapat melahirkan generasi yang mempunyai sifat belas kasihan dan perasaan ingin membantu antara satu sama lain.

Negara

Usaha yang ditonjolkan oleh negara kita dalam menangani pelbagai isu dan masalah menunjukkan bahawa negara amat menitikberatkan soal keseimbangan dari segi ekonomi, sosial dan politik. Usaha ini menunjukkan bahawa aspek tersebut penting untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang maju dan harmoni.

Tahun	Mangsa
2017	2945
2018	1474
2019 (Jan. – Jun)	543

Malaysia berpendirian tegas dalam menangani isu pemerdagangan orang.

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman, 2002. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman, 2003. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman, 2004. *Pengantarabangsaan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman, 2006. *Kebudayaan Kebangsaan: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn.Bhd.
- A. Aziz Deraman, 2010. *Wacana Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Ghapa Harun, 2017. *Pemikiran Sejarah dan Politik Pembinaan Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abd. Jalil Borhan, 2002. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 2004. *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Abdul Rahman dan Sumangala Pillai, 1997. *Mahathir: Kepimpinan dan Wawasan dalam Sains dan Teknologi*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Aziz Abdul Rahman, Abdul Razaq Ahmad dan Mohd Mahzan Awang, 2019. *Patriotisme dan Toleransi Kaum Antara Belia Malaysia*. Bangi: Penerbit Univeristi Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Aziz Bari, 2006. *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari, 2006. *Politik Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Abdul Aziz Bari, 2008. *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari, 2016. *Perlembagaan Malaysia Suatu Pengenalan*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Abdul Aziz Rahman, 2012. *100 Wira Negara*. Kuala Lumpur: MUBARAK.
- Abdul Halim Ramli, 2009. *Hubungan Kaum di Malaysia: Sejarah dan Asas Perpaduan*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Abdul Halim Ramli, 2015. *Perlembagaan Malaysia: Isu dan Persoalan Perhubungan Kaum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Haron (ed.), 2016. *MARA: Perjuangan yang Belum Selesai*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Latif Abu Bakar, 1987. *Kebudayaan Kebangsaan dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Biro Pendidikan UMNO Malaysia.
- Abdul Qadir Djaelani, 2001. *Negara Berdaulat dalam Perspektif Islam*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Bakar dan Awang Sariyan, 2005. *Suara Pejuang Bahasa*. Ampang: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Abdul Rahman Embong, 2015. *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail dan Azmi Ariffin, 2016. *Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail, 2007. *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Baginda (ed.), 2009. *Malaysia's Defence and Security Since 1957*. Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre.
- Abdul Razak Baginda (ed.), 2009. *Malaysia at 50 and Beyond*. Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre.
- Abdullah Zakaria Ghazali dan Zulkanain Abdul Rahman (ed.), 2008. *Konflik Dunia Abad ke-20*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahari Abu Bakar, 1980. *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Ali Seman dan Wartu Kimi, 2013. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Ahmad Atory Hussin, 1991. *Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Farhan Abdullah, Isu-isu Terpilih Malaysia Melibatkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), 1957-2003 dlm. *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 38, 2010.
- Ahmad Farhan Abdullah, Malaysia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 1957-2003 dlm. *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 36, 2008.

- Ahmad Farhan Abdullah, Sumbangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Pembentukan Malaysia dan Penglibatan Malaysia dalam PBB, 1957-2003 dlm. *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 37, 2009.
- Ahmad Ibrahim (ed.), 2003. *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, 2015. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Noor Ain Mat Noor (ed.), 2015. *Dasar dan Tadbir dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid, 2008. *Sports and Recreation*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid, 2011. *The Encyclopedia of Malaysia: The Ruler of Malaysia*. Volume Editor. Kuala Lumpur: Archipelago Press dan Didier Millet.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid, 2011. *The Rulers of Malaysia*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.
- Ahmat Adam, 1994. *Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aida Idris dan Abu Hassan Hasbullah, 2012. *Membina Bangsa Malaysia*. Petaling Jaya: The Strategic Information and Research Development.
- Ariah Judah, 2017. *Raja Payung Negara Daulat Sepanjang Zaman*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia, 1980. *Hari ini Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Asmah Haji Omar, 2015. *Za ba: Ahli Fikir dan Ahli Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2015. *Dasar Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asri Shukor, 2009. *Malaysia-Singapore Bilateral Relations: The Dependent and Interdependent Factors*. Disertasi Sejarah. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Attorney General s Chambers of Malaysia, Disarmament and Non-Proliferation dlm. <http://www.agc.gov.my/agcportal/index>. Dicapai pada 16 Julai 2020.
- Awang Had Salleh, 1980. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh, 1980. *Pendidikan ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Azizan Mat Enh (ed.), 2011. *Sejarah Diplomatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizan Mat Enh (ed.), 2014. *Hubungan Antara Negara dalam Sejarah: Dari Era Perang Dingin ke Perang Dingin*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- “Beefing Up to Food Security” dlm. *The Star*, 19 April 2020.
- Bilcher Bala, 2016. *Isu dan Cabaran Sarawak Selepas Merdeka dalam Malaysia*. Kertas Kerja (PDF Available). Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak.
- Braddel, R., 1931. *The Legal of the States*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- C.O.1030/1105. *Clandestine Communist Organisation in Sarawak 1960–1962*. Public Record Office State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- CFC Macaskie. *The Law and Legislation of the State of North Borneo* dlm. *Jurnal of Comparative Legislation and International Law*. Siri ketiga, Vol. 3, No. 3, hlm. 200-222, 1921.
- Chamhuri Siwar dan Mohd Hafflah Piei, 1988. *Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail, 1992. *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chandran Jeshurun, 2007. *Malaysia Fifty Years of Diplomacy 1957–2007*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Cheah Boon Kheng (ed.), 2006. *Early Modern History 1800-1940*. Kuala Lumpur: Archipelago Press dan Didier Millet.
- Chew Hock Thy, 1975. *Masalah Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Danny Wong Tze-Ken (ed.), 2006. *Sejarah: Sumber dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Danny Wong Tze-Ken, 2005. *Sejarah Ringkas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Gabenor Borneo Utara*. Kota Kinabalu: Perpustakaan Negeri Sabah.
- Dayu Sansalu, 2014. *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah 1881-1981*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DEV/143. *Hammer Minor Project 1965–1972*. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, 1986. *DEB: Beberapa Kesan Kaunter Produktif dalam Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia.
- DOK/119. *Curfew Areas: Travelling Programs 1963-1966*. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- Dzulkifli Abdul Razak dan Rosnani Hashim, 2019. *Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Eko Prayitno Joko, 2018. *Deksripsi Mengenai Sabah daripada Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Emerson, R., 1982. *Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- F/46/2, *Security Operation- 1st Division 1963 1970*. Resident and District Office. Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- F/46H/1, *Security Operation: Hammer Operation 1965 1966*. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- F/55/1, *Psychological Operation in Sarawak 1964 1971*. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- Faaland, J. dan Parkinson, J. (ed.), 2005. *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Faisal Othman. Wawasan 2020 Menurut Perspektif Islam dlm. *Jurnal Tasawwur Islam*, No. 1, 1994.
- Faridah Jaafar, Peribadi Politik Tun Hussein dan Dasar Luar Malaysia, 1976 1981 dlm. *Sejarah*, No. 11, 2013.
- FCO 141/12711, *Communist Penetration of SUPP/Unions, BPS, Postponement of Federation*. Public Record Office. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- Federation of Malaya-Act of Parliament No. 26 OF 1963 Malaysia Act . Sabah Lawnet. 2016.
- Foreign Affairs Malaysia dlm. *Ministry of Foreign Malaysia*, No. 4, Bil. 8, 1975.
- FUJIO HARA. The North Kalimantan Communist Party and The People s Republic Of Chin dlm. *The Developing Economies*, XLIII-4 hlm. 489 513, Disember 2005.
- G/28/1, *Preservation of Public Security Ordinance 1962 –1966*. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- Gan Chee Keong dan Ahmad Azam Mohd Shariff, 2018. *Perlembagaan Persekutuan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Shafie, 1981. *Malaysia: Nilai Politik & Budaya*. Petaling Jaya: Penerbit Pustaka Antara.
- Ghazali Shafie, 1985. *Rukunegara: Testament of Hope*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn.Bhd.
- Ghazali Shafie, 1998. *Malay Nationalism and Globalisation*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Groves, Harry E., 1964. *The Constitution of Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysia Publications Ltd.
- Hanum Hassan dan Nurul Ashikin Abdul Halim, 2020. *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harding Andrew dan Lee, H.P. (ed.), 2007. *Constitutional Landmark in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Harcharan Singh Khera, 1972. *Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur: Merican & Sons Sdn. Bhd.
- Hashim Ismail, 2017. *Kebudayaan Kebangsaan Dicabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Yeop A. Sani, 1980. *Perlembagaan Kita*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers.
- Hernandez, C. G., 2003. *Finding Common Ground on the Coeans: The Informal Meeting of the ASEAN Sea Law Experts on the UNCLOS*. Filipina: Institute for Strategic and Development Studies, Inc.
- Ho Ah Chon, 1995. *Sarawak Historical Events (The Formation of the Federation of Malaysia) 1961 1963*. Sarawak: Pustaka Negeri Sarawak.
- Ho Hui Ling, 2016. *Pergerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ho Hui Ling. Kebangkitan Parti Komunis Malaya, 1968 1989: Penelitian Terhadap Kegiatan Komunis di Semenanjung Malaysia dlm. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 42 (1), hlm. 23 56, Julai 2015.
- Hussain Mohamad, 2005. *Belia dan Patriotisme*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Ibrahim Saat, 2009. *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Information Malaysia: Incorporating Malaysia Year Book 1957/76, 2012. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Institut Tadbiran Awam Negara, 1993. *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Ishak Saat, 2016. *Warisan Kepimpinan dan Ketuanan Melayu*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn.
- Ismail Hussein, 1984. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kehakiman, 2014. *The Malaysian Judiciary Year Book 2014*. Putrajaya: Jabatan Kehakiman.
- Jabatan Penerangan Malaysia, 1985. *Official Year Book Malaysia 1985*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia, 2007. *50 Tahun Pendakian Ke Puncak Emas*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia, 2017. *Buku Rasmi Tahunan*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia, 2018. *Laporan Tahunan 2018 Annual Report*. Kuala Lumpur: Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia.
- Jamaie Hamil, 2005. *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James P. Ongkili, 1985. *Nation Building in Malaysia 1946 1974*. Singapura: Oxford University Press.
- Jayum A. Jawan, 2007. *Hubungan Sesama Manusia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Jeniri Amir, 2009. *Bahasa, Negara dan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeshurun, C., 2007. *Malaysia: Fifty Years of Diplomacy, 1957–2007*. Kuala Lumpur: The Other Press Sdn. Bhd.
- Jomo K.S., 1988. *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jomo K.S., 1991. *Masyarakat Malaysia: Cabaran Sosio-Ekonomi*. Petaling Jaya: Institut Analisis Sosial.
- Jomo K.S., 2010. *Warisan Ekonomi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Jomo K.S. dan Hui Wee Chong, 2002. Working Paper The Political Economy of Malaysian Federalism: Economic Development, Public Policy and Conflict Containment” dlm. WIDER Working Paper Series DP2002–113, World Institute for Development Economic Research (UNU-WIDER).
- Jonathan Barnes, 2015. *Aristotle: Pengenalan Ringkas*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Negara.
- Joseph M. Fernando dan Shanthiah Rajagopal. Politics, Security and Early Ideas of Greater Malaysia 1945 1961 dlm. *Archipel*, 94, 2017.
- K. Ramanathan, 1985. *Politik dalam Pendidikan Bahasa 1930 1971*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- K. Ramanathan, 1988. *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kallgren, J.K. (ed.), 1988. *ASEAN and China: An Evolving Relationship*. Berkeley: University of California.
- Kamaruddin Mohd Said, 2015. *Kesedaran Sejarah: Transformasi Sosio-Ekonomi dan Kelakuan Politik Masyarakat*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Kamarudin Jaafar dan Hazami Habib, 1993. *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Kamarulnizam Abdullah. Malaysia s Role In Invigorating NAM s Bandung Spirit dlm. *JEBAT*, No. 1, Bil. 40, 2013.
- Kartini Aboo Talib, 2017. *Dasar Pandang ke Timur: Pencapaian Adaptasi dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kaur, A. dan Metcalfe, I., 1999. *The Shaping of Malaysia*. United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Kee Howe Yong, 2013. *The Hakkas of Sarawak: Sacrificial Gifts in Cold War Era Malaysia*. Toronto: University of Toronto Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1974. *Laporan Mengenai Pelaksanaan Shor-shor Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2018. *Dasar Perumahan Negara*. Putrajaya: Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Kementerian Penerangan dan Multimedia Malaysia, 2019. *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada*. Putrajaya: Kementerian Penerangan dan Multimedia Malaysia.
- Khairil Anas Jusoh, 2014. *Dustur Wa Salatin Perlembagaan dan Para Sultan*. Shah Alam: Foundation of Research on Transformation (FORT).
- Khairulmaini Osman Salleh dan Kanthasamy N., 2003. *Malaysia and Globalisation: Issues and Challenges in the 21st Century*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kumpulan Rencana Dewan Masyarakat 1963 1972, 1979. *Pembangunan dan Masalah Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Bibliografi.



Nombor Penerimaan Gambar Arkib Negara Malaysia dan maklumat lain dari semasa ke semasa.

INDEKS

- Abdul Rahman Ya kub 95, 122, 123
Abdul Razak Hussein 72, 130, 150, 169, 195, 208
Abdullah Ahmad Badawi 212, 215
agama Islam 29, 38, 40, 49, 51
alat perpaduan 146, 152
amalan demokrasi 50, 56, 60
Antartika 240, 241
asas Perlembagaan 22, 100
ASEAN 210, 211, 227, 230, 231
badan eksekutif 52, 54, 56
badan kehakiman 7, 52, 55, 56
badan perundangan 25, 52, 53, 56
bahasa Melayu 4, 29, 102, 145, 146, 148, 149
cabaran 116-119, 208, 209
China 194, 197, 208, 210, 213, 227
darurat 118- 130
Dasar Ekonomi Baru 166-168, 180, 185
dasar luar 195-197, 208, 210, 212
Dasar Pembangunan Nasional 174, 175, 196, 180
Dasar Pendidikan Negara 143, 144, 147
Datu Mustapha Datu Harun 92, 96, 98, 102, 105
Demokrasi Berparlimen 28, 29, 38, 41, 50, 56
Dewan Negara 27, 48, 49, 52, 53
Dewan Rakyat 27, 48, 49, 52, 53, 98
Donald Stephens 96, 98, 99, 102
Filipina 8, 94, 96, 97, 108, 197, 210
gagasan Malaysia 90, 94, 97, 121
gerakan komunis 121, 122
hubungan ekonomi 230, 233
hubungan kaum 140, 141, 153
Indonesia 94, 97, 104, 106-109, 208, 210, 227, 231
integrasi nasional 13, 118, 140, 142, 152
isu global 226, 229, 245
isu kemanusiaan 234
isu Palestin 212, 234
Jawatankuasa Antara Kerajaan 102
Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia 95, 98, 99
jenis kedaulatan 6, 7
jurang sosioekonomi 167
kedaulatan negara 4, 6, 10, 15
kelestarian global 224, 238
Komanwel 197, 206, 207, 234, 238
konfrontasi 106, 108, 109
kuasa Kerajaan Negeri 67, 68, 70- 72
kuasa Kerajaan Persekutuan 67, 69, 78
langkah pembentukan Malaysia 98
Lee Kuan Yew 97, 119, 120
Lord Cobbold 100, 101
Mahathir Mohamad 68, 174, 226, 232
Majlis Gerakan Negara 129, 130
Majlis Raja-Raja 42-44, 46, 49, 52
negara berdaulat 8, 10, 15
NGO 234, 236, 237
OIC 214, 215
Onn Jaafar 91
operasi ketenteraan 121, 122
parti politik 57, 95, 96, 129, 142
pembahagian kuasa 50, 68, 81
pembentukan Malaysia 91, 93, 94, 98
pemisahan Singapura 30, 119, 120
Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak 212
Perjanjian Malaysia 103, 109
perpaduan kaum 13, 116, 118, 130, 140
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 7, 104, 198
Raja Berperlembagaan 39, 41, 42, 56, 67
Referendum Singapura 100
Rukun Negara 140, 142, 143, 157, 158
rusuhan kaum 119, 129, 131
sempadan bertindih 226, 227
Senarai Bersama 70
Stephen Kalong Ningkan 95, 118
Suruhanjaya Cobbold 98, 100, 101
Temenggung Jugah Anak Barieng 95, 98
Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj 31, 90, 92, 94, 214, 234
undang-undang Inggeris 22, 23
undang-undang negeri Melayu 22
Vietnam 208, 210, 227
Yang di-Pertuan Agong 29, 44, 46- 48
ZOPFAN 210



Senarai Jawapan.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL



RM18.00

ISBN 978-983-49-2870-4



9 789834 928704

FT095001